SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B1

Mohon untuk pihak Telekom memeriksa dan memastikan semua *manhole* mereka dalam keadaan baik kerana terdapat banyak *manhole* yang rosak dan tidak diturap baik hingga membahayakan pengguna jalan raya seperti kemalangan dan kerosakan kenderaan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Pihak Telekom Malaysia (TM) mengambil maklum berhubung isu manhole yang rosak serta tidak diselenggara dengan baik, yang berpotensi mendatangkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya.

2. Walau bagaimanapun, TM sentiasa berhadapan isu kecurian kabel. Aktiviti ini turut mengakibatkan *manhole* yang berada didalam keadaan yang baik, telah dibuka dan ditinggalkan terbuka yang boleh mengakibatkan kemalangan.

3. Manhole yang tidak stabil boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya, kerosakan kenderaan, serta aduan daripada masyarakat. Dari sudut operasi pula, keadaan ini boleh menjejaskan kesinambungan perkhidmatan telekomunikasi sekiranya berlaku kerosakan pada infrastruktur rangkaian.

4. Tindakan susulan oleh pihak TM:

    a. **Pemeriksaan & Penyelenggaraan:** TM melaksanakan pemeriksaan berkala, kerja-kerja penyelenggaraan, dan tindakan segera terhadap aduan kerosakan. Langkah ini merangkumi kerja menurap semula, mengganti penutup manhole rosak, serta menaik taraf struktur mengikut piawaian. Sebarang aduan yang diterima melibatkan isu manhole akan ditangani serta merta.

    b. **Pemeriksaan Kualiti:** Semua projek yang dijalankan, termasuk pembaikan yang telah disiapkan, melalui proses *quality check* bagi memastikan hasil kerja kemas, selamat, dan menepati spesifikasi.

    c. **Kerjasama Rentas Pihak :** TM sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi berkaitan, serta masyarakat setempat untuk melaporkan isu-isu berbangkit, agar dapat diambil tindakan segera dan memastikan keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya terjamin.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B2

Apakah perancangan kerajaan untuk 5 tahun akan datang berkaitan Empangan Labong yang mana kini empangan tersebut menampung 3 buah mukim? Empangan ini juga digunakan untuk kegunaan sawah padi.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Empangan Labong di daerah Mersing dioperasikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui Bahagian Rekabentuk Empangan (BRE) di Ibu Pejabat JPS Cyberjaya. Namun, buat masa ini di peringkat kerajaan negeri melalui Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) belum mempunyai sebarang perancangan di Empangan tersebut berikutan pihak BAKAJ berpandangan Empangan labong yang berada di dalam rizab Kawasan Hutan Simpan Kekal Endau Rompin perlu dikekalkan keluasan hutannya selain kapasiti Empangan Labong masih mencukupi bagi kegunaan semasa dan akan datang berdasarkan Kajian Storan NAWABS oleh pihak JPS.

Walau bagaimanapun, sumber lain yang berhampiran iaitu Sungai Endau adalah berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air baharu sekiranya terdapat keperluan dan permintaan air di kawasan Mersing terutamanya di Dun Endau. Berdasarkan Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010 – 2060, Sungai Endau mempunyai anggaran kapasiti air mentah sehingga 1000 JLH di kawasan hulu sungai tersebut.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B3

Memandangkan jajaran Tanjung Resang hingga Penyabong kini kian meningkat naik berkaitan aktiviti pelancongan seperti chalet, tapak perkhemahan dan sebagainya, apakah tindakan kerajaan dalam memastikan segala utiliti tersedia dengan baik di kawasan ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui sentiasa berusaha untuk memastikan segala fasiliti di seluruh negeri Johor dalam keadaan baik. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meningkatkan capaian telekomunikasi dan akses Internet di kawasan luar bandar agar tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Setakat 31 Julai 2025, pelaksanaan Pelan JENDELA di DUN Endau adalah seperti berikut:

i. Sebanyak 13 buah menara baharu telah siap dan beroperasi manakala 1 masih dalam pelaksanaan di dalam kawasan DUN Endau;
ii. Sebanyak 50 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf kepada rangkaian 4G dan 1 masih dalam pelaksanaan.
iii. Sebanyak 2,886 daripada 3,336 premis di dalam perancangan telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit; dan
iv. Kesemua 4 infrastruktur 5G telah beroperasi dalam kawasan DUN Endau.
v. Pelaksanaan projek *Point of Presence* (PoP) yang menyediakan sambungan rangkaian gentian optik ke kawasan sekolah terpilih di dalam DUN Endau telah disiapkan sebanyak 3 daripada 17 jumlah sekolah yang dirancang. Manakala 14 masih dalam pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 9 infrastruktur telekomunikasi yang sedang beroperasi di sepanjang jajaran Tanjung Resang – Penyabong. Setiap infrastruktur mempunyai radius lingkungan perkhidmatan sejauh 1.5 kilometer, yang sepatutnya mencukupi dan berkesan bagi menampung keperluan liputan telekomunikasi di sepanjang kawasan tersebut bagi masa ini.

MCMC juga sedang aktif memantau status projek kerajaan di bawah projek JENDELA bagi memastikan kesemua perancangan yang sedang dilaksanakan akan siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2025.

Bagi memastikan bekalan utiliti air terawat mencukupi di kawasan jajaran Tanjung Resang hingga Penyabong yang semakin pesat dengan aktiviti pelancongan seperti chalet dan tapak perkhemahan, kerajaan negeri melalui Ranhill SAJ sedang melaksanakan projek naik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Tenglu daripada kapasiti 15 Juta Liter Sehari (JLH) kepada 25 JLH.

Di samping itu projek ini juga akan dilengkapi dengan pembinaan dua buah tangki baharu iaitu tangki pengimbang dan tangki perkhidmatan masing-masing berkapasiti 2.27 JL dan 9 JL di lokasi sekitar Air Papan termasuk kerja-kerja pemasangan sistem perpaipan baharu yang berkaitan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Naik taraf ini akan menambah kapasiti 10 JLH, sekaligus memastikan bekalan air terawat yang stabil dapat dihantar ke kawasan Jalan Penyabong – Tanjung Resang. Langkah ini penting bagi menampung peningkatan permintaan domestik, khususnya semasa musim perayaan, serta menyokong pertumbuhan sektor pelancongan yang semakin rancak di kawasan tersebut.

Projek ini kini berada dalam fasa reka bentuk terperinci dengan jangkaan siap pada Suku Keempat 2029 yang melibatkan kos anggaran sebanyak RM101 juta.

Bagi TNB pula, secara lazimnya akan memberi bekalan elektrik berpandu kepada keperluan pelan pembangunan yang diluluskan.

Selepas tertubuhnya PPU Endau berkapasiti 2 X 30MVA, pada tahun 2022, sistem grid 11kV sekitar Endau hingga ke bandar Mersing semakin berdaya harap dengan cadangan beberapa projek sistem sekitar Mersing. Beban semasa terkini sekitar 9.85MW sahaja.

Bagi permohonan baru yang semakin banyak terutamanya chalet, tapak perkhemahan dan sebagainya, PBT perlu menyediakan tapak pencawang atau tapak compaq substation bagi menampung keperluan tambahan yang bakal masuk.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B4

Apakah manfaat yang diterima oleh pihak kerajaan dan kepada rakyat berikutan dasar penswastaan seperti Safwa? Hal ini kerana dahulu banyak diuruskan oleh anak syarikat kerajaan negeri dan hasil keuntungan pulang kepada kerajaan negeri.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Endau adalah penting bagi memastikan pembangunan ekonomi negeri Johor dilaksanakan secara telus dan mampan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah berkaitan pelantikan konsesi penyelenggaraan jalan dan manfaat yang diterima oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuklah anak syarikat kerajaan negeri atau GLC.

Pelantikan konsesi penyelenggaraan jalan di Negeri Johor adalah langkah strategik yang diadaptasi oleh kerajaan negeri bagi mencapai beberapa matlamat utama. Dari sudut pandangan kerajaan, model ini membolehkan projek-projek infrastruktur dan pembangunan berskala besar dilaksanakan tanpa membebankan perbendaharaan negeri secara langsung.

Bagi rakyat pula, manfaat utama adalah peningkatan kecekapan dan kualiti perkhidmatan. Syarikat yang menguruskan konsesi hendaklah berdaya saing dan sentiasa berusaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan yang ditawarkan. Ini secara langsung memberi impak positif kepada rakyat, sama ada melalui perkhidmatan utiliti yang lebih baik, infrastruktur yang lebih efisien, atau perkhidmatan lain yang berkaitan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Johor komited untuk memastikan setiap pembangunan dan projek konsesi turut memberi limpahan ekonomi kepada semua entiti perniagaan tempatan, terutamanya anak syarikat kerajaan negeri atau GLC. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan negeri telah disyaratkan untuk mengadakan kerjasama bersama pihak Johor Centre for Construction Development (JCCD) bagi melaksanakan Program Pembangunan Kontraktor di Negeri Johor.

Dengan adanya kerjasama tersebut, kerajaan negeri melalui JCCD akan melaksanakan beberapa program kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan pihak JCCD. Ianya secara tidak langsung dapat memberikan nilai tambah kepada pihak kontraktor-kontraktor kecil dalam industri ini. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan laporan daripada pihak JCCD, bagi tahun 2023 sebanyak 16 program latihan/ aktiviti telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan seramai 233 peserta. Manakala pada tahun 2024 pula adalah sebanyak 19 progam telah dilaksanakan dan melibatkan 593 peserta.

Melalui pendekatan ini, bukan sahaja GLC tetapi kontraktor kecil di Negeri Johor juga memperoleh manfaat, malah mereka juga berpeluang untuk meningkatkan keupayaan dan kepakaran mereka. Pendedahan kepada projek besar membolehkan mereka menyerap teknologi baharu dan mengamalkan piawaian industri yang tinggi. Ini adalah pelaburan jangka panjang yang akan menjadikan GLC dan juga kontraktor kecil akan lebih berdaya saing dan kukuh.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Akhir kata, kerajaan negeri sentiasa memantau pelaksanaan konsesi ini untuk memastikan ia dilaksanakan secara telus dan adil. Keuntungan yang dijana oleh syarikat-syarikat yang menguruskan konsesi ini akan kembali kepada kerajaan negeri melalui sumbangan konsesi. Dengan mengamalkan pendekatan yang seimbang ini, kerajaan negeri memastikan setiap projek konsesi bukan sahaja memberi manfaat segera kepada rakyat tetapi juga mengukuhkan ekosistem perniagaan termasuk syarikat-syarikat kecil dan anak syarikat kerajaan negeri. Ia adalah untuk memastikan kemakmuran Negeri Johor yang berterusan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B5

Mohon pencerahan adakah Bakul Kasih Johor program kerajaan negeri atau program parti kerana di Mersing, Bakul Kasih Johor diedarkan dalam program parti dan berpakaian parti? Hal ini kerana bajet Bakul Kasih Johor diluluskan di Dewan yang mulia ini.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Program Bakul Kasih Johor adalah inisiatif rasmi Kerajaan Negeri. Peruntukannya telah diluluskan di Dewan ini dan pelaksanaannya dijalankan di seluruh negeri melalui mekanisme pentadbiran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Sebagai contoh, di kawasan DUN Endau, pelaksanaan program ini diselaraskan oleh Jawatankuasa Penyelaras Khas DUN Endau. Begitu juga di kawasan DUN lain, ia turut diuruskan melalui jawatankuasa khas yang dilantik bagi memastikan agihan dibuat secara teratur dan sampai kepada golongan sasaran.

Berkaitan aduan mengenai pengedaran di Mersing yang dikaitkan dengan program parti, Kerajaan Negeri berpandangan perkara ini mungkin timbul akibat kekeliruan dengan program lain yang dianjurkan oleh parti politik. Justeru, penting untuk ditegaskan bahawa Bakul Kasih Johor kekal sebagai program kebajikan rasmi Kerajaan Negeri dan tidak dipengaruhi sebarang kepentingan parti.

Kerajaan Negeri sentiasa memastikan semua inisiatif kebajikan, termasuk Bakul Kasih Johor, dilaksanakan secara adil, telus dan menyeluruh, demi memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan tanpa mengira latar belakang, fahaman mahupun kecenderungan politik.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN B6

Apakah tindakan segera kerajaan negeri dalam memastikan krisis gangguan air di beberapa daerah di Johor tidak berulang serta bagaimana pelan jangka panjang menjamin bekalan air mencukupi menjelang 2030?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan negeri amat prihatin terhadap insiden gangguan bekalan air, sama ada terancang atau tidak terancang, yang berlaku di beberapa daerah termasuk kawasan berisiko tinggi seperti DUN Perling dan Iskandar Puteri. Perlu difahami terdapat dua jenis gangguan bekalan air yang berlaku iaitu gangguan berjadual dan gangguan tidak berjadual.

Dalam kategori pertama, ia dilakukan bagi membolehkan kerja-kerja pemeriksaan, penyeliaan, baik pulih serta naik taraf dilakukan di loji rawatan air serta aset-aset berkaitan.

Kategori kedua adalah gangguan air tidak berjadual yang melibatkan insiden gangguan yang tidak dirancang dan berlaku tiba-tiba. Ia berlaku disebabkan kejadian paip pecah, musibah alam sekitar dan kecurian pada aset atau sistem penagihan bekalan air.

Pihak Ranhill SAJ berpengalaman luas dalam mengendali krisis gangguan air dan bersiapsiaga dengan pelan kontingensi yang proaktif. Ini bagi meminimakan kesan kepada para pengguna khususnya dalam berdepan dengan kedua-dua kategori gangguan bekalan air tersebut.

Antara strategi yang digunapakai adalah perancangan kerja-kerja awalan sebelum sesuatu kerja pemeriksaan, penyeliaan, baik pulih serta naik taraf dilakukan di loji rawatan air serta aset-aset dilakukan.

Bagi tindakan segera:

i. Gangguan berjadual lazimnya disebabkan penyelenggaraan loji rawatan air (LRA), tangki air, stesen pengepaman, penggantian paip serta kerja naik taraf agihan yang berkaitan.
ii. Prosedur operasi Ranhill SAJ menetapkan pemberitahuan awal 24 hingga 48 jam melalui SMS, aplikasi MySAJ2.0, media sosial dan laman web rasmi. Bagi meminimumkan kesan, lori tangki air dan tangki statik digerakkan ke kawasan terjejas.
iii. Bagi gangguan tidak berjadual, ia berpunca daripada pelbagai aktor seperti bencana alam, pencemaran sumber air mentah, paip pecah, gangguan elektrik, kegagalan sistem mekanikal & elektrikal dan lain-lain.

Ranhill SAJ telah meningkatkan kesiapsiagaan teknikal dan pasukan tindak balas pantas bagi mempercepatkan kerja-kerja pemulihan. Sebagai pelan jangka sederhana dan panjang:

i. Pembinaan LRA baharu serta kerja-kerja pengurangan NRW bagi memastikan margin simpanan yang baik dapat sentiasa diperolehi.
ii. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih kerap dan efisiein bagi memastikan aset bekalan air sentiasa berada dalam kondisi yang optimum.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

iii. Penggantian paip-paip lama dilaksanakan bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan air akibat paip pecah.
iv. Menaik taraf sistem perpaipan dan pembinaan stesen pengepaman agar tekanan yang stabil dan baik dapat dibekalkan kepada pengguna mengikut keperluan semasa.
v. Membina tangki-tangki baharu bagi menyediakan sistem sistem simpanan luaran yang mencukupi.
vi. Melaksanakan penyambungan sistem bekalan air antara satu LRA dengan LRA yang lain bagi mengurangkan impak pengguna yang akan terjejas jika kejadian luar jangka berlaku.

Saya ingin tegaskan bahawa selaras dengan usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuhkan sistem pembekalan air untuk rakyat, kerja-kerja naiktaraf loji rawatan air akan diteruskan bagi memastikan kemampanan aset-aset air kita.

Kita juga akur dengan cabaran yang dihadapi. Namun segalanya itu ditanggapi dengan sistematik serta penuh bertanggungjawab dalam memastikan keterjaminan bekalan air bersih, selamat dan mampan kepada lebih 4.2 juta rakyat Johor pada setiap masa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN B7

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengawal aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan perindustrian dan perkampungan yang di luar kawasan PBT?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Isu longgokan sisa pepejal terkawal bukanlah isu baharu. Malah, ia sering dibincangkan di peringkat tertinggi kerana menjadi aduan utama masyarakat, khususnya berkaitan sampah longgok dan tapak pelupusan haram di semua kawasan. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Johor telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membendung masalah ini. Hasil pemantauan yang dijalankan, beberapa siasatan dan tangkapan telah dibuat di bawah Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Mengikut Seksyen 71(1) akta tersebut, kesalahan pembuangan dan longgokan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan boleh dikenakan denda antara RM10,000.00 hingga RM100,000.00, atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman YB, sepanjang tahun 2025 sahaja, sebanyak 570 operasi telah dilaksanakan di lokasi-lokasi hotspot. Antara usaha yang diambil termasuklah pemasangan pita penghadang, papan tanda larangan, penutupan laluan dengan batu konkrit, serta kerjasama bersama pemilik tanah bagi menghalang pencerobohan. Selain itu, sebanyak 11 unit CCTV turut dipasang di lokasi strategik, di samping operasi bersepadu bersama pihak berkuasa tempatan dan syarikat konsesi.

Tindakan tegas juga diambil termasuk pengeluaran kompaun, denda maksimum serta pendakwaan di mahkamah. Dari tahun 2018 hingga 2024, sebanyak 89 kes direkodkan manakala bagi Januari hingga September 2025 sahaja, sebanyak 18 kes telah diambil tindakan.

Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan, kejayaan membanteras isu ini memerlukan kerjasama semua pihak. Masyarakat perlu bertanggungjawab menguruskan sisa dengan betul dan melaporkan sebarang aktiviti pembuangan haram, manakala sektor swasta juga digalakkan memastikan pengurusan sisa dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk menaikkan kadar kompaun serta mempertimbangkan pemberian ganjaran kepada orang awam yang membuat aduan berkaitan pembuangan sampah haram, sebagai usaha meningkatkan jumlah pelaporan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Setakat ini, mesyuarat mengenai isu pembuangan sampah telah diadakan beberapa kali. Beberapa penelitian sedang dibuat secara bersepadu yang melibatkan kerjasama antara beberapa jabatan, agensi kerajaan, Ahli-ahli Majlis serta konsesi yang berkaitan bagi menyelesaikan masalah pembuangan sampah haram.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Johor kekal komited dalam menguatkuasakan undang-undang serta memperkukuh penguatkuasaan. Namun, kejayaan sebenar bergantung pada kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat demi kebersihan alam sekitar serta kesejahteraan rakyat Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN B8

Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan setiap sekolah luar bandar Johor mendapat capaian Internet berkelajuan tinggi bagi menyokong pembelajaran digital?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Komunikasi telah melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab infrastruktur gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan liputan jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara termasuk Negeri Johor bagi menyokong pembelajaran digital. Projek ini merupakan salah satu daripada Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Setakat 31 Julai 2025, terdapat sejumlah 623 buah sekolah di Negeri Johor termasuk di dalam perancangan projek ini yang mana ia melibatkan dua fasa iaitu PoP Fasa 1 sejumlah 55 buah sekolah dan PoP Fasa 2 sejumlah 568 buah sekolah. Setelah projek POP ini selesai sepenuhnya, sekolah dan penduduk sekitar dalam lingkungan 100 – 200 meter dari hab akan dapat menggunakan perkhidmatan Internet fiber.

Bagi DUN Kukup, sebanyak 22 sekolah di dalam perancangan projek PoP yang mana sebanyak dua (2) telah siap dan beroperasi manakala 20 masih dalam pelaksanaan.

Selain projek PoP, MCMC di bawah Pelan JENDELA juga melaksanakan penyediaan kemudahan infrastruktur komunikasi termasuklah membina menara baharu dan menaiktaraf infrastruktur sediada ke arah menyokong aktiviti dan menambahbaik kualiti telekomunikasi dalam satu kawasan. Setakat 31 Julai 2025, pelaksanaan Pelan JENDELA di DUN Kukup adalah seperti berikut:

a) Sebanyak 8 buah menara baharu telah siap dan beroperasi manakala 5 masih dalam pelaksanaan;
b) Kesemua 50 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf kepada rangkaian 4G;
c) Sebanyak 3,323 daripada 5,340 premis dalam perancangan telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit; dan
d) Kesemua 8 infrastruktur 5G telah beroperasi dalam Kawasan DUN Kukup.

Di samping itu, selain membangunkan infrastruktur komunikasi, MCMC juga telah menyediakan sebanyak 101 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) [sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital] di seluruh Negeri Johor. Di dalam DUN Kukup, sebanyak 4 buah NADI telah beroperasi iaitu di Taman Nilam, Kg. Tanjung Piai, Bandar Permas dan Parit Bilal Rembah. Orang ramai terutamanya anak-anak Negeri Johor yang berhampiran dialu-alukan untuk memanfaatkan capaian Internet dan kursus-kursus asas internet serta e-pembelajaran di NADI yang berdekatan secara percuma. Perkhidmatan Pintar NADI bertujuan menyediakan pelbagai program latihan dan kesedaran untuk membantu merapatkan jurang digital, pengetahuan dan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti di sekitar NADI. Inisiatif ini berpaksikan lima (5) teras utama iaitu Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Selain itu, MCMC juga telah membangunkan sebuah aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai MCMC NEXUS untuk membantu orang awam memantau dan mengukur prestasi kualiti pengalaman internet yang dilanggan bagi memastikan ia mematuhi piawaian MSQoS yang telah ditetapkan. Data pengujian yang dijalankan oleh orang awam menerusi aplikasi ini dapat membantu MCMC dalam mengumpul maklumat berkaitan tahap liputan di sesuatu lokasi. Aplikasi ini boleh dimuat turun oleh orang awam secara percuma di peranti Android (Play Store) dan iOS (App Store).

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi di DUN Kukup sentiasa berada ditahap yang terbaik, MCMC juga turut menyediakan saluran untuk pengguna mengemukakan aduan berkaitan liputan atau kualiti perkhidmatan menerusi pautan https://aduan.mcmc.gov.my, yang kemudiannya akan disalurkan kepada penyedia perkhidmatan untuk tindakan lanjut.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B9

Kehamilan sebelum bernikah merupakan masalah sosial yang semakin membimbangkan. Apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor bagi membendung masalah ini?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) telah membangunkan modul keibubapaan iaitu Modul Keluarga Sakinah (MKS) untuk Muslim bermula Modul 2-Persediaan Keibubapaan sehinggalah Modul ke-10 - Husnul Khatimah. Melalui MKS ini, pelbagai pendekatan program dan kaedah pelaksanaan berdasarkan golongan sasar telah dilaksanakan seperti Program Pengamalan Sakinah, ceramah, LDK telah dilaksanakan berdasarkan intipati dari MKS ini seperti Remaja Sakinah, Majlis Penyerahan Taklif, Belia Sakinah dan sebagainya dalam usaha untuk melahirkan remaja dan belia yang baik dan soleh serta untuk memberi kesedaran akan dosa yang mereka tanggung sendiri jika melakukan kejahatan atau dosa.

YPKDT pernah melaksanakan Program Diriku Permata Berharga (DERMAGA) dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bersama pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Johor. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam pendidikan kesihatan reproduktif agar dapat memberi kesedaran dalam menangani isu sosial khususnya melibatkan seksualiti dalam kalangan remaja.

Unit Kaunseling & Motivasi (MIND-X) di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga aktif dalam menyampaikan ceramah ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di dalam Negeri Johor dengan menyampaikan ceramah berkenaan penjagaan pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan serta sentuhan selamat.

Objektif penyampaian ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran yang mendalam tentang kepentingan menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan serta memahami konsep "sentuhan selamat" yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam kalangan remaja dan pelajar.

Oleh itu, penyampaian ceramah ini diharap dapat memberi pendedahan awal kepada peserta tentang pentingnya menjaga adab, memelihara batas pergaulan dan memahami hak terhadap tubuh badan sendiri. Ia bukan sahaja melahirkan masyarakat yang beradab dan berakhlak, tetapi juga melindungi mereka daripada menjadi mangsa salah laku sosial.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B10

Pendidikan dan kemudahan kesihatan merupakan dua element penting bagi melahirkan masyarakat yang berilmu serta sihat. Dilihat kepada pendapatan negeri yang begitu baik, apakah ada perancangan kerajaan untuk memberikan pendidikan dan rawatan percuma kepada Bangsa Johor sepenuhnya?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor sedia maklum berkaitan kurikulum yang digunapakai oleh murid melalui Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran (DSKP) bagi Pendidikan Kesihatan adalah merangkumi elemen seperti Pemakanan Sihat, Kebersihan Diri Dan Persekitaran, Kesihatan Reproduktif Dan Seksualiti (PEERS), Kesihatan Mental Serta Emosi, Pencegahan Penyakit, Keselamatan Diri, Pencegahan Penyalahgunaan Bahan, Dan Amalan Gaya Hidup Sihat melalui Aktiviti Fizikal. Kesemua elemen ini saling melengkapi bagi melahirkan murid yang bukan sahaja berpengetahuan, malah berkemahiran untuk menjaga kesihatan diri, mengamalkan gaya hidup sihat dan seterusnya menjadi individu yang seimbang dari segi fizikal, mental dan sosial.

Kerajaan Negeri Johor melalui juga Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan kerjasama erat Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberi penekanan kepada aspek kesihatan murid di sekolah. Semua murid warganegara di negeri ini menerima perkhidmatan kesihatan secara percuma yang dilaksanakan melalui Pasukan Kesihatan Sekolah (PKS) dan juga Pasukan Pergigian Sekolah (PPS).

Antara perkhidmatan utama yang disediakan adalah seperti berikut:

a) **Pendidikan kesihatan.**
Murid-murid diberikan ilmu kesihatan yang sesuai dengan peringkat umur mereka bagi membentuk amalan gaya hidup sihat sejak awal menerusi ceramah dan lawatan oleh Pasukan Kesihatan ke sekolah-sekolah

b) **Saringan dan pemeriksaan kesihatan berkala mengikut umur semasa lawatan ke sekolah**
   i. Murid pra sekolah menerima pendidikan kesihatan asas, pemeriksaan antropometri serta pemeriksaan kesihatan umum.
   ii. Murid Tahun 1 menjalani pemeriksaan penglihatan, pemeriksaan fizikal, antropometri serta menerima imunisasi tambahan.
   iii. Murid Tahun 6 menjalani pemeriksaan penglihatan, pemeriksaan fizikal, saringan skoliosis dan pendidikan kesihatan.
   iv. Murid Tingkatan 3 menjalani saringan rabun warna, pemeriksaan fizikal, saringan skoliosis serta imunisasi tambahan kancing gigi.
   v. Selain itu, murid Tahun 3 yang disyaki mempunyai masalah pembelajaran akan dirujuk untuk pengesahan dan intervensi awal.

c) **Pemberian imunisasi percuma.**
Murid-murid menerima imunisasi mengikut jadual, termasuk suntikan Measles Rubella, Difteria, Kancing Gigi serta suntikan HPV bagi murid perempuan Tingkatan 1 untuk mencegah kanser serviks.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

d) **Ujian Saringan Thalassaemia** untuk murid Tingkatan 4 dengan kebenaran ibu bapa. Ujian ini bertujuan mengesan pembawa atau pesakit Thalassaemia, sekali gus memberi kesedaran awal kepada murid berkenaan penyakit keturunan ini dan pentingnya membuat pilihan bijak dalam kehidupan dewasa kelak

e) **Perkhidmatan pergigian sekolah.**
Murid di semua peringkat mendapat pemeriksaan pergigian secara berkala di sekolah.Rawatan asas seperti tampalan, cabutan, rawatan pencegahan turut diberikan. Pendidikan kesihatan pergigian juga disampaikan bagi memastikan murid mengamalkan penjagaan gigi yang baik sejak kecil.

Kesemua perkhidmatan ini dilaksanakan secara percuma kepada murid prasekolah hingga ke peringkat menengah atas yang merupakan warga negara Malaysia tanpa mengira latar belakang keluarga. Usaha ini adalah komitmen kerajaan untuk memastikan tahap kesihatan anak-anak Johor sentiasa berada pada tahap optimum. Kesihatan yang baik adalah asas kepada pencapaian akademik, pembentukan sahsiah, serta kesejahteraan hidup mereka pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B11

Kes buli di sekolah, dipusat-pusat pengajian sejak akhir-akhir ini dilihat suatu situasi yang agak membimbangkan. Ianya bukan sahaja menyebabkan kecederaan fizikal, mental malahan turut mengakibatkan kehilangan nyawa. Apakah ada kaedah khusus tindakan pencegahan dan pemulihan kepada si pembuli ini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) amat prihatin terhadap insiden buli yang semakin membimbangkan termasuk kes yang menyebabkan kecederaan serius, trauma emosi, malah kehilangan nyawa. Buli bukan dianggap salah laku disiplin semata-mata, tetapi telah menjadi isu keselamatan dan kesejahteraan awam yang mesti ditangani dengan langkah pencegahan dan pemulihan yang sistematik.

2. Bagi menangani isu ini, kaedah khusus yang sedang dan akan terus dilaksanakan adalah seperti berikut:

   i. Pencegahan awal di Sekolah dan Asrama
   Pemerkasaan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023 yang menetapkan tatacara pencegahan, pelaporan, siasatan, intervensi dan pemulihan kes buli.

   Pemantauan mengejut oleh JPN Johor dan PPD ke sekolah dan asrama, bagi memastikan tahap keselamatan dipatuhi serta mengenal pasti lokasi berisiko tinggi.
   Pemerkasaan peti aduan fizikal termasuk talian hotline dan WhatsApp Adubuli, supaya murid mempunyai saluran selamat untuk melaporkan insiden tanpa rasa takut.

   ii. Pemulihan dan Rehabilitasi Pelaku
   Pelaku kes buli tidak dibiarkan terpinggir tetapi diberikan ruang untuk dibimbing melalui Program Rehabilitasi Buli, kaunseling individu dan kelompok.
   Pelaksanaan Solution Focused Brief Counseling (SFBC) oleh Guru Bimbingan Kaunseling, iaitu pendekatan yang menekankan kekuatan dalaman individu serta penyelesaian praktikal jangka pendek, bagi mendorong perubahan sahsiah jangka panjang.

   Latihan Mental Health First Aid dan advokasi undang-undang kepada guru bimbingan kaunseling dan warden bagi meningkatkan keupayaan mereka memberi sokongan awal kepada murid.

   iii. Pembangunan Modul Johor Safe Zone: ARMOR Disiplin
   JPN Johor sedang membangunkan Modul Johor Safe Zone: ARMOR Disiplin (Advokasi, Responsif, Moral dan Organisasi untuk Reformasi Disiplin). Modul ini berperanan sebagai kerangka negeri untuk menyepadukan pencegahan, intervensi dan pemulihan dengan tumpuan kepada pendidikan emosi, sahsiah, empati serta tanggungjawab sosial.

   iv. Kerjasama Rentas Agensi

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Usaha ini dilaksanakan bersama PDRM Johor, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam Negeri Johor serta Yayasan Raja Zarith Sofea, bagi memastikan pelaku dan mangsa menerima sokongan holistik dari aspek perundangan, psikososial, kaunseling keluarga dan bimbingan kerohanian.

3. Dengan pendekatan ini, JPN Johor beriltizam untuk menangani buli bukan sahaja dengan hukuman, tetapi dengan pencegahan menyeluruh, intervensi yang segera, serta pemulihan yang berkesan, agar setiap pelaku diberi peluang untuk berubah dan setiap murid Johor dapat belajar dalam persekitaran yang selamat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B12

Kerajaan negeri telah mensasarkan sebanyak 8,021 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) dibina pada tahun 2025 ini. Sehingga kini berapakah jumlah rumah RMMJ ini telah dibina, bilangannya mengikut daerah dan DUN?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Simpang Jeram, selaras dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk membina **8,021 unit RMMJ pada tahun 2025**, sehingga **30 Jun 2025** sebanyak **3,365 unit** telah berjaya disiapkan. Daripada jumlah ini, **90 unit RMMJ khusus untuk warga Simpang Jeram** telah disediakan, menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap keperluan rakyat setempat.

Unit-unit yang siap dibina diagihkan di pelbagai daerah dan DUN seperti berikut:

- **Johor Bahru**: RKJ (**117 unit**), Taman Laman Indah 2 (**271 unit**), PPAM Pangsapuri Seri Permata (**512 unit**), Bandar Baru Kangkar Pulai (**77 unit**).
- **Kota Tinggi**: PPAM Bandar Akademik (**62 unit**), Taman Sri Harmoni (**60 unit**), Pangsapuri Desaru Utama (**95 unit**), Taman Kota Selesa (**58 unit**).
- **Batu Pahat**: Taman Megah (**25 unit**), Taman Rengit Mewah (**32 unit**), Taman Mutiara Perdana (**69 unit**), Taman Putera Indah (**120 unit**), Taman Peserai Jaya (**60 unit**), Mukim Simpang Kiri (**24 unit**).
- **Segamat**: Taman Bukit Mutiara (**33 unit**), Taman Pesona (**10 unit**).
- **Kulai**: Taman Scientex Utama (**300 unit**), Taman Laman Indah 1 (**200 unit**), Taman Senai Utama (**30 unit**).
- **Kluang**: Taman Puterimas (**44 unit**), Taman Era 2 (**43 unit**), Taman Puterimas Fasa 1 (**400 unit**) & Fasa 2 (**427 unit**), Taman Permata Layang (**47 unit**), Taman Bukit Perdana (**128 unit**).
- **Tangkak**: Taman Tangkak (**3,319 unit?**) [rujuk semula] – oh maaf, betulnya Taman Mega Ria 2 (**45 unit**).
- **Mersing**: Taman Bayu Impian, Endau (**76 unit**).

Keseluruhannya, **3,365 unit RMMJ** telah disiapkan di seluruh Johor melibatkan pelbagai pemaju, merangkumi projek di **Johor Bahru, Kota Tinggi, Batu Pahat, Segamat, Kulai, Kluang, Tangkak dan Mersing**.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B13

Kerajaan negeri dilihat komited memastikan peningkatan sumber makanan daripada sumber akuakultur dipertingkatkan 10 peratus berbanding tahun 2024. Setakat ini berapakah pencapaiannya berbanding jumlah RM1.65 juta peruntukkan yang telah diberikan?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor menerusi Jabatan Perikanan Negeri Johor akan terus komited dalam meningkatkan pengeluaran sumber makanan daripada subsektor akuakultur dan menjamin keterjaminan makanan untuk negeri Johor dan juga negara. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam dalam membangunkan industri akuakultur pada tahun 2024 bernilai RM1,689,303.00 demi memastikan indsutri akuakultur terus mampan, berdaya saing dan membangun seiring dengan perkembangan industri.

Industri akuakultur negeri Johor menduduki tangga ke-4 pengeluaran akuakultur tertinggi dalam Semenanjung Malaysia dengan mencatatkan peningkatan pengeluaran sebanyak 22.62%, iaitu sebanyak 32,822.22 tan dengan nilai RM697,921,148.90. Ia merangkumi 3 komoditi utama iaitu ikan, udang dan kerang-kerangan daripada pengeluaran tahun 2023 dengan pengeluaran 26,766.67 tan, dengan nilai RM624,653,307.

Kerajaan Negeri Johor terus positif dalam meningkatkan pengeluaran sumber makanan daripada subsektor akuakultur pada tahun 2025 dengan mensasarkan pengeluaran sebanyak 34,000 tan. Sehingga Julai 2025, pencapaian akuakultur telah mencapai 46.54 % iaitu sebanyak 15,824 tan dengan nilai RM332,066,073.

Antara projek akuakultur berimpak tinggi di Johor adalah di bawah Lembah Makanan BioDesaru, Johor Biotech, di Kota Tinggi. Setakat Jun 2025, Johor Biotech telah merekodkan pencapaian sebanyak RM20.4 juta daripada sumber makanan di sektor akuakultur dan pencapaian ini adalah melalui inisiatif pelaksanaan sekuriti makanan di Bio Desaru.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN B14

Berapakah ramai orang yang menggunakan *MyBorderPass* di CIQ BSI dan CIQ KSAB bermula Januari 2025 sehingga Julai 2025? Sila senaraikan mengikut *Inbound* dan *Outbound* di kedua-dua CIQ setiap bulan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah statistik bagi penggunaan MyBorderPass di CIQ BSI dan KSAB:

BSI:

BULAN	MASUK			KELUAR			JUMLAH KESELURUHAN
	BAS BM5 & BM6	MOTOR ZON B	JUMLAH	BAS BK5 & BK6	MOTOR ZON C	JUMLAH	
JANUARI	370,628	500,678	**871,306**	316,260	437,869	**754,129**	**1,625,435**
FEBRUARI	407,857	558,410	**966,267**	404753	496841	**901,594**	**1,867,861**
MAC	418662	762643	**1,181,305**	432556	694276	**1,126,832**	**2,308,137**
APRIL	413520	808256	**1,221,776**	410942	739633	**1,150,575**	**2,372,351**
MEI	397408	858746	**1,256,154**	418176	768922	**1,187,098**	**2,443,252**
JUN	398079	877939	**1,276,018**	422890	796493	**1,219,383**	**2,495,401**
JULAI	446666	985598	**1,432,264**	450318	867854	**1,318,172**	**2,750,436**
OGOS	450848	992067	**1,442,915**	472614	860733	**1,333,347**	**2,776,262**

KSAB

BULAN	MASUK			KELUAR			JUMLAH KESELURUHAN (MASUK DAN KELUAR)
	BAS	MOTOSIKAL	JUMLAH	BAS	MOTOSIKAL	JUMLAH	
JAN	136,553	-	136,553	135,486	-	135,486	**272,039**
FEB	141,817	95,243	237,060	152,539	70,351	222,890	**459,950**
MAC	156,151	399,533	555,684	166,118	335,515	501,633	**1,057,317**
APRIL	167,989	507,494	675,483	173,338	438,737	612,075	**1,287,558**
MEI	182,469	569,608	752,077	185,670	489,265	674,935	**1,427,012**
JUN	173,038	598,260	771,298	190,635	503,814	694,449	**1,465,747**
JULAI	193,066	694,960	888,026	192,176	580,001	772,177	**1,660,203**
	1,151,083	**2,865,098**	**4,016,181**	**1,195,962**	**2,417,683**	**3,613,645**	**7,629,826**

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN B15

Senaraikan dan komen berkenaan dengan angka jumlah penumpang *"ridership"* untuk setiap laluan Bas Muafakat di Johor.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sehingga tahun 2024, ridership keseluruhan bagi 72 laluan Bas Muafakat Johor adalah sebanyak 12.5 juta penumpang. Daripada jumlah tersebut, 5 laluan utama di kawasan bandaraya Johor Bahru mencatatkan lebih 40% daripada keseluruhan *ridership*, manakala laluan di kawasan luar bandar seperti Kota Tinggi, Mersing dan Pontian menunjukkan penggunaan yang lebih rendah.

Secara umumnya, laluan berhampiran kawasan perumahan padat, sekolah, universiti dan kawasan perindustrian menunjukkan permintaan tertinggi. Pihak kerajaan sedang meneliti untuk menambah frekuensi perjalanan di laluan popular serta mengoptimumkan laluan berpenumpang rendah bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan.

Berikut adalah perincian bilangan *ridership* mengikut laluan:

PBT	LALUAN	PERINCIAN	RIDERSHIP	ULASAN
MBJB	P101	LARKIN SENTRAL – BANDARAYA JB – LARKIN SENTRAL	291,597	Laluan ini merupakan laluan ridership tertinggi di kawasan Johor Bahru. Laluan ini merupakan laluan utama yang menghubungkan pengguna ke kawasan utama di dalam kawasan bandaraya seperti terminal, hospital dan kampus.
	P102	PPR SRI STULANG – JB SENTRAL – PPR SRI STULANG	224,271	Laluan ini merupakan laluan ridership kedua tertinggi di dalam kawasan Johor Bahru. Laluan ini menghubungkan penduduk kawasan PPR Sri Stulang ke bandaraya sehingga ke JB Sentral.
	P103	LARKIN SENTRAL - BAKAR BATU - SRI STULANG	54,705	Ridership tinggi pada laluan ini disebabkan ia merupakan laluan penting yang menghubungkan beberapa kawasan perumahan di dalam kawasan bandar ke pusat bandar dan Larkin Sentral
	P104	LARKIN SENTRAL – TAMAN TASEK – HUB TAMAN	28,811	Laluan ini menghubungkan penduduk komuniti setempat ke kawasan komersial dan terminal.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		JOHOR + (HYBIRD) PPR KEMPAS - SMK DAMANSARA ALLIF		Laluan ini juga merupakan laluan hibrid untuk pelajar sekolah di kawasan Kempas.
	P106	PPR SRI STULANG - PERMAS JAYA – HSI – PPR SRI STULANG	47,515	Laluan ini masih relevan dalam menghubungkan penduduk kawasan B40 ke kawasan komersial, sekolah dan hospital
	P111	DESA MUTIARA - TAMAN DAYA - AEON TEBRAU	9,420	Ridership rendah pada laluan ini disebabkan kawasan komuniti kecil yang menggunakan perkhidmatan BMJ. Cadangan untuk mewujudkan demand - responsive
	P112	DESA MUTIARA - IMPIAN EMAS	9,161	Ridership rendah pada laluan ini disebabkan kawasan komuniti kecil yang menggunakan perkhidmatan BMJ. Cadangan untuk mewujudkan demand - responsive
	P113	DESA MUTIARA - SETIA TROPIKA - TERMINAL LARKIN + (HYBRID) LARKIN SENTRAL - SMK TASEK UTARA 2- LARKIN SENTRAL	20,820	Laluan ini menghubungkan penduduk kawasan Desa Mutiara ke bandar dan JKM. Laluan ini juga merupakan laluan hybird untuk pelajar sekolah di kawasan Larkin
MBIP	P201	TERMINAL TMN U – PULAI INDAH – TERMINAL TAMAN U	47,629	Laluan ini merupakan laluan yang menghubungkan pengguna di kawasan Skudai dan Pulai untuk ke kawasan komersial. Pengguna terdiri daripada pelajar sekolah, pekerja dan warga komuniti setempat.
	P202	TERMINAL TMN U - TUTA - TERMINAL TMN U	19,218	Laluan menghubungkan penduduk komuniti setempat. Laluan ini perlu dikekalkan untuk pengguna mendapatkan keperluan asas. Walaubagaimanapun, kekerapan trip perlu dikaji semula
	P203	PPR MELANA - TMN SELESA JAYA	37,233	Laluan menghubungkan penduduk komuniti setempat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		– KIP MART TAMPOI		Laluan ini perlu dikekalkan untuk pengguna mendapatkan keperluan asas. Walaubagaimanapun, kekerapan akan dikaji semula
	P211	TERMINAL TAMAN UNIVERSITI – UTM - TERMINAL LARKIN	267,654	Laluan dengan ridership tertinggi untuk kawasan MBIP. Laluan ini merupakan laluan utama dalam menghubungkan kawasan PBT ke PBT yang lain. Majoriti pengguna adalah pelajar UTM
	P212	PERLING MALL – BUKIT INDAH – TESCO MUTIARA RINI – PERLING MALL	5,993	Cadangan mewujudkan perkhidmatan demand - responsive disebabkan ridership yang rendah
	P213	GP SENTRAL - MBIP - GP SENTRAL	3,408	Antara laluan dengan ridership terendah. Cadangan untuk mengkaji semula laluan mengikut keperluan penggunaan
	P214	TERMINAL TAMAN U – IMPIAN EMAS – TERMINAL TAMAN U	10,827	Laluan menghubungkan komuniti setempat dan keperluan pelajar untuk ke sekolah
MBPG	P302	PERUMAHAN DESA RAKYAT - TMN CENDANA - TERMINAL PASIR GUDANG + (HYBRID) TMN CENDANA - SMKPG3	81,275	Laluan penting dalam menghubungkan penduduk kawasan perumahan yang besar ke pusat bandar Pasir Gudang. Laluan ini juga merupakan laluan hibrid untuk pelajar sekolah SMK Pasir Gudang
	P303	TERMINAL KOTA MASAI – TAMAN PASIR PUTIH – TERMINAL PASIR GUDANG + (HYBRID) TG LANGSAT - SMK PG3	19,203	Laluan yang menghubungkan penduduk komuniti ke komuniti di kawasan pusat bandar. Laluan ini perlu dikekalkan untuk memudahkan penduduk di kawasan Kota Masai untuk mendapatkan keperluan asas di pusat bandar. Kekerapan boleh disemak dan dikaji semula.
	P311	TERMINAL MASAI - TAMAN RINTING -	3,954	Ridership di laluan ini sangat rendah disebabkan komuniti

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		TERMINAL MASAI		yang kecil. Kajian semula perlu dilakukan untuk melihat keperluan perkhidmatan di laluan ini. Cadangan untuk mengubah laluan atau gabung dengan laluan sedia ada yang lain
	P312	TERMINAL MASAI - SERI ALAM - NUSA DAMAI - TERMINAL MASAI + (HYBRID) SMKPG3	30,099	Laluan yang menghubungkan penduduk komuniti setempat dan pelajar universiti untuk mendapatkan keperluan asas, akses kesihatan dan ke pusat bandar
	P313	TERMINAL TIRAM - KAMPUNG SUNGAI TIRAM - TERMINAL TIRAM	4,078	Laluan yang menghubungkan penduduk kawasan Felda untuk mendapatkan keperluan asas di bandar Ulu Tiram. Ridership pada kawasan ini sangat rendah. Laluan ini perlu dikaji semula untuk melihat keperluan penggunaan atau cadangan untuk digabungkan dengan laluan sedia ada yang lain
	P314	KONG KONG - TAMAN CAHAYA MASAI - TERMINAL PASIR GUDANG	4,613	Laluan yang menghubungkan penduduk kawasan Kong - Kong ke pusat bandar Pasir Gudang. Ridership sangat rendah di laluan ini. Laluan wajar dikaji semula untuk melihat keperluan penggunaan. Cadangan ubahan atau penggabungan laluan sedia ada.
MPKu	P401	TERMINAL KULAI – AEON KULAI – BANDAR PUTRA - TERMINAL KULAI	8,618	Ridership yang rendah di laluan ini. Hanya digunakan untuk penduduk komuniti kecil. Boleh dipertimbangkan untuk menggunakan demand - responsive
	P402	ECONSAVE SENAI - DESA IDAMAN – ECONSAVE SENAI	30,685	Laluan menghubungkan penduduk komuniti ke komuniti yang lain. Laluan ini juga menghubungkan pengguna ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.
	P403	TERMINAL KULAI -	1,189	Laluan ini baru diubah pada

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		FELDA TAIB ANDAK - FELDA INAS + (HYBRID) BDR TENGGARA		bulan Ogos 2025. Laluan ini masih di bawah pemerhatian selama 6 bulan. Laluan ini menghubungkan penduduk kawasan Felda Inas dan Felda Taib Andak ke pusat bandar Kulai. Laluan ini juga adalah laluan hybird untuk pelajar sekolah dari kawasan Felda Inas ke Bandar Tenggara
	P411	TERMINAL KULAI – SKUDAI - TERMINAL LARKIN	20,659	Laluan utama yang berperanan sebagai penghubung penting bagi penduduk di kawasan PBT Kulai untuk mendapatkan akses kepada pelbagai perkhidmatan serta peluang pekerjaan yang tertumpu di kawasan PBT Johor Bahru
	P412	TERMINAL KULAI - TAMAN PUTERI KELAPA SAWIT – TERMINAL KULAI	5,884	Laluan ini menunjukkan tahap ridership yang rendah serta hanya digunakan oleh komuniti kecil di kawasan tersebut. Oleh itu, cadangan untuk melaksanakan perkhidmatan demand-responsive wajar dipertimbangkan.
MDKT	KT001	TERMINAL KOTA TINGGI – HOSPITAL KOTA TINGGI – TERMINAL KOTA TINGGI	17,184	Laluan ini berperanan menghubungkan penduduk komuniti setempat bagi mendapatkan akses keperluan asas, pendidikan, serta perkhidmatan sosial di bandar. Justeru, laluan ini perlu dikekalkan, namun kekerapan trip wajar disemak semula
	KT002	TERMINAL KOTA TINGGI – TMN SAUJANA – TERMINAL KOTA TINGGI	17,834	Laluan ini berperanan menghubungkan penduduk komuniti mendapatkan akses keperluan asas dan perkhidmatan sosial di bandar. Justeru, laluan ini perlu dikekalkan, namun kekerapan trip wajar disemak semula
	KT003	TERMINAL KOTA TINGGI -	30,44	Laluan penting dalam menghubungkan penduduk di

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		ESPLANANDE JETI TG SEDILI - PANTAI TELUK MAHKOTA	3	dalam kawasan Sedili untuk mendapatkan akses keperluan asas, pendidikan dan perkhidmatan sosial di bandar. Justeru, laluan ini perlu dikekalkan.
MPPP	PE001	TERMINAL BANDAR PENAWAR – TERMINAL FERI DESARU - MPP– TERMINAL BANDAR PENAWAR	1,478	Laluan ini merupakan laluan yang menghubungkan penduduk setempat untuk mendapatkan akses perkhidmatan sosial di dalam kawasan Bandar Penawar. Ridership pada laluan ini sangat rendah. Cadangan untuk mengubah laluan atau penggabungan bersama laluan sedia ada yang lain
	PE002	TERMINAL SG RENGIT – BAYU DAMAI – TERMINAL SG RENGIT	23,481	Laluan ini menghubungkan komuniti setempat untuk mendapatkan keperluan asas dan pendidikan.
	PE004	TERMINAL BANDAR PENAWAR – FELDA AIR TAWAR – TERMINAL KOTA TINGGI	17,276	Laluan utama menghubungkan penduduk kawasan Pengerang ke Kota Tinggi untuk mendapatkan akses perkhidmatan sosial, kesihatan dan pekerjaan.
	PE005	TERMINAL BANDAR PENAWAR – PUNGGAI – TMN BAYU DAMAI	9,280	Laluan menghubungkan penduduk kawasan Bayu Damai ke pusat Bandar Penawar. Majoriti pengguna laluan ini adalah pelajar sekolah.
MDM	ME001	TERMINAL BAS MERSING – KG TELOK ISKANDAR – TERMINAL BAS MERSING	15,272	Laluan ini merupakan laluan yang menghubungkan komuniti untuk mendapatkan akses perkhidmatan sosial di dalam kawasan utama. Pelajar sekolah juga turut menggunakan laluan ini untuk pergi dan pulang sekolah. Laluan ini perlu dikekalkan.
	ME002	TERMINAL BAS MERSING – KG TANJUNG GENTING – AIR	6,465	Ridership rendah pada laluan ini disebabkan kawasan komuniti kecil yang menggunakan perkhidmatan BMJ. Cadangan

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		PAPAN		untuk mewujudkan demand - responsive
	ME003	PENYABONG-KG TENANG – STESEN BAS ENDAU	38,128	Laluan menghubungkan penduduk kampung di kawasan Penyabong ke Endau. Ramai pelajar sekolah dari kawasan Penyabong menggunakan perkhidmatan ini untuk ke sekolah di kawasan Endau.
	ME004	TERMINAL MERSING - ENDAU - TERMINAL MERSING	13,601	Laluan utama menghubungkan penduduk di kawasan Endau untuk mendapatkan akses keperluan asas dan perkhidmatan sosial di Mersing.
MPK	KL001	TERMINAL KLUANG - TMN INTAN - TAMAN BERLIAN BIRU – TERMINAL KLUANG	33,666	Laluan dengan antara ridership yang tinggi di kawasan Kluang. Ramai pengguna yang terdiri daripada orang awam yang ingin mendapatkan perkhidmatan sosial di kawasan bandar dan pekerjaan.
	KL002	TERMINAL KLUANG – HOSPITAL KLUANG – TERMINAL KLUANG	17,856	Ridership di laluan ini menumpukan kepada komuniti setempat untuk mendapatkan akses keperluan asas dan kesihatan
	KL003	TERMINAL KLUANG - PEKAN KAHANG - TERMINAL KLUANG	38,229	Laluan ini menghubungkan penduduk di kawasan Kahang untuk mendapatkan keperluan asas di bandar Kluang
	KL004	STESEN PALOH - TERMINAL KLUANG	14,162	Laluan baru yang diperkenalkan pada tahun 2024. Laluan ini menghubungkan penduduk di kawasan Paloh untuk mendapatkan akses kepada keperluan asas di Bandar Kliuang, pelajar sekolah juga turut menggunakan perkhidmatan ini
MDSR	SR001	PERHENTIAN BAS SIMPANG RENGGAM – SMK SIMPANG	12,471	Laluan ini menumpukan kepada pengguna di kawasan pekan Simpang Renggam untuk mendapatkan perkhidmatan

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		RENGGAM – TMN HARMONI – PERHENTIAN BAS SIMPANG RENGGAM + (HYBRID) PGA - SMK IBRAHIM MAJID		sosial dan kesihatan di dalam kawasan Simpang Renggam. Laluan ini juga merupakan laluan hibrid untuk pelajar sekolah daripada Kem PGA ke SMK Sultan Abdul Majid dan penyumbang terbesar kepada kenaikan ridership.
	SR002	PERHENTIAN BAS SIMPANG RENGGAM – TMN SRI LAYANG-LAYANG – MAYBANK LAYANG-LAYANG	15,319	Laluan yang menghubungkan penduduk di kawasan Layang - Layang ke Renggam dan menjadi hub untuk ke Simpang Renggam. Ramai pelajar sekolah yang menggunakan perkhidmatan ini untuk pergi dan pulang sekolah. Orang awam turut menggunakan perkhidmatan ini untuk pegi bekerja dan mendapatkan keperluan asas
	SR003	PERHENTIAN BAS SIMPANG RENGGAM - PGA - RENGGAM	30,660	Laluan ini menguhubungkan penduduk di Simpang Renggam dan Renggam. Laluan ini juga membantu pelajar dari Simpang Renggam yang bersekolah di kawasan Renggam serta pekerja yang bekerja di kawasan Simpang Renggam. Trip laluan ini turut diselarikan dengan laluan SR004 untuk kemudahan pengguna.
	SR004	TERMINAL RENGGAM - KLUANG - TERMINAL RENGGAM	32,783	Laluan yang menghubungkan pengguna daripada kawasan Simpang Renggam ke Kluang untuk mendapatkan keperluan asas, perkhidmatan sosial, pekerjaan dan pendidikan.
MPBP	BP001	TERMINAL BATU PAHAT – HOSPTIAL BATU PAHAT - TMN SOGA KG SALEH – TERMINAL BATU PAHAT	12,379	Laluan ini menghubungkan penduduk kawasan setempat untuk mendapatkan akses keperluan asas dan perkhidmatan sosial
	BP002	TERMINAL BATU PAHAT – KAMPUS	7,470	Laluan ini baru diubah pada bulan Ogos 2025 dengan

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		UTHM PARIT RAJA - PEKAN PARIT RAJA – TERMINAL BATU PAHAT		penambahan kilometer ke dalam kawasan kampus UTHM untuk kemudahan pelajar menggunakan perkhidmatan untuk ke kawasan bandar . Pelajar sekolah turut menggunakan perkhidmatan di laluan ini
MDT	TK001	HENTIAN BAS TANGKAK – MAJLIS DAERAH TANGKAK – HENTIAN BAS TANGKAK	3,826	Laluan ini memfokuskan kepada penduduk komuniti setempat untuk kemudahan akses ke hospital dan perkhidmatan sosial yang lain. Walaubagaimanapun, ridership di laluan ini adalah rendah. Cadangan untuk gabungan bersama laluan sedia ada yang lain
	TK002	TERMINAL MAHARANI – BUKIT GAMBIR – PAGOH – TERMINAL MAHARANI	9,879	Laluan ini menghubungkan penduduk di kawasan Pagoh untuk mendapatkan akses perkhidmatan sosial di kawasan bandar. Laluan ini telah dibuat ubahan pada tahun 2024 untuk mengambil pelajar sekolah di kawasan panchor
	TK003	TERMINAL BAS TANGKAK - PEKAN SAGIL - TERMINAL BAS TANGKAK	7,310	Laluan ini memfokuskan kepada pelajar Kolej Matrikulasi Johor yang ingin mendapatkan akses perkhidmatan sosial di kawasan Tangkak
MDYP	YP001	PERHENTIAN BAS BANDAR YONG PENG – KLINIK KESIHATAN – PERHENTIAN BAS BANDAR YONG PENG	5,274	Laluan untuk kemudahan mendapatkan akses perkhidmatan sosial dan kesihatan. Ridership di laluan ini adalah rendah disebabkan penggunaan oleh komuniti yang kecil. Cadangan untuk mewujudkan demand - responsive jika diperlukan
	YP002	PERHENTIAN BAS DAN TEKSI YONG PENG - KANGKAR BARU - PERHENTIAN BAS DAN TEKSI YONG	7,381	Laluan Baru yang dikenalkan pada tahun 2023 untuk menghubungkan rakyat di kawasan kangkar baru ke kawasan pekan yong peng. Pihak PAJ telah melaksanakan

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		PENG		perubahan laluan pada tahun 2024 untuk ke kawasan sekolah (SMK Yong Peng). Ridership mula meningkat setelah perubahan ke kawasan sekolah dilaksanakan.
MPS	SE001	TERMINAL SEGAMAT - BANDAR PUTRA – TERMINAL SEGAMAT	11,545	Laluan yang menghubungkan komuniti untuk mendapatkan keperluan asas dan akses perkhidmatan kesihatan
	SE002	TERMINAL SEGAMAT - BULUH KASAP -TERMINAL SEGAMAT	16,265	Laluan yang menghubungkan komuniti untuk mendapatkan keperluan asas
	SE003	TERMINAL SEGAMAT - UITM SEGAMAT – TERMINAL SEGAMAT	13,876	Fokus kepada pelajar universiti (UITM Segamat) ridership akan berkurang sekiranya pelajar - pelajar UITM cuti semester.
MDL	LB001	TERMINAL BAS LABIS - RUMAH RAKYAT - FELDA TENANG - KLINIK KESIHATAN AIR PANAS - TERMINAL BAS LABIS	19,184	Tertumpu kepada pelajar sekolah yang bersekolah di kawasan SMK labis dan juga SMK Kamarul arifin. laluan ini menghubungkan kawasan perumahan rakyat labis ke kawasan bandar labis.
	LB003	TERMINAL BAS LABIS - BEKOK - PEKAN CHAAH - TERMINAL BAS LABIS	9,758	Ridership laluan ini tertumpu kepada orang awam bagi menghubungkan kawasan bekok / labis ke kawasan chaah atau sebaliknya.
MPM	MU001	TERMINAL MAHARANI – PARIT SETONGKAT – TERMINAL MAHARANI	9,115	Laluan untuk kemudahan mendapatkan akses perkhidmatan sosial, kesihatan dan pekerjaan di dalam kawasan bandar Muar
	MU002	TERMINAL MAHARANI – TMN SRI TANJUNG - TERMINAL MAHARANI	9,885	Laluan untuk kemudahan mendapatkan akses perkhidmatan sosial dan pekerjaan di dalam kawasan bandar Muar

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

	MU003	TERMINAL MAHARANI - PEKAN BAKRI – TERMINAL MAHARANI	10,514	Ridership laluan ini tertumpu kepada orang awam yang ingin mendapatkan perkhidmatan awam di kawasan Bandar Muar dan juga pelajar sekolah daripada Pekan Bakri.
	MU004	TERMINAL MAHARANI – BUKIT PASIR - PAGOH	34,513	Kawasan tumpuan pelajar universiti (Hab Universiti) untuk mendapatkan barang keperluan di kawasan bandar Muar. Merupakan laluan yang mempunyai ridership tertinggi di kawasan luar bandar.
	MU005	TERMINAL MAHARANI – BUKIT PASIR - JORAK	9,246	Tumpuan kepada pelajar sekolah di kawasan Jorak. Pihak PAJ telah membuat perubahan masa bagi mendapatkan masa yang bersesuaian dengan pelajar sekolah pergi dan balik sekolah.
MDP	PN001	TERMINAL BAS PONTIAN – PARIT SELANGOR – TERMINAL BAS PONTIAN	15,027	Tumpuan kepada pelajar - pelajar sekolah yang bersekolah di kawasan bandar pontian .Tertumpu juga kepada orang awam untuk mendapatkan perkhidamatan kerajaan di kawasan pontian
	PN002	PEKAN NENAS – KG SRI MENANTI – PEKAN NENAS	19,931	Laluan ini merupakan tumpuan pelajar - pelajar sekolah yang bersekolah di kawasan pekan nenas
	PN003	TERMINAL BAS PONTIAN - TANJUNG PIAI - TERMINAL BAS DAN TEKSI KUKUP - TANJUNG PIAI TERMINAL BAS PONTIAN	7,722	Laluan ini menghubungkan kawasan luar bandar ke kawasan bandar Pontian. ridership bagi laluan kawasan ini agak rendah. laluan ini menghubungkan kawasan pelancongan di kawasan Tanjung piai dan kukup

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN B16

Apakah status proses pengurniaan hak milik strata kepada para penduduk di 3 blok Flat Stulang Darat?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Di dalam Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) menetapkan bahawa pemilik asal bertanggungjawab untuk memohon pengeluaran hakmilik strata. Pemilik tanah/pemaju adalah pihak yang bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan hakmilik strata kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Negeri (PTG). Sehingga kini, pihak pemilik tanah/pemaju belum membuat permohonan Sijil Formula Unit Syer (SIFUS) kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri (PTG) untuk kelulusan unit Syer dan memfailkan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB). Selain itu, pihak pemilik tanah/pemaju perlu mengemukakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata ('Certificate of Proposed Strata Plan -CPSP) kepada Jabatan Ukur Dan Pemetaan (JUPEM) Negeri. Sehingga kini, permohonan CPSP belum dikemukakan lagi.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN B17

Apakah status rancangan dan cabaran pembangunan semula di tapak Lot 1 Mall, Waterfront City?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa kaedah pembangunan yang sesuai di tapak Lot 1, Waterfront City tersebut dengan mengambilkira manfaat awam dan juga pelancongan negeri Johor pada masa akan datang.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN B18

Senaraikan jumlah EVCB yang sedia ada di setiap PBT setakat Ogos 2025.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

PBT	EV Seliaan PBT		EV Swasta	
	Bil. Kawasan	Jumlah *Charging Point*	Bil. Kawasan	Jumlah *Charging Point*
MBJB	0	0	57	175
MBIP	1	8	39	161
MBPG	1	2	6	16
MPM	0	0	7	16
MPBP	0	0	4	10
MPK	1	3	6	23
MPKu	1	1	17	89
MPS	4	7	2	2
MPP	1	10	7	16
MPPn	3	6	0	0
MDT	1	8	1	2
MDYP	0	0	1	2
MDSR	1	4	0	0
MDL	0	0	0	0
MDKT	5	12	0	0
MDM	0	0	2	7
Jumlah	**19**	**61**	**149**	**519**

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN B19

Bagaimana JS-SEZ boleh menyumbang kepada pembangunan lestari dan hijau di Johor?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Pihak Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar akan menghubungi YB bagi memberikan jawapan secara bertulis.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B20

Senaraikan bantuan untuk nelayan darat dan petani di kawasan luar bandar Johor.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan dan pembangunan golongan nelayan darat dan petani di kawasan luar bandar. Mereka merupakan kelompok penting yang menyumbang kepada kelestarian sumber makanan negara serta ekonomi komuniti setempat. Justeru, pelbagai bentuk bantuan telah diperkenalkan, sama ada dalam bentuk bantuan one off, atau bantuan bagi menyokong dan memperkasa pembangunan aktiviti perikanan dan pertanian dalam kalangan petani dan nelayan. Bantuan-bantuan ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban kewangan, tetapi juga memastikan kesinambungan aktiviti pertanian dan perikanan dapat dipertingkatkan selaras dengan agenda keterjaminan makanan Johor dan negara.

Jabatan Pertanian sentiasa komited dalam memastikan para petani di seluruh negeri Johor, khususnya di kawasan luar bandar, mendapat sokongan dan bantuan yang bersesuaian untuk meningkatkan hasil pertanian mereka. Bagi tahun 2025 bantuan ini disalurkan melalui tiga (3) sumber utama peruntukan iaitu:

i. Peruntukan Persekutuan sebanyak RM4,216,113.00 melibatkan 14 projek;
ii. Peruntukan Negeri berjumlah RM5,100,000.00 melibatkan 10 projek; dan
iii. Peruntukan KPKM Khas bernilai RM9,500,000.00 melibatkan 5 projek.

Secara keseluruhannya, sebanyak 29 projek dan program dilaksanakan di negeri Johor, dengan penekanan utama kepada para petani di kawasan luar bandar yang mempunyai keluasan minima 0.4 hektar.

Melalui pelaksanaan program-program ini, petani berpeluang menerima pelbagai bentuk bantuan insentif dan sokongan, antaranya:

i. Pembangunan ladang termasuk kerja-kerja penyediaan kawasan;
ii. Penyediaan infrastruktur asas pertanian;
iii. Bekalan benih dan input pertanian berkualiti;
iv. Penerapan teknologi moden termasuk Internet of Things (IoT);
v. Sistem pengairan ladang yang lebih efisien;
vi. Peralatan, mekanisasi dan jentera pertanian;
vii. Pusat pengumpulan hasil ladang;
viii. Bantuan lain yang mampu meningkatkan produktiviti serta kualiti hasil pertanian khususnya buah-buahan.

Bagi memperkasa usahawan Industri Asas Tani pula pelbagai langkah telah dilaksanakan antaranya:

i. Menyediakan geran dan insentif untuk usahawan hiliran pertanian.
ii. Memberikan latihan dan bimbingan teknikal dalam pemprosesan makanan, pembungkusan moden, pensijilan Homebased, MESTI, HALAL,HACCP.
iii. Meluaskan akses pasaran produk melalui pemasaran digital dan e-dagang

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

iv. Mengaktifkan program inkubator agrohiliran dengan kerjasama universiti & agensi teknikal.

Selain itu, bagi menyokong aspek pemasaran hasil pertanian, Jabatan Pertanian turut melaksanakan sesi padanan perniagaan (*business matching*) antara petani dengan pemborong dan pengeksport melalui program kolabrasi syarikat peneraju dan pengusaha tanaman. Di samping itu, Bahagian Biosekuriti Tanaman memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan laluan pasaran, pematuhan piawaian, serta fasiliti eksport bagi membantu petani menembusi pasaran domestik dan antarabangsa.

Melalui pendekatan menyeluruh ini, Jabatan Pertanian akan memastikan para petani di seluruh negeri Johor terutamanya yang berada di kawasan luar bandar, bukan sahaja menerima bantuan dari segi pembangunan ladang, tetapi juga sokongan rantaian nilai sehingga ke peringkat pemasaran hasil.

Jabatan Perikanan juga telah menyediakan pelbagai bantuan khususnya kepada nelayan darat di negeri Johor bagi memperkasakan aktiviti perikanan tangkapan air tawar melalui peruntukan kerajaan negeri dan persekutuan. Senarai bantuan adalah seperti berikut:

1. Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN).

ESHN Nelayan dengan bantuan bulanan sebanyak RM250/individu bagi nelayan tulen (100% bekerja sebagai nelayan) telah disediakan bagi menampung keperluan hidup nelayan darat. Setakat ini seramai 154 daripada 1011 orang nelayan darat telah menerima ESHND. Bagi nelayan laut, pihak LKIM telah menyalurkan bantuan ESHN kepada 3,063 nelayan di seluruh Johor.

2. Program Khas Perumahan Nelayan (PKPN).

PKPN telah diperkenalkan bagi memberi pembiayaan untuk memperbaiki kediaman sedia ada, sama ada secara kerja gotong-royong atau melalui kontraktor. Pada tahun 2024 sebanyak 10 buah rumah nelayan darat telah dipilih bagi PKPN iaitu di daerah Segamat (2 – selesai), Mersing (3 – selesai) dan Kluang (5 – dalam proses pembaikian).

3. Pelepasan benih ikan/udang galah bagi tujuan konservasi dan meningkatkan stok ikan air tawar.

Pelbagai benih spesies asli ikan air tawar telah dilepaskan ke perairan umum saban tahun di negeri Johor. Antaranya ialah ikan baung kuning, sebarau, lampam sungai, kelah merah, udang galah dan terbol di sungai-sungai utama dan empangan di negeri Johor. Pada tahun 2025, sebanyak 1.5 juta benih udang galah dan hampir 300,000 benih ikan asli disasarkan akan dilepaskan. Program pelepasan benih ikan dan udang galah ini telah meningkatkan stok spesies asli air tawar yang bukan sahaja memanfaatkan nelayan darat tetapi juga pemancing-pemancing rekreasi tempatan dan dari luar negeri Johor.

4. Pembekalan dan pemasangan jeti terapung mudah alih (pontoon).

Jeti terapung mudah alih telah dibekalkan di beberapa daerah di negeri Johor bagi memudahkan operasi pendaratan oleh komuniti nelayan darat. Pada tahun 2025 sebanyak

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

4 buah jeti teraoung mudah alih akan dibekalkan iaitu di Segamat (2), Kluang (1) dan Tangkak (1).

5. Bantuan-bantuan peralatan Nelayan.

Jabatan Perikanan juga telah menyediakan bantuan-bantuan lain seperti pemberian peralatan keselamatan (*life jacket, head lamp*), enjin sangkut (15 KK), pukat dan jala kepada nelayan-nelayan darat yang layak bagi memudahkan dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan dengan selamat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B21

Apakah status usaha kerajaan sama ada negeri atau persekutuan dalam menangani isu konflik gajah dan manusia di negeri Johor khususnya di kawasan Panti?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pada masa ini antara usaha kerajaan dalam menangani isu konflik gajah dan manusia Khususnya dikawasan panti adalah seperti:

i. Operasi Translokasi Bersepadu Gajah Negeri Johor yang bakal dilaksanakan di kawasan *hotspot* bagi menstabilkan semula populasi Gajah di kawasan DUN Panti. Selain itu usaha lain turun dilaksanakan seperti:

ii. Memperbanyakkan lagi Pembinaan *food bank* makanan gajah dengan kerjasama pihak ladang melalui program CSR dikawasan sekitar DUN Panti.

iii. Pembinaan Pagar Halangan Fizika di Hutan Simpan Panti yang bakal dilaksanakan oleh agensi pelaksana.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B22

Sila nyatakan jumlah peruntukan pembangunan infrastruktur asas (jalan, longkang, jambatan kecil) yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi kawasan DUN Bukit Naning sejak tahun 2022 hingga 2025, berserta status projek.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Berikut adalah peruntukan yang diterima dan telah dilaksana oleh Pejabat JKR (D) Muar melalui peruntukan yang diterima dari Kerajaan Negeri Johor:

TAHUN 2022:

BIL	SUMBER PERUNTUKAN	KETERANGAN	NILAI KERJA (RM)
1.	MARRIS	Kerja-Kerja 'CIPR' Dari Sec 0.00 Hingga 2.00 Jalan Sri Tanjung (J133) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Muar, Johor	RM 2,200,000.00
2	MARRIS	Kerja-Kerja 'CIPR & Reconstruction' (Localised) Dari Sec 2.00 Hingga 7.20 Jalan Sri Tanjung (J133) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Muar, Johor.	RM 980,000.00
3	MARRIS	Kerja-Kerja 'Resurface' Dari Sec 0.00 Hingga 1.50 Jalan Bukit Mor-Parit Yusof (J130) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Muar, Johor	RM 500,000.00

TAHUN 2023:

BIL	SUMBER PERUNTUKAN	KETERANGAN	NILAI KERJA (RM)
1.	MARRIS	Kerja Menaiktaraf dan Membaiki Sistem Pembentung (Crossing Culvert) Serta Kerja-kerja Berkaitan di Jalan Parit Jawa / Air Manis / Bakri (J131) Seksyen 3.80 - 4.00	RM 300,000.00
2	MARRIS	Kerja-kerja 'CIPR' dan kerja-kerja berkaitan dari sec 2.00 hingga 2.50 di Jalan Parit Jawa/Air Manis/Bakri (J131)	RM 450,000.00
3	MARRIS	Kerja-Kerja 'Regulate & Resurface' Dari Sec 10.10 Hingga 12.00 Jalan Bukit Mor/Parit Yusof (J130) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Muar, Johor.	RM 660,000.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

TAHUN 2024:
Peruntukan diterima dari kerajaan persekutuan.

TAHUN 2025:

BIL	SUMBER PERUNTUKAN	KETERANGAN	NILAI KERJA (RM)
1.	MARRIS	Mengecat Semula Garisan Jalan, Pemasangan Amber Light Di Seksyen 0.00 - 6.00 (Localised) Di Jalan Sri Tanjong (J133) Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan.	RM140,000.00
2	MARRIS	Kerja-Kerja 'CIPR' Di Jalan Sri Tanjong (J133) Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan dari sec 5.7 - 9.3.	RM3,400,000.00
3	P74001	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Abu Yamim, Batu 16, Mukim Ayer Hitam, Muar.	RM50,000.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B23

Nyatakan senarai sungai dan parit utama di DUN Bukit Naning yang telah dibersihkan atau dikeruk oleh JPS sepanjang tahun 2023–2025, termasuk kos, kontraktor terlibat, dan keberkesanan kerja tersebut.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk Makluman YB, Kerja – Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Parit Atau Sungai Adalah Bagi Memastikan Keberkesanan Saluran Sungai Atau Parit Di Dalam Keadaan Sempurna Dan Boleh Menampung Alirannya Dengan Berkesan Serta Mengurangkan Dari Berlakunya Risiko Banjir. Namun Begitu, Kitaran Atau Pusingan Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Sungai Atau Parit Adalah Berdasarkan Peruntukan Yang Diterima Pada Tahun Semasa. Berikut Merupakan Senarai Kerja-Kerja Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2023 Hingga 2025:

Tahun 2023

Bil	Tajuk	Kontraktor	Kos (RM)
1	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Karim Dan Parit Tengah, Skim Saliran Sarang Buaya Muar, Johor	YDL Enterprise	61,981.50
2	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Belukar Cina Dan Parit Bagan Ulu Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor.	FNS Maju Resources	29,430.00
3	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Kemin Dan Parit Jepon Skim Saliran Sarang Buaya, Muar Johor.	S.A.R Maju Enterprise	39,960.00
4	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit No 13, Parit No 12, Dan Parit Kg Kenangan, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	ZMY Tekun Enterprise	32,849.00
5	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Haji Zin Dan Parit Kaman, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Tras Bina Construction	28,596.35
6	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Hassan Ahmad 1 Dan Parit Hassan Ahmad 2, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Aryan Teguh Bina	56,425.00
7	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Arab Dan Parit Ulu Semerah, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Essendo Ricco Resources	45,482.00
8	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit No 11, Kg Air	HM Sepakat	18,200.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

	Manis, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor		
9	Kerja-Kerja Membersih Dengan Jentera Dan Tenaga Pekerja Di Parit Kelantan, Mukim Air Hitam, Kawasan Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Shahri Bin Sawon	29,042.00
10	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit No 6 Dan Parit No 7, Mukim Air Hitam , Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Big Tree Construction	31,820.00
11	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Benu, Parit Baru Dan Parit Syarikat, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Suka Bumi Maju Enterprise	45,400.00
12	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Hulu Sungai Sarang Buaya Batu 14/5 Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	MYS Enterprise	21,600.00

Tahun 2024

Bil	Tajuk	Kontraktor	Kos (RM)
1	Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Di Parit Karim, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	KDR Nusa Resources	48,795.00
2	Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Di Parit Haji Zin, Mukim Ayer Hitam Di Skim Saliran Sarang Buaya Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Di Daerah Muar, Johor	Shah Syarah Enterprise	37,200.00
3	Kerja Pemulihan Saliran Akibat Banjir Di Parit Arab, Mukim Ayer Hitam, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Trans Tech Engineering	47,350.00
4	Kerja Pemulihan Saliran Akibat Banjir Di Parit Yaakob, Mukim Ayer Hitam, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Perniagaan Ajmal Bina	27,430.00
5	Kerja Pemulihan Saliran Akibat Banjir Di Taliair Lama, Mukim Ayer Hitam, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Beb Jeram Jaya	44,040.00
6	Kerja Pemulihan Saliran Akibat Banjir Di Parit Karim, Mukim Ayer Hitam, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar Johor	Fis Brothers Enterprise	98,750.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

7	Kerja Pemulihan Saliran Akibat Banjir Di Parit No 7, Mukim Ayer Hitam, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Hairul Maju Enterprise	39,630.00
8	Kerja Pemulihan Saliran Akibat Banjir Di Parit Haji Anuar, Mukim Ayer Hitam, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	IBS Megah Enterprise	49,825.00
9	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Tengah, Skim Saliran Sarang Buaya Muar, Johor	Eede Salman Enterprise	79,492.50
10	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Kemin Dan Parit Jepun, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Usaha Sama R. Rjaami	47,300.00
11	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Belukar Cina, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Saliran Sarang, Muar, Johor	Beso Enterprise	24,300.00
12	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Haji Anuar Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Johari Abu Bakar Enterprise	34,255.00
13	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Sri Dalam Dan Parit No. 9 Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Aerro Bina	45,800.00
14	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Kaman Dan Parit Haji Lajis, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	MYBM Berkat Enterprise	46,475.00

TAHUN 2025

Bil	Tajuk	Kontraktor	Kos (RM)
1	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Kemin Dan Parit Jepon, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Jikha Rizal Teguh Enterprise	45,213.00
2	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Karim Dan Parit Che Mad, Skim Saliran Sarang Buaya Muar, Johor	Eede Salman Enterprise	47,019.00
3	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Di Parit Haji Lajis, Parit Masjid, Parit Haji Zin & Parit Kaman Di Kawasan Saliran Sarang Buaya, Daerah Muar, Johor.	Perniagaan Rifda	61,591.65

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

4	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Di Parit Tadah 5 Dan Parit Kelantan Di Kawasan Saliran Sarang Buaya, Daerah Muar, Johor.	HM Power Enterprise	64,210.00
5	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Di Parit Hassan Ahmad 1 Dan Parit Hassan Ahmad 2 Di Kawasan Saliran Sarang Buaya, Daerah Muar, Johor.	MNHZ Gemilang Enterprise	63,516.00
6	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Parit Di Parit Arab Dan Parit Ulu Semerah Di Kawasan Saliran Sarang Buaya, Daerah Muar, Johor.	Qaseh Cahaya Enterprise	60,100.00
7	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit No 11, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Dandier Enterprise	37,424.00
8	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Abdul Samad Dan Parit Amat Pentil, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	HR Selasih Enterprise	29,700.00
9	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit Jono Dan Parit Sakir, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Villa Indah Enterprise	42,650.00
10	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersihkan Di Parit No 13, Parit No 12 Dan Parit Kg Kenangan, Mukim Ayer Hitam, Kawasan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar, Johor	Bohari Bin Markam	39,852.50
11	Kerja-Kerja Membersih Parit Abuk Dan Parit Sri Sempadan Skim Saliran Sarang Buaya, Muar Johor	Muara Warisan Enterprise	20,018.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B24

Berapakah jumlah isi rumah di DUN Bukit Naning yang berada di bawah paras kemiskinan dan miskin tegar setakat Ogos 2025, serta jenis bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Jumlah Isi rumah di DUN Naning yang berada di bawah paras kemiskinan sehingga 18 Ogos 2025 adalah seperti berikut:

Daerah/ DUN	Miskin Tegar	Miskin
Muar	**0**	**1,211**
Bentayan	0	134
Bukit Kepong	0	149
Bukit Naning	0	117
Bukit Pasir	0	205
Maharani	0	195
Simpang Jeram	0	197
Sungai Balang	0	214

Asas Pendaftaran eKasih

Untuk makluman YB, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merupakan pendapatan isi rumah bulanan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaaan dan Kementerian Ekonomi. PGK dikira berdasarkan jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat. Penetapan PGK ini adalah berdasarkan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (BA) 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. PGK di Negeri Johor adalah seperti berikut:

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

NEGERI	**SAIZ ISI RUMAH PURATA (orang)**	**PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2022 (RM Bulanan)**			
		Miskin		Miskin Tegar	
		Isi Rumah (RM)	Per kapita (RM)	Isi Rumah (RM)	Per kapita (RM)
JOHOR	3.8	2,627	735	1,161	317
Bandar	3.7	2,665	758	1,143	317
Luar Bandar	4.0	2,481	652	1,232	318

Berkuatkuasa Pada 31 Januari 2024

Antara jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri yang direkodkan dalam Sistem eKasih adalah seperti berikut:

1. Program Dapur Kasih Johor - bantuan berbentuk barangan keperluan makanan bernilai RM100 pada setiap bulan.
2. Program Pemberian Rebat Air Percuma oleh SAJ
3. Pendahuluan Kemasukan Universiti/Kolej oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ)
4. Bantuan Melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor:
   i. Skim Bantuan Berdikari
   ii. Skim Bantuan Sara Hidup Bulanan
   iii. Skim Bantuan Pakaian Sekolah
   iv. Skim Bantuan Pendaftaran IPT
   v. Skim Bantuan Dermasiswa Pelajar
   vi. Skim Bantuan Perubatan (Rawatan Bulanan / Hemodialisis / Peralatan Rawatan)
   vii. Skim Bantuan Perumahan

5. Bantuan Dividen FELCRA melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.
6. Program Bantuan Rumah dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B25

Apakah projek atau inisiatif pelancongan yang sedang atau akan dilaksanakan di DUN Bukit Naning untuk mempromosikan agro-pelancongan dan warisan budaya tempatan, serta jumlah peruntukan yang diluluskan?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Secara khususnya Yayasan Warisan Johor tiada peruntukan yang tersedia mengenai projek atau inisiatif pelancongan yang akan dilaksanakan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Naning, Johor, yang memfokuskan kepada agro-pelancongan.

Walau bagaimanapun, secara umum, kerajaan negeri Johor di bawah Yayasan Warisan Johor telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memajukan sektor pelancongan dengan cara pemuliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah di daerah Muar seperti Bangunan Pejabat Kerajaan Muar dan Sekolah Tinggi Muar yang telah diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) manakala Bangunan Pejabat Kastam Diraja Muar, Masjid Sultan Ibrahim Muar dan Balai Polis Trafik Muar telah diwartakan sebagai tapak warisan di bawah enakmen Yayasan Warisan Negeri Johor 1988.

Dengan mewartakan bangunan bersejarah di Muar ini bagi memastikan warisan tidak lenyap begitu sahaja dan secara tidak langsung dapat menarik elemen pelancongan bagi peminat-peminat bangunan sejarah di daerah Muar.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B26

Sila senaraikan sekolah-sekolah di DUN Bukit Naning yang telah menerima naik taraf infrastruktur atau kemudahan ICT sejak tahun 2023, termasuk tarikh siap projek dan nilai peruntukan.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor sentiasa komited dalam memastikan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan ICT dilaksanakan secara berterusan bagi menyokong keperluan pendidikan, khususnya di kawasan DUN Bukit Naning. Berikut merupakan senarai projek di bawah sekolah-sekolah dalam kawasan DUN Bukit Naning sebagai usaha berterusan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan dan kemudahan infrastruktur.

Data sekolah-sekolah di DUN Bukit Naning:

BIL	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	PRE_IHSAN	CERDIK	STATUS_PROJEK_PDP	PERANTI GURU	PDT
1	JBA5001	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT NANING	-		**FASA 2** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1	3	**FASA 2** PC:4 Printer:2
2	JBA5002	SEKOLAH KEBANGSAAN AYER HITAM BATU 18		**41**	**FASA 4** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1 (Projek dijangka akhir 2025 / awal 2026)	3	**FASA 1** PC:5 Printer:0 **FASA 2** PC:2 Printer:2
3	JBA5042	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT ZAIN			**FASA 2** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1	4	**FASA 2** PC:4 Printer:2
4	JBA5071	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT NO. 5			**FASA 2** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1	3	**FASA 2** PC:4 Printer:2
5	JBC5011	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHIN TERH			**FASA 3** Laptop: 7 Pencetak: 1 Projektor: 1	3	**FASA 2** PC:3 Printer:2

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

6	JBC5041	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PU NAN		**82**	**FASA 3** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1	5	**FASA 2** PC:4 Printer:2
7	JEA5035	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN DR ISMAIL (STUDI)	**38**		**FASA 1** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1	9	**FASA 2** PC:5 Printer:2
8	JEA5036	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT NANING	**16**	**78**	**FASA 1** Laptop: 21 Pencetak: 1 Projektor: 1 Charging Cart:1	4	**FASA 1** PC:5 Printer:0 **FASA 2** PC:4 Printer:2

Sebanyak 8 buah sekolah telah dikenal pasti terlibat dalam pelaksanaan projek digitalisasi pendidikan di bawah inisiatif ini. Sekolah-sekolah yang terlibat merangkumi pelbagai kategori, iaitu sekolah rendah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Cina), dan sekolah menengah kebangsaan yang terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Naning.

Status pelaksanaan Projek PDP (Pengajaran dan Pembelajaran) bagi sekolah-sekolah di DUN Bukit Naning adalah seperti berikut:

i) Fasa 1: Melibatkan 2 buah sekolah
ii) Fasa 2: Melibatkan 5 buah sekolah
iii) Fasa 3: Melibatkan 2 buah sekolah
iv) Fasa 4: Melibatkan 1 buah sekolah

Agihan peranti di bawah pelaksanaan Projek PDP melibatkan peralatan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran digital di sekolah. Peranti-peranti tersebut diagihkan mengikut keperluan dan kapasiti setiap sekolah yang terlibat.

Agihan adalah seperti berikut:

- Komputer riba
  Sebahagian besar sekolah menerima sebanyak 21 unit laptop bagi kegunaan pelajar dan guru dalam proses PDP digital. Kuantiti ini membolehkan pelaksanaan kelas secara digital yang lebih efektif dan menyeluruh.

- Pencetak dan Projektor
  Semua sekolah menerima 1 unit pencetak dan 1 unit projektor sebagai sokongan kepada penggunaan bahan bercetak dan pembentangan di dalam makmal komputer sekolah.

- *Charging Cart*
  Charging cart turut dibekalkan kepada sekolah-sekolah yang menerima laptop dalam jumlah besar bagi tujuan penyimpanan dan pengecasan peranti secara selamat dan

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

teratur.

- Peranti Guru
  Agihan komputer riba yang dibekalkan adalah berdasarkan nisbah 10% dari jumlah guru di sekolah, atau minimum 3 unit bagi sekolah dengan bilangan guru yang kecil. Pelaksanaan ini dijalankan secara berfasa oleh KPM.

Agihan ini bertujuan memastikan warga pendidik dibekalkan dengan komputer riba untuk melaksanakan PdP dengan lebih efisien dan selaras dengan kehendak kurikulum pendidikan digital masa kini.

Selain daripada agihan peranti ICT menerusi fasa-fasa utama projek PDP, beberapa sekolah turut menerima peranti ICT melalui program-program khas yang dilaksanakan secara serentak sebagai sokongan tambahan kepada inisiatif pendigitalan pendidikan.

Maklumat agihan peranti melalui program ini adalah seperti berikut:

- Program PRE_IHSAN

Sebanyak 3 buah sekolah menerima peranti di bawah program PRE_IHSAN kerajaan negeri Johor dengan jumlah penerimaan berbeza antara 16 hingga 38 unit. Program ini bertujuan membantu pelajar yang memerlukan dengan menyediakan peranti bagi melaksanakan PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah) semasa pandemik Covid. Pada masa ini digunakan oleh sekolah mengikut kesesuaian masa dan PDPC.

- Program CERDIK

Seramai pelajar daripada 3 buah sekolah telah menerima peranti melalui program CERDIK, yang merupakan kerjasama sektor awam dan swasta dalam penyediaan peranti digital kepada pelajar semasa pandemik Covid. Sekolah dengan penerimaan tertinggi mencatatkan 82 unit peranti. Pada masa ini, ianya masih lagi digunakan semasa PDPC.

Kedua-dua program ini telah menyumbang secara signifikan kepada usaha memastikan pelajar mempunyai akses kepada pembelajaran digital, khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan.

Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan berfasa projek PDP, terdapat sekolah yang dijadualkan menerima kemudahan tambahan pada masa akan datang. Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam Batu 18
Sekolah ini dijangka akan menerima kemudahan tambahan di bawah Fasa 4. Mengikut perancangan semasa, pelaksanaan bagi fasa ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025 atau awal tahun 2026.
Fasa ini melibatkan penambahan peranti serta kemudahan digital bagi menyokong keberkesanan pelaksanaan PdP secara holistik di sekolah tersebut.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B27

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menambah jumlah Sekolah Agama di dalam DUN Tiram ekoran pertambahan taman-taman perumahan dan peningkatan jumlah pelajar di sebahagian besar sekolah sedia ada?

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan setiap anak Johor yang beragama Islam mendapat akses kepada pendidikan agama yang berkualiti, lengkap dengan fasiliti dan kemudahan yang selesa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat **sebanyak 15 buah Sekolah Agama** di kawasan Dewan Undangan Negeri Tiram dengan jumlah murid yang berdaftar melebihi **14,000 orang**. Senarai sekolah tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH MURID
1	SA RAUDHAH AT-THOLIBIN, TAMAN GAYA	515
2	SA SUNGAI TIRAM	1191
3	SA TAMAN BUKIT TIRAM	1369
4	SA TAMAN DESA CEMERLANG	387
5	SA TAMAN DESA JAYA	783
6	SA DATO' ABD. RAHMAN AHMAD	914
7	SA KAMPUNG PASIR PUTIH	702
8	SA KONGKONG LAUT	152
9	SA KOPOK BARU	783
10	SA AL-ISLAH TAMAN KOTA MASAI 2	1131
11	SA PERIGI ACHEH	73
12	SA TAMAN KOTA MASAI	3790
13	SA TAMAN PASIR PUTIH	1715
14	SA TANJUNG LANGSAT	81
15	SA TAMAN CAHAYA MASAI	1077

Bagi memastikan prasarana pendidikan agama terus ditambah baik, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pendidikan Islam, JAINJ telah merangka pembinaan bangunan baharu di bawah **Program Sekolah Agama Fasa 6**. Insya-Allah, projek ini dijadualkan mula dilaksanakan pada penghujung tahun 2025. Tiga buah sekolah yang telah dikenal pasti ialah:

1. Sekolah Agama Taman Universiti, Kulai
2. Sekolah Agama Datin Halimah, Johor Bahru
3. Sekolah Agama Al-Mizan, Kempas, Johor Bahru

Selain itu, dua buah sekolah turut dipilih bagi pembinaan bangunan tambahan, iaitu **Sekolah Agama Bukit Saujana, Kota Tinggi** dan **Sekolah Agama Pulai Indah, Kulai**.

Pada peringkat awal, Bahagian Pendidikan Islam telah mengemukakan **21 cadangan sekolah** bagi pembinaan baharu. Namun, mengambil kira kekangan peruntukan semasa Kerajaan Negeri, keutamaan diberikan kepada tiga sekolah baharu dan dua bangunan tambahan tersebut berdasarkan tahap keperluan serta kepadatan murid.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B28

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperkenalkan penggunaan teknologi moden seperti pertanian pintar (*smart farming*) di kalangan petani di Johor?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, sektor pertanian tidak ketinggalan dalam memperkenalkan dan memperkasa teknologi pertanian yang moden mencakupi elemen Pertanian Pintar (*Smart Farming*) dan Pertanian Persis (*Precision Farming*) dengan tujuan untuk menjadikan aktiviti pertanian lebih **efisien, produktif, mapan, dan menguntungkan** melalui :

1. **Peningkatkan Hasil & Produktiviti Tanaman**
   - Dengan sensor, dron, AI dan data analitik, petani dapat memantau keadaan tanah, cuaca, dan tanaman secara tepat untuk memastikan hasil maksimum.

2. **Pengoptimuman Penggunaan Sumber**
   - Air, baja, tenaga dan racun perosak digunakan hanya apabila dan di tempat yang diperlukan (precision farming), mengelakkan pembaziran.

3. **Pengurangan Kos Operasi**
   - Automasi (contoh: sistem fertigasi pintar, dron semburan) mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja yang semakin mahal/kurang.

4. **Peningkatan Kualiti Hasil**
   - Pemantauan rapi membolehkan kawalan nutrien dan persekitaran yang lebih konsisten, menghasilkan produk lebih seragam dan berkualiti tinggi.

5. **Peningkatan Daya Saing & Pendapatan Petani**
   - Produk berkualiti dan kos operasi lebih rendah meningkatkan keuntungan, serta membolehkan akses ke pasaran premium (contoh: eksport, produk organik).

6. **Melestarikan alam sekitar**
   - Penggunaan sumber secara optimum mengurangkan pencemaran air/tanah, sekaligus menyokong amalan pertanian mesra alam.

7. **Jaminan makanan (food security)**
   - Dengan teknologi CEA (*controlled environment agriculture*) & *vertical farming*, pengeluaran dapat dijalankan sepanjang tahun tanpa bergantung kepada iklim semata-mata.

8. **Menarik minat generasi muda**
   - Penggunaan teknologi moden menjadikan sektor pertanian lebih profesional, moden dan menarik kepada golongan muda untuk terlibat sebagai usahawan tani.

Justeru, pelbagai langkah telah dan sedang diambil untuk memperkenalkan dan memperkasakan penggunaan teknologi moden di kalangan petani di Johor iaitu :

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

1. **Projek Perintis dan Contoh:**
   1.1 Jabatan Pertanian melalui Agen Pengembangan Tanaman (APT) di setiap daerah bertindak sebagai pembimbing dalam menyampaikan khidmat nasihat tanaman dan teknologi kepada golongan sasar yang terlibat.
   1.2 Beberapa ladang vertikal berteknologi tinggi telah mula dibimbing dan diperkenalkan di kawasan bandar-bandar besar bagi mempamerkan amalan pertanian pintar, automasi dan pengeluaran sepanjang tahun sebagai rujukan & pemindahan pengetahuan (cth: Micson Hydroponic, SUS Farm).

2. **Latihan, Kesedaran dan Pemindahan Teknologi Kepada Petani**
   2.1 Jabatan Pertanian (melalui Pejabat Pertanian daerah) telah berjaya menganjurkan pelbagai sesi penerangan termasuk kursus dan latihan mengenai *precision farming*, IoT, penggunaan sensor, dron dan lain-lain untuk pemantauan tanaman masa nyata.
   2.2 Bekerjasama dengan pemain teknologi tempatan seperti JP Global dan Red Tone sebagai penyedia teknologi termasuk jemputan sebagai penceramah oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor.

3. **Hebahan dan Capaian Maklumat Oleh Masyarakat**
   3.1 Media sosial rasmi Jabatan Pertanian Negeri Johor *(@doajohor*) seperti Facebook, Tik Tok dan Instagram sentiasa memaparkan dan menyajikan konten-konten video serta penulisan berkaitan aplikasi teknologi pertanian.
   3.2 Pameran/Karnival peringkat negeri dan daerah pula turut mengetengahkan elemen pertanian pintar dan teknologi moden bagi memperluas capaian kesedaran kepada masyarakat di negeri Johor.

4. **Insentif dan Bantuan**
   4.1 Melalui inisiatif kerajaan negeri Johor, pelbagai insentif berteknologi telah mula diperkenalkan dan disalurkan kepada golongan sasar yang layak bermula pada tahun 2022. Pada tahun 2025 sahaja, sebanyak 4 projek dengan nilai sejumlah RM3.1 Juta melibatkan 55 orang telah berjaya dilaksanakan dan dimanfaatkan oleh golongan sasar.

Melalui inisiatif kerajaan pusat pula, program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Di Bawah Program Keterjaminan Makanan telah berjaya memberi manfaat kepada 135 orang dengan nilai RM4.5 juta bagi 3 projek utama.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B29

Sejauh mana keberkesanan ECOSS dalam memastikan subsidi minyak masak paket untuk isi rumah tidak dicuri oleh pengusaha kedai makan dan warga asing selain mengawal peruncit menaikkan harga sesuka hati melebih yang ditetapkan kerajaan?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

KPDN Johor telah memperluaskan pelaksanaan *zoning* agihan kuota minyak masak bersubsidi negeri Johor bagi Fasa 1 bermula 15 Mei 2025 hingga 10 Ogos 2025 melibatkan 15 Syarikat Pembungkus Minyak Masak Bersubsidi dan 17 premis Pasaraya/Kedai Runcit (*Point of Sales*). Sejumlah 510.24 MT daripada 3,330 MT kuota bulanan telah diagihkan kepada 17 POS bagi memastikan keberadaan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran setempat terkawal dan dipantau secara berkala.

Pada pelaksanaan *zoning* Fasa Ke-2 bermula 11 Ogos 2025 hingga 10 November 2025 pula, sejumlah 29 POS telah dikenal pasti dan melibatkan 19 Syarikat Pembungkus Minyak Masak Bersubsidi dengan kuota agihan 720.24MT, KPDN Johor telah memperkenalkan sistem ECOSS secara rintis buat pertama kali di peringkat 29 peruncit. Berdasarkan pemantauan sehingga hari ini, urus niaga minyak masak bersubsidi di lokasi POS berjalan dengan lancar dan sistem ECOSS pengguna diterima baik oleh masyarakat setempat. Premis Peruncit telah mengadakan kaunter khas jualan minyak masak bersubsidi untuk memudahkan urusan pendaftaran sistem ECOSS dan transaksi jualan direkod secara sistem dan manual setiap hari. Didapati jua, pelaksanaan *zoning* dan penggunaan sistem ECOSS pada masa yang sama dapat membantu KPDN menjejak dan memastikan bekalan minyak masak bersubsidi sampai kepada isi rumah tanpa halangan serta kaedah ini dapat mengetatkan kawalan bekalan *end to end* daripada peringkat pembungkus/pemborong kepada peringkat peruncit kepada pengguna dan yang secara langsung membendung ketirisan minyak masak bersubsidi khususnya di negeri Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B30

Mohon penjelasan berapa peratusan keluasan hutan simpan berbanding keluasan negeri Johor ketika ini serta langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin jumlah tersebut dapat dikekalkan pada masa akan datang?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Pihak Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar akan menghubungi YB bagi memberikan jawapan secara bertulis.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B31

Sempena tahun melawat Johor 2026, apakah langkah kerajaan negeri untuk memastikan DUN Tenang yang kaya dengan pelbagai aktiviti kraf serta alam semula jadi tidak tercicir dalam aspek kemasukan pelancong domestik dan luar?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DUN Tenang mempunyai kekuatan produk-produk pelancongan tersendiri kepada pelancong khususnya pengalaman budaya tempatan dan keindahan ekopelancongan.

Sebagai contoh, Homestay Smilian Felda Tenang menjanjikan pengalaman desa sempurna termasuk bermain permainan tradisional seperti galah panjang dan congkak, demonstrasi kraf & masakan kampung, serta persembahan kebudayaan seperti zapin.

Aktiviti tambahan termasuk sukaneka rakyat, kursus cendawan dan lawatan ke pusat ternakan rusa dan landak. Bagi memberikan lebih pendedahan promosi, Homestay Smilian Felda Tenang telah dijemput bagi turut serta dalam pameran pelancongan terbesar di Malaysia iaitu Matta Fair 2025 yang diadakan pada 5 hingga 7 September 2025 di MITEC, Kuala Lumpur.

Hutan Lipur Takah Melur pula menjadi destinasi rekreasi dan ekopelancongan dijangka menjadi tumpuan untuk keluarga menikmati alam semula jadi dan kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM300 ribu dalam menambahbaik kemudahan asas dan pembinaan kaunter pendaftaran di kawasan ini.

Lawatan rasmi oleh Tourism Johor juga telah dilaksanakan bagi memberikan promosi awal tarikan yang ada di Segamat ini. Pusat Rekreasi Air Panas Labis juga terus giat dipromosikan melalui famtrip yang diadakan oleh Tourism Johor pada 20-22 Jun 2025 yang melibatkan 20 pempengaruh media sosial bagi menarik lebih ramai kehadiran pengunjung ke pusat rekreasi ini.

Tarikan mural seperti mural kereta api, mural bidai kayu dan Street Art Labis telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Labis dalam menjadikan kawasan DUN Tenang terus relevan bagi kempen Visit Johor 2026.

Sekian terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B32

Apakah terdapat sebarang bentuk promosi yang dirancang kerajaan negeri bagi mempromosi lokasi-lokasi pelancongan yang terdapat di Labis di pintu masuk seperti plaza tol berhampiran serta stesen keretapi sebagai persediaan Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor telah merancang beberapa inisiatif promosi sebagai persediaan Tahun Melawat Johor 2026, termasuk bagi kawasan Labis.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah penyediaan *promotion kit* yang mengandungi risalah, *fun map*, bunting dan *beach flag* untuk diedarkan serta dipamerkan di produk pelancongan.

Selain itu, mercu tanda “Selamat Datang ke Johor” di pintu-pintu sempadan negeri juga akan dibangunkan sebagai simbol kempen Tahun Melawat Johor 2026.

Tourism Johor juga merancang sambutan khas di pintu masuk utama negeri dan plaza tol utama pada awal tahun 2025 bagi mengalu-alukan ketibaan pelancong. Langkah-langkah ini secara keseluruhannya akan memperkukuhkan promosi pelancongan Johor termasuklah kawasan Labis, sekali gus memastikan daerah ini turut mendapat limpahan manfaat daripada kempen Tahun Melawat Johor 2026.

Sekian terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B33

Kawasan pelupusan sampah yg diwartakan perlu menampung sampah-sampah dari daerah-daerah lain. Bolehkah sekiranya setiap daerah mewujudkan kawasan pelupusan sampah sendiri supaya tidak berlaku kawasan pelupusan sampah haram?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Berdasarkan Bahagian III – Seksyen 8 (1), Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), telah diperuntukkan bahawa:

"Tiada seorang pun boleh membina mana-mana kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan melainkan jika pelan atau spesifikasi yang berkaitan yang menghendaki kelulusan Ketua Pengarah telah diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Ketua Pengarah."

Sehubungan itu, kuasa pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, termasuk hal yang berkaitan dengan perancangan serta pembangunan kemudahan pengurusan sisa pepejal sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 672.

Dalam usaha menambah baik sistem pengurusan sisa pepejal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk menyediakan fasiliti pengurusan sisa pepejal yang mampan di seluruh Malaysia. Usaha ini adalah termasuk membangunkan tapak pelupusan sanitari berskala besar untuk menampung sisa pepejal daripada beberapa daerah atau satu negeri (regional) supaya pengurusan sisa pepejal lebih teratur, berpusat serta dilengkapi dengan sistem pemantauan dan kawalan pencemaran yang lebih efektif.

Selain itu, KPKT juga dalam usaha untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang mempunyai elemen ekonomi kitaran dan mesra alam, KPKT telah merancang pembangunan loji waste to energy (WTE) bagi merawat sisa pepejal sebelum dilupuskan ke tapak pelupusan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B34

Adakah model perladangan FELDA masih relevan dalam konteks ekonomi moden? Apakah peranan teknologi dan digitalisasi dalam meningkatkan produktiviti ladang FELDA?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Model perladangan FELDA masih relevan dalam konteks ekonomi moden terutamanya apabila digabung jalinkan dengan teknologi dan digitalisasi yang membuka ruang kepada pertanian pintar, pengurusan yang lebih efisien, serta produktiviti lebih tinggi.

Sejak penubuhan FELDA pada tahun 1956, FELDA telah menjadi tunjang dalam pembangunan luar bandar dan ekonomi Malaysia melalui sistem penempatan terancang dan tanaman perladangan seperti getah dan kelapa sawit yang diuruskan secara berkelompok. dengan model perladangan yang diteruskan hingga kini dengan beberapa penambahbaikan, ia kekal memberikan pendapatan kepada para peneroka hingga ke hari ini.

Untuk makluman, pelbagai usaha telah diimplementasikan dalam usaha memastikan model perladangan ini kekal relevan. antaranya, projek 25:23 yang menyasarkan peningkatan hasil sawit sebanyak 25 tan bagi setiap satu hektar setahun dan kadar perahan minyak (oer) kepada 23 peratus (%) menjelang 2027, membuktikan FELDA komited untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti hasil. Justeru, model perladangan FELDA kekal relevan kerana ia terus berubah untuk menghadapi cabaran pasaran, meningkatkan pendapatan peneroka, dan memperkukuh kesan sosio-ekonomi.

Peranan teknologi dan digitalisasi dalam meningkatkan produktiviti ladang FELDA sangat penting dalam usaha menjadikan sektor pertanian lebih mampan, cekap, dan berdaya saing. Antaranya:

1. Meningkatkan kecekapan operasi ladang penggunaan automasi dan mekanisasi dalam operasi perladangan sememangnya meningkatkan kecekapan operasi di ladang FELDA. Antara penggunaan mekanisasi adalah seperti rotor slasher, mistblower, spreader, mini tractor, badang, ck tank dan lain-lain telah meningkatkan kecekapan dalam aktiviti merumput, membaja dan juga penuaian dan pengangkutan hasil.

2. Pengumpulan dan analisis data penggunaan dron untuk pemetaan ladang sememangnya berjaya mendapatkan dirian pokok sawit sebenar di ladang serta dapat melaksanakan pemantauan kesihatan tanaman, dan penggunaan baja secara tepat mengikut dirian pokok. maklumat-maklumat ini diintegrasikan bersama GIS/EGIS dalam *Sistem Smart Plantation Management Solutions* (SPMS) yang mula digunakan oleh FELDA sejak tahun 2022 ini berjaya mengumpulkan data dalam sistem berkenaan dan seterusnya memudahkan analisis dilakukan.

3. Memberikan data kos operasi ladang dan hasil yang tepat FELDA telah melaksanakan projek rise bermula tahun 2024 dalam pengurusan ladang yang mana kos operasi ladang dan hasil sawit dapat diperoleh dengan tepat bagi setiap peneroka dan seterusnya menjana paysheet peneroka yang lebih telus.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Kesimpulannya, teknologi dan digitalisasi bukan sahaja meningkatkan produktiviti ladang FELDA, tetapi juga membawa kepada pengurusan lebih cekap, hasil lebih tinggi, dan amalan pertanian lebih lestari.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B35

Apakah faktor utama berlakunya kes murtad di Johor berdasarkan kajian dan sejauh mana peranan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dalam menangani isu murtad?

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Berdasarkan kajian faktor utama berlakunya kes murtad di Johor.

1. **Kejahilan terhadap akidah dan hukum Islam**
   Kekurangan ilmu berkaitan akidah dan hukum Islam menjadikan individu mudah terpesong dari agama asal. Faktor ini dikenalpasti sebagai penyebab utama murtad.

2. **Percintaan dan perkahwinan dengan bukan Islam**
   Perasaan cinta dan perkahwinan turut memainkan peranan penting , individu memilih untuk murtad kerana mahu berkahwin atau bersekedudukan dengan pasangan bukan Islam.

3. **Perceraian**
   Perceraian yang berlaku selepas perkahwinan turut menyumbang kepada murtad, sebab individu merasa kurang sokongan atau kehilangan pegangan agama yang mantap menjadi cenderung kepada kembali kepada pegangan asal.

4. **Pengaruh dakwah agama lain dan ajaran sesat**
   Individu terpengaruh dengan aktiviti atau ajaran agama lain, termasuk penyebaran ajaran sesat melalui pertubuhan kebajikan, turut menjadi faktor yang mengelirukan dan menyebabkan murtad.

5. **Kelemahan iman dan pengaruh nafsu**
   Iman yang goyah bersama dorongan nafsu atau tekanan persekitaran boleh melemahkan pegangan agama seseorang.

6. **Desakan ekonomi dan kemiskinan**
   Kemiskinan dan kesempitan hidup sering mendorong individu untuk mengambil keputusan berbahaya, termasuk keluar dari agama, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

7. **Masalah integrasi sosio-agama (khusus untuk saudara baru)**
   Kurangnya perhatian dan pemahaman serta diskriminasi terhadap saudara baru (mualaf) menyebabkan mereka berasa terasing dan kembali kepada agama asal mereka.

8. **Modernisasi dan pengaruh media**
   Budaya barat, hiburan melampau, dan media yang memberi penceritaan negatif terhadap Islam memberi impak kepada individu, terutama golongan muda, dengan melemahkan pegangan agama mereka.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

9. **Kelemahan dalam sistem pendidikan dan undang-undang**
   Pendidikan agama yang kurang diberi perhatian dalam sistem pendidikan formal dan juga kelonggaran atau jurang dalam penguatkuasaan undang-undang menyebabkan pengaruh negatif mudah menular.

Peranan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dalam menangani isu murtad

1. **Penerimaan Aduan & Siasatan Kes**
   Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Unit Akidah Dan Syariah Bahagian Penyelidikan, menerima aduan tentang murtad. Stastistik aduan adalah seperti di **Lampiran B35.**

2. **Penerbitan Fatwa & Peringatan**
   Dalam kajian mengenai gejala murtad di Johor, JAINJ menjalankan langkah seperti mengeluarkan fatwa, peringatan, pengisytiharan, dan memberi dakwah serta kaunseling.

3. **Pemantauan & Pencegahan Fahaman Sesat**
   Unit Akidah Syariah Bahagian Penyelidikan JAINJ bertanggungjawab untuk:

   - Menerima dan mengambil tindakan atas aduan berkaitan akidah dan syariah.
   - Memperkasakan ajaran akidah Sunni (Ahli Sunnah Wal Jamaah).
   - Mencegah fahaman bertentangan akidah, termasuk mengekang penyebaran ajaran sesat dan kristianisasi.
   - Menganjurkan kursus, seminar, dan forum akidah
     Selain itu, Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media adalah dua unit penting dalam struktur Bahagian Penyelidikan JAINJ untuk membendung ajaran sesat melalui prosedur penyelidikan dan penguatkuasaan.

4. **Jawatankuasa Tindakan Sekiranya Berlaku Isu Akidah**
   Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Isu-Isu Semasa Agama Islam, yang berfungsi:

   - Untuk mengkaji, meneliti, dan mencadangkan tindakan lanjut kepada MAINJ atau agensi terkait apabila muncul isu menggugat akidah, syariah atau akhlak.
   - Jawatankuasa ini bersidang bila-bila masa dan melibatkan agensi seperti PDRM untuk penguatkuasaan menyeluruh.

5. **Pemulihan Akidah dan Program Dakwah**
   MAINJ juga memperuntukkan dana kepada Pertubuhan Kebajikan Saudara Kita untuk mendukung usaha dakwah dan kebajikan kepada mualaf. Antara program yang dilaksanakan:

   - Modul pengajian Islam (akidah, sirah, al-Quran, ibadah, muamalat).
     Aktiviti seperti "Islam Pilihanku", Kem Sinar Ibadah, iftar Ramadan, ziarah sosial, sambutan Maulidur Rasul dan lain-lain lagi.

LAMPIRAN B35

STATISTIK ADUAN STATUS AGAMA (CUBAAN KELUAR ISLAM)

BIL	DAERAH	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
1	Johor Bahru	4	4	-	1	1	1	3	4	-	3
2	Kota Tinggi	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-
3	Pontian	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4	Kluang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
5	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
6	Mersing	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
7	Kulai	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-
8	Muar	-		-	1	-	-	-	-	-	-
9	Segamat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
10	Tangkak	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		**6**	**4**	**-**	**2**	**1**	**1**	**4**	**4**	**-**	**3**

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B36

Peneroka FELDA adalah pembayar cukai tanah yang besar di negeri Johor ini. Apakah sumbangan PTD kepada pembayar-pembayar cukai dari kalangan peneroka FELDA ini?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Setiap hasil terutamanya cukai tanah yang diperolehi oleh Kerajaan negeri, akan dipulangkan kepada rakyat terutamanya warga FELDA menerusi pelbagai insentif bantuan. Selari dengan aspirasi mengukuhkan kesejahteraan sosial warga FELDA, YAB Menteri Besar Johor baru-baru ini juga telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM4.62 juta bagi melaksanakan 10 inisiatif khas untuk warga FELDA. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor bersama FELDA turut memperuntukkan sebanyak RM18 juta bagi pembangunan infrastruktur asas lot kediaman Generasi FELDA di negeri ini.

Kerajaan Negeri yakin bahawa segala usaha yang digerakkan ini akan menyumbang kepada kesejahteraan warga FELDA, dan seterusnya memperkasa pembangunan komuniti luar bandar selari dengan agenda Maju Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B37

Bolehkah kerajaan negeri menyatakan status penambahan doktor pakar dan peralatan moden di hospital-hospital daerah dalam negeri Johor bagi mengurangkan kesesakan pesakit di hospital rujukan?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Seperti sedia maklum, terdapat 13 buah hospital KKM di Negeri Johor termasuk sebuah fasiliti baru iaitu Hospital Pasir Gudang. KKM dan JKN Johor sentiasa memantau keperluan perjawatan dan peralatan perubatan di hospital-hospital awam negeri Johor bagi memastikan ianya selaras dengan perkhidmatan yang disediakan atau dirancang.

Semua hospital KKM di negeri Johor termasuk hospital daerah telah mendapat perkhidmatan kepakaran di bawah pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster. Dengan menyediakan perkhidmatan kepakaran pelbagai disiplin di bawah inisiatif ini, kesejahteraan rakyat setempat dipertingkatkan, khususnya akses perkhidmatan Pakar tanpa perlu dirujuk ke lead hospital bagi kes tertentu, dan secara tidak langsung dapat membantu menjimatkan kos rawatan (perjalanan) kepada pesakit/waris. Bermula tahun 2023, sesetengah hospital daerah tanpa pakar telah menerima pakar residen bagi kepakaran perubatan am, radiologi, pembedahan am dan anaestesiologi. Terkini, terdapat 645 orang pakar yang bertugas di hospital-hospital KKM Negeri Johor

Pembelian dan penggantian peralatan untuk rawatan juga dijalankan mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, memandangkan keperluan penambahan dan penggantian peralatan melibatkan kos yang tinggi, maka ia perlu dilaksanakan secara berfasa atau berperingkat selaras dengan peruntukan yang boleh disediakan. Bagi tahun 2025, sejumlah RM79,773,130 telah diterima melalui peruntukan pembangunan KKM dan juga kerajaan negeri bagi pembelian peralatan perubatan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B38

Apakah langkah kerajaan negeri menyokong penyediaan bilik darjah tambahan dan fasiliti moden di sekolah harian Johor untuk menampung pertambahan pelajar?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa komited dalam usaha memastikan penyediaan bilik darjah tambahan dan fasiliti moden di sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik serta kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepadatan murid di SMK Bandar Penawar, Kota Tinggi Adalah dalam perhatian dan tindakan JPN Johor. Data JPN Johor menunjukkan bahawa sekolah ini telah beroperasi secara dua sesi dan enrolmen murid telah melepasi tahap optimum.

JPN Johor melalui Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi (PPD Kota Tinggi) telah mempunyai peracangan bagi pembinaan sekolah menengah baharu iaitu SMK Bandar Penawar 2 di tapak rizab pendidikan di Bandar Penawar. Permohonan tersebut telah dikemukakan dalam RMKe-13 RP1 Tahun 2026 kepada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan agensi pusat, keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B39

Apakah inisiatif kerajaan negeri memperkukuh jaringan keselamatan sosial golongan B40 dan warga emas yang tidak mempunyai pencen atau perlindungan kewangan mencukupi?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Johor turut mengambil perhatian terhadap semua golongan masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan tidak terkecuali golongan B40 demi kesejahteraan masyarakat. JKM telah menyediakan dua konsep pemberian bantuan kepada Masyarakat yang memerlukan iaitu bantuan bulanan sementara dan bantuan secara sekali gus.

Selain memberikan sokongon psikologi kepada golongan B40, JKM juga bertanggungjawab untuk menyalurkan bantuan bulanan Kerajaan kepada B40 yang berpendapatan di bawah Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa RM1198.00 atau PGK Purata Miskin Per Kapita RM322.00. Antara bantuan Kerajaan yang bersesuaian boleh dipertimbangkan bagi golongan B40 adalah Bantuan Am, Bantuan Kanak-kanak, Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar/ Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT). Kelulusan bantuan yang diberikan perlu mematuhi syarat kelayakan merujuk kepada jadual di bawah;

BIL	JENIS BANTUAN	SYARAT KELAYAKAN DAN KADAR (RM)
1.	Bantuan Kanak-kanak	Minimum RM200 sehingga maksimum RM1000 sebulan:- RM250 seorang bagi anak berumur 6 tahun & ke bawah RM200 seorang bagi anak berumur 7 tahun -18 tahun
2.	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	RM450 sebulan seorang Jumlah Pendapatan individu Pekerja OKU: RM1500
3.	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar/ Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT),	RM 500 sebulan seorang Jumlah Pendapatan Isi Rumah: RM5000
4.	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB),	RM300 sebulan seorang Jumlah Pendapatan Isi Rumah: RM5000
5.	Bantuan Am Negeri	maksimum sebanyak RM300 sekeluarga

Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara. Menerusi Kenyataan Media bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dilaporkan bahawa peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus kepada 7.3 peratus bagi tempoh yang sama dan berdasarkan definisi United Nations, Malaysia telah menjadi negara menua.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan pelbagai kemudahan dan jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi golongan warga emas. Antara kemudahan jangka masa pendek yang disediakan termasuklah bantuan kewangan iaitu Bantuan Warga Emas (BWE), dimana sejumlah RM600 sebulan akan diberikan

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

bermula pada tahun 2025 sebagai saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti.

Bantuan Warga Emas adalah bantuan yang disalurkan kepada individu miskin tegar (yang memenuhi kriteria kelayaka) berumur 60 tahun ke atas untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Warga emas tersebut mestilah Warganegara dan bermastautin di Malaysia, berpendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa tidak melebihi RM1198 atau PGK Purata Miskin Perkapita Semasa tidak melebihi RM322. Warga emas juga tidak tinggal di institusi kendalian JKM atau Pusat jagaan harian/ berkediaman yang memberi kemudahan/ perkhidmatan secara percuma.

Bantuan ini dikategorikan sebagai bantuan tidak produktif yang mana tiada siasatan kes dibuat bagi lanjutan bantuan. Bantuan akan ditamatkan sekiranya penerima bantuan meninggal dunia atau berpindah keluar dari daerah permohonan bantuan dibuat.

Selain daripada bantuan kewangan, JKM juga turut menyediakan kemudahan seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). PAWE ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas. Pusat Aktiviti Warga Emas melaksankan program dan aktiviti yang merangkumi 5 dimensi iaitu kerohanian, kesihatan, social, ekonomi dan persekitaran.

Setiap warga emas yang berdaftar boleh turut serta dalam setiap aktiviti dan program yang dijalankan di PAWE secara percuma. Pusat ini juga memberi peluang kepada warga emas untuk belajar ilmu baharu yang secara tidak lansung boleh membantu mereka menjana ekonomi dan menyumbang di dalam komuniti setempat.

Sehingga kini terdapat sebanyak 23 buah PAWE dengan jumlah ahli seramai 4624 orang di seluruh Negeri Johor dengan pecahan mengikut daerah seperti berikut :

BIL	DAERAH	JUMLAH PAWE
1	JOHOR BAHRU	4 PAWE - PAWE JOHOR BAHRU - PAWE TEBRAU - PAWE PASIR GUDANG - PAWE PULAI
2	MERSING	3 PAWE - PAWE SEJAHTERA ENDAU - PAWE KAWANKU BANDAR MERSING - PAWE TENGGAROH 01
3	KOTA TINGGI	3 PAWE - PAWE KOTA TINGGI - PAWE BANDAR TENGGARA - PAWE BANDAR PENAWAR

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

4	KULAI	1 PAWE - PAWE PERMAI
5	PONTIAN	1 PAWE - PAWE GEMILANG
6	KLUANG	4 PAWE - PAWE KLUANG - PAWE SIMPANG RENGGAM - PAWE BANDAR BAHARU IBRAHIM MAJID - PAWE SEMBRONG
7	BATU PAHAT	2 PAWE - PAWE PENGGARAM - PAWE SRI SULONG
8	SEGAMAT	2 PAWE - PAWE LABIS - PAWE BANDAR SEGAMAT
9	MUAR	2 PAWE - PAWE PARIT KEROMA - PAWE BUKIT PASIR
10	TANGKAK	1 PAWE - PAWE TANGKAK
JUMLAH		**23 PAWE**

Selain itu, JKM juga melaksanakan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Program ini bercorak pendampingan sosial *(social outreach)* dan berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama.

Program ini dilaksanakan oleh Sukarelawan JKM dan antara aktiviti yang dilaksanakan adalah dari segi kesihatan iaitu membawa ke hospital / klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat dan membantu Warga Emas / OKU / penjaga cara penjagaan Kesihatan. Manakala dari segi khidmat social antara aktiviti yang dijalankan adalah menyediakan makanan dan minuman, menjadi rakan berbual dan menjalankan aktiviti riadah.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

STATISTIK SUKARELAWAN DAN KLIEN (WARGA EMAS DAN OKU) BAGI TAHUN 2023, 2024 DAN 2025

KHIDMAT BANTU DI RUMAH (KBDR) PERSEKUTUAN

TAHUN	JUMLAH SUKARELAWAN	JUMLAH KLIEN		JUMLAH KLIEN
		WARGA EMAS	ORANG KURANG UPAYA (OKU)	
2023	135	389	151	**540**
2024	134	405	131	**536**
2025	136	402	142	**544**
JUMLAH	**405**	**1,196**	**424**	**1,620**

KHIDMAT BANTU DI RUMAH (KBDR) NEGERI

TAHUN	JUMLAH SUKARELAWAN	JUMLAH KLIEN		JUMLAH KLIEN
		WARGA EMAS	ORANG KURANG UPAYA (OKU)	
2023	22	36	5	**41**
2024	22	21	1	**22**
2025	18	38	2	**40**
JUMLAH	**62**	**95**	**8**	**103**

Bagi warga emas yang tinggal bersendirian, sebatang kara dan tidak berkemampuan untuk mengurus diri, jabatan akan menguruskan kemasukan kes ke institusi penjagaan warga emas di bawah kendalian jabatan atau pertubuhan bukan kerajaan. Kemasukan kes ke institusi sewajarnya menjadi langkah terakhir (*last resort*) dan tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B40

Apakah strategi kerajaan negeri memastikan pembangunan ekonomi FELDA terus mampan termasuk sokongan generasi kedua FELDA dalam bidang keusahawanan dan pertanian moden?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor telah mengambil pelbagai pendekatan strategik untuk memastikan pembangunan ekonomi FELDA terutamanya di Johor terus mampan. Strategi ini termasuk memberi perhatian yang khusus terhadap peranan generasi kedua FELDA dalam bidang keusahawanan dan pertanian moden.

Kerajaan Negeri melalui YAB Menteri Besar telah mengumumkan 10 inisiatif khas untuk warga FELDA, termasuklah bantuan RM 5,000.00 kepada Majlis Belia FELDA di setiap Rancangan FELDA Johor. Bantuan ini akan membuka ruang dan peluang kepada generasi muda khususnya generasi kedua FELDA untuk menganjurkan lebih banyak program keusahawanan dan melebarkan jaringan sosial mereka, seiring kearah pembangunan keusahawanan muda.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Sekretariat Muafakat FELDA Negeri Johor. Penubuhan Sekretariat ini telah menjadi platform untuk generasi muda menyuarakan keperluan termasuk pembangunan dalam bidang keusahawan dan pertanian moden kepada Kerajaan Negeri Johor & FELDA.

Selain itu, FELDA juga telah mengadakan beberapa inisiatif khas untuk membantu dan menyokong generasi muda FELDA menjadi usahawan berjaya, khususnya dalam bidang perniagaan kecil dan sederhana.

Inisiatif dari FELDA termasuklah TUBF, iaitu Tabung Usahawan Belia FELDA. Pembiayaan tanpa faedah ini ditawarkan kepada usahawan belia FELDA untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Seterusnya, FELDA juga telah mewujudkan Program Pembangunan Peneroka (PPP) untuk mempelbagaikan sumber pendapatan peneroka dan generasi baharu. Program ini juga telah menarik minat generasi baharu untuk mengusahakan bidang pertanian serta penternakan di kawasan Rancangan FELDA.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B41

Apakah langkah kerajaan negeri menangani konflik manusia–gajah di kawasan pedalaman Johor termasuk usaha mengurangkan kerugian tanaman, menjamin keselamatan penduduk dan memelihara habitat gajah?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini kerajaan telah melanjutkan tempoh **Inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda Dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT)** bagi tahun 2025**.** Kerajaan juga telah melulus dan menyalurkan bantuan ini kepada 83 orang pemohon yang terkesan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM395,908.00 pada tahun 2024 manakala untuk tahun 2025, sehingga kini sebanyak RM22,716.00 telah disalurkan kepada 11 orang pemohon.

Selain itu, sebagai usaha mengurangkan kerugian Jabatan PERHILITAN sedang menyusun dan menyelaras pelaksanaan Operasi Bersepadu Translokasi Gajah Negeri Johor di kawasan-kawasan *hotspot*.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B42

Apakah jumlah pendapatan atau hasil telah dikutip oleh PBT daripada menerusi Park@max mengikut setiap PBT?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Aplikasi Park@Max pada masa ini hanya digunapakai oleh sebahagian pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini. Melalui aplikasi tersebut, kutipan hasil telah diperoleh daripada penggunaan petak letak kereta secara digital. Bagi PBT yang belum menggunapakai aplikasi ini, dimaklumkan bahawa pelantikan pengendali pengurusan tempat letak kereta masih belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada pertimbangan serta keputusan PBT masing-masing.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B43

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan atau menambah baik inisiatif-inisiatif bagi membantu rakyat Johor menangani peningkatan kos sara hidup?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat menyedari bahawa pembangunan ekonomi sahaja tidak memadai jika rakyat terbeban dengan peningkatan kos sara hidup. Justeru, dasar dan inisiatif negeri ini sentiasa dirangka dengan satu prinsip utama iaitu **memastikan nikmat kemajuan Johor dikongsi bersama seluruh Bangsa Johor**.

Bagi memperkukuh usaha ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **Jawatankuasa Task Force Kos Sara Hidup Johor**, yang dipengerusikan secara terus oleh saya selaku Menteri Besar dengan penyertaan EXCO-EXCO utama, jabatan teknikal serta agensi berkaitan. Task force ini berfungsi sebagai **'war room' kos sara hidup**, dengan mandat untuk memantau harga barang, mengesan masalah di lapangan, serta merangka intervensi segera supaya rakyat benar-benar terbela.

Selain daripada struktur pengurusan ini, pelbagai inisiatif konkrit telah pun digerakkan dan sedang dilaksanakan merangkumi sektor perumahan, makanan, pengangkutan, kebajikan, dan pendidikan:

1. **Kawalan Harga & Jualan Berpatutan**

Lawatan penguatkuasaan berkala dilaksanakan bersama KPDN bagi memastikan harga barangan asas terkawal. Sehingga 31 Ogos 2025, **Program Jualan Kasih Johor** telah dilaksanakan di **178 lokasi**, memberi manfaat kepada **lebih 1 juta rakyat** dengan subsidi kerajaan berjumlah **RM4.01 juta**.

2. **Perumahan Mampu Milik**

Kerajaan Negeri menetapkan sasaran membina **30,000 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) menjelang 2026**, dengan harga tidak melebihi RM300,000. MAINJ turut memperuntukkan **RM1 juta untuk membantu asnaf yang menyewa**, termasuk **RM600,000 bagi sewaan PPR**.

3. **Kebajikan & Jaminan Sosial**

Melalui MAINJ dan JKM, sebanyak **RM419.6 juta** diperuntukkan untuk bantuan berterusan kepada **OKU, warga emas, golongan miskin dan rentan**.

4. **Bantuan Langsung kepada Rakyat**

Kerajaan Negeri menyalurkan **Bakul Makanan Perayaan di semua 56 DUN** dengan peruntukan **RM11 juta**. Bantuan tunai one-off pula disediakan untuk **petani, penternak, warga emas, OKU, veteran ATM, pesara polis, pemandu e-hailing serta lain-lain golongan sasar**.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

5. **Pengangkutan Percuma**

Kerajaan memperuntukkan **RM28.5 juta** untuk Bas Muafakat Johor serta memperluaskan program **MyBAS** agar rakyat terus menikmati kemudahan pengangkutan awam tanpa menanggung beban kos.

6. **Pendidikan & Biasiswa**

Melalui Yayasan Pelajaran Johor, pelbagai skim biasiswa ditawarkan termasuk **Biasiswa Orang Muda Johor (BOMJ)**, **Biasiswa Kenangan Dato' Onn**, serta bantuan pendaftaran ke IPT.

Kesemua inisiatif ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Johor tidak berdiam diri dalam isu kos sara hidup. Sebaliknya, kita bergerak secara sistematik – dengan pelan jangka pendek, sederhana dan panjang – agar rakyat benar-benar dilindungi daripada tekanan ekonomi.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B44

Apakah bentuk sokongan kepada keluarga yang mempunyai anak berkeperluan khas dari segi pendidikan, rawatan dan bantuan kewangan?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan dan mendayaupayakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Usaha ini merangkumi pelbagai bentuk sokongan kepada keluarga yang mempunyai anak berkeperluan khas, merangkumi aspek pendidikan, rawatan dan pemulihan, serta bantuan kewangan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Dari aspek pemulihan OKU, JKM telah memberikan geran bantuan kewangan kepada 73 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di negeri Johor yang menawarkan program intervensi awal, bimbingan akademik asas, latihan kendiri, serta pembangunan kemahiran sosial dan vokasional bagi membolehkan anak-anak berkeperluan khas berdikari mengikut kemampuan masing-masing. Disamping itu juga, melalui PDK ibu bapa diberikan khidmat nasihat dan sokongan dalam aspek penjagaan serta pendidikan anak-anak istimewa.

PDK merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial bagi OKU. Program ini dilaksanakan melalui pendekatan multisektoral dengan penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta pemimpin tempatan melalui perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial dengan menggunakan sumber tempatan. Ianya berbeza dengan perkhidmatan institusi kebajikan yang mengasingkan Orang Kurang Upaya daripada penjaga dan komuniti. Program ini menggalakkan penglibatan aktif oleh OKU, ibu bapa, keluarga, penjaga dan masyarakat setempat dengan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan yang sedia ada dalam komuniti.

OKU yang hadir ke PDK bukan sahaja menerima Elaun Khas OKU sebanyak RM300.00 sebulan, malah turut menerima pelbagai manfaat daripada program yang dilaksanakan seperti mempelajari kemahiran kendiri, aktiviti menjana pendapatan dan aktiviti integrasi bersama masyarakat setempat. Hingga bulan Julai 2025, seramai 2637 OKU telah mendapat manfaat daripada 73 buah PDK di seluruh negeri Johor dengan seramai 73 orang penyelia dan 428 orang petugas PDK.

Jadual 1 : Jumlah PDK di Negeri Johor Sehingga Julai 2025

BIL	DAERAH	JUMLAH
1	BATU PAHAT	9
2	JOHOR BAHRU	9
3	KLUANG	11
4	KOTA TINGGI	9
5	KULAI	2
6	MERSING	6
7	MUAR	9
8	PONTIAN	4

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

9	SEGAMAT	10
10	TANGKAK	4
JUMLAH KESELURUHAN		**73**

Dari aspek rawatan dan pemulihan, JKM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menyediakan rawatan sokongan dan intervensi seperti fisioterapi, terapi carakerja, terapi pertuturan dan sesi kaunseling yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas khususnya di PDK. Intervensi pemulihan ini diadakan berdasarkan kepada keperluan pelatih OKU di setiap PDK.

Kerajaan Negeri Johor juga begitu komited dalam meningkatkan nilai tambah program pemulihan di PDK. Dalam pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2025 pada Disember 2024 yang lalu, sebanyak RM300,000.00 telah diperuntukkan bagi Program Pemulihan dan Kemahiran Pelatih OKU di bawah Inisiatif Kedua Puluh, Teras Ketiga: Jaringan Keselamatan Sosial. Program ini telah dilaksanakan bermula Mac 2025 dengan memberi perkhidmatan terapi pemulihan berasaskan modul terapi kepada lima (5) buah PDK terpilih sebagai projek rintis dengan melibatkan seramai 33 orang penyelia dan petugas PDK yang dilatih dan didedahkan dengan kaedah pemulihan oleh agensi yang dilantik. Program ini memberi manfaat kepada 200 orang pelatih dengan sesi pemulihan sebanyak 12 kali untuk seorang pelatih bagi mencapai perkembangan kognitif, emosi, sosial dan psikomotor.

Selain itu, pemberian Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-kanak Autisme (SYPA) juga merupakan strategi memberi rawatan dan pemulihan kepada OKU. SYPA ini merupakan pemberian bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat secara sekaligus (one-off) kepada kanak-kanak autism yang dihantar ke pusat yang memberikan perkhidmatan terapi atau Program Intervensi Awal (EIP). Pemberian subsidi ini bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa/penjaga yang mempunyai anak autism untuk mendapatkan peluang pembelajaran di pusat pembelajaran autism yang bertauliah. Sebanyak 251 permohonan dari Negeri Johor telah diluluskan yang melibatkan sebanyak 40 Pusat Pembelajaran Autisme (PPA).

Dari aspek bantuan kewangan pula, pihak JKM menyediakan bantuan yang bersesuaian bagi satu tempoh tertentu bagi mereka yang memenuhi syarat utama kelayakan permohonan iaitu mestilah warganegara dan bermastautin di Malaysia dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), Purata Miskin Isi Rumah Semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita serta syarat tambahan lain yang perlu dipenuhi mengikut jenis bantuan bulanan yang diluluskan. Berikut merupakan skim bantuan berkaitan bagi golongan OKU:

BIL	SKIM BANTUAN	KADAR BULANAN (RM)
1	Bantuan Kanak-Kanak (BKK) – Termasuk kanak-kanak OKU	200.00 (minimum) – 1,000.00 (maksimum)
2	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	450

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

3	Bantuan Orang Kurang Upaya tidak berupaya bekerja (BTB)	300
4	Bantuan penjagaan Orang Kurang Upaya terlantar / pesakit kronik terlantar dan pesakit kronik tidak terlantar	500

Kesemua inisiatif ini bertujuan meringankan beban keluarga, meningkatkan kualiti hidup anak-anak berkeperluan khas, serta memastikan golongan ini tidak terpinggir daripada arus pembangunan pendidikan, kesihatan dan sosial negara."

Dimaklumkan juga, JKM turut menyalurkan bantuan secara sekali gus kepada penerima bantuan yang dikategorikan sebagai produktif iaitu di bawah skim Bantuan Kanak-kanak (BKK), Bantuan Am (BA) dan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU). Programme 2 *Year Exit Programme* (2YEP) merupakan bantuan kewangan modal permulaan perniagaan bagi membantu klien menambah pendapatan sehinggakan klien berjaya keluar sebagai penerima bantuan bulanan. Program ini merupakan program di bawah *"Productive Welfare"* yang telah dirancang di bawah agenda Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) tahun 2016. 2YEP telah diteruskan sehingga tahun 2023 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi mencapai objektif yang ditetapkan melalui dua pendekatan iaitu *Productive Welfare* dan *"exit-policy".* Pada tahun 2025, program ini diteruskan lagi dengan menambahbaik struktur program. Klien yang terpilih bukan sahaja diberi bantuan modal awal perniagaan namun bahkan mereka diberi pendedahan berkaitan perniagaan melalui kursus dan dipantau oleh agensi yang dilantik. Program ini juga turut memberi ruang kepada isi rumah penerima bantuan untuk menerima manfaat ini sekiranya penerima bantuan tiada upaya untuk berniaga.

Bantuan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh JKM ini membuktikan bahawa golongan berkeperluan juga perlu disantuni seperti insan biasa dan tidak disisihkan serta layak untuk menerima apa jua manfaat JKM sekiranya menepati syarat kelayakan bantuan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B45

Apakah perancangan kerajaan negeri Johor bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menaik taraf kemudahan Hospital Pakar Sultanah Fatimah, khususnya Jabatan kecemasan, unit rawatan rapi (ICU) dan wad pesakit?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan menaiktaraf kemudahan fasiliti kesihatan termasuk di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar agar hospital sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menyenaraikan pelan perancangan menaiktaraf HPSFM dalam Rancangan Malaysia Ke-14 dan 15 iaitu :-

1) Pembinaan Kompleks Bersepadu Klinik Pakar - akan menempatkan Klinik-klinik Pakar, Unit Rawatan Harian, Unit Patologi, Unit Radiologi, Unit Fisioterapi, Unit Terapi Carakerja, Unit Perubatan Forensik, Perkhidmatan Sokongan, Rekod Perubatan Serta Parkir Kenderaan bertingkat.

2) Pembinaan Blok Tambahan yang akan memberi fokus kepada perkhidmatan Wanita & Kanak-kanak.

Pelan ini telah dimasukkan ke dalam Pelan Induk Perancangan Pembangunan KKM. Walau bagaimanapun, keutamaan bagi menaiktaraf hospital perlu mengambil kira banyak faktor termasuk tahap keperluan semasa, kapasiti sedia ada, beban pesakit serta kemampuan kewangan kerajaan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B46

Selain daripada MPM, berapakah PBT telah melaksanakan caj sebanyak RM0.20 kepada setiap helaian beg plastik dibekalkan? Apakah kegunaan caj yang dikutipkan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Selain Majlis Perbandaran Muar (MPM), terdapat **tujuh (7) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** di Negeri Johor yang telah melaksanakan kutipan caj sebanyak RM0.20 bagi setiap helaian beg plastik yang dibekalkan.

Hasil kutipan caj tersebut dimasukkan ke dalam **kod hasil Caj Pencemaran** mengikut peraturan kewangan sedia ada, dan digunakan untuk membiayai pelbagai program berkaitan kelestarian, kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah program pengurusan sisa, kempen kesedaran awam, projek hijau, program kesejahteraan rakyat, kempen bebas plastik, program gotong-royong, serta aktiviti Townhall bersama peniaga.

Di samping itu, terdapat juga PBT yang tidak melaksanakan kutipan caj ini tetapi tetap mengambil langkah alternatif melalui **kempen premis bebas beg plastik, penggunaan plastik biodegradasi, serta syarat lesen perniagaan yang mewajibkan penggunaan beg mesra alam.**

Pelaksanaan ini secara keseluruhannya mencerminkan peranan kerajaan negeri melalui PBT dalam menyokong agenda pembangunan mampan, meningkatkan kesedaran masyarakat, serta memastikan persekitaran yang lebih bersih, kondusif dan mesra alam.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B47

Memandangkan kawasan Parit Balas di DUN Pekan Nanas sering terbiar dengan semak samun yang boleh menjejaskan aliran air parit dan mengundang risiko banjir kilat, adakah kerajaan negeri bercadang menambah peruntukan atau melaksanakan program khas pembersihan menyeluruh sebagai penyelesaian jangka panjang?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Berdasarkan maklumat lokasi yang dikemukakan oleh wakil Yang Berhormat serta hasil semakan di lapangan, didapati bahawa ke semua parit balas yang terlibat terletak di sepanjang jalan berturap *(premix)* yang berada di bawah seliaan agensi lain.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B48

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan peruntukan kecil kepada Penghulu dan JPKK bagi memperkukuhkan peranan mereka dalam mengurus hal ehwal masyarakat serta melaksanakan program pembangunan setempat dengan lebih berkesan?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat Pekan Nanas, Kerajaan Negeri sentiasa mengiktiraf peranan penting Penghulu dan JPKK dalam mengurus hal ehwal masyarakat serta melaksanakan program pembangunan di peringkat akar umbi.

Walaupun pada masa ini tiada peruntukan khusus disalurkan secara langsung kepada mereka, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mencari pendekatan terbaik untuk menyokong pelaksanaan tugasan mereka, termasuk melalui program-program pembangunan yang sedia ada dan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan. Kerajaan juga akan terus menilai keperluan semasa dan mengambil maklum cadangan-cadangan ke arah memperkasa peranan institusi kepimpinan masyarakat di peringkat tempatan.

Bagi memperkukuhkan peranan Penghulu dan JPKK dalam menguruskan hal ehwal masyarakat serta melaksanakan program pembangunan setempat dengan lebih berkesan, Kerajaan Negeri Johor melalui Belanjawan Negeri Johor 2025 telah menyalurkan Geran Pentadbiran Dan Pengurusan kepada Persatuan Ketua Kampung Negeri Dan Daerah di negeri Johor.Untuk makluman, satu (1) Persatuan Ketua Kampung Negeri telah menerima geran berjumlah RM20,000.00 manakala sepuluh (10) Persatuan Ketua Kampung Negeri telah menerima RM10,000.00 setiap satu persatuan dan menjadikan keseluruhan geran ini berjumlah RM120,000.00.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B49

Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada konsesi? Adakah ia mencukupi untuk melaksanakan kerja? Apakah penambahbaikan yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan mereka?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Safwa Global Venture (M) Sdn. Bhd. (SGV) merupakan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelaksanaan kerja penyelenggaraan dijalankan menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) bagi setiap tahun. Bagi Majlis Perbandaran Pontian (MPPn), daripada jumlah peruntukan yang diterima sebanyak 35% diperuntukkan bagi penyelenggaraan berkala pavemen dan kerja berkala bukan pavemen seperti pembaikan longkang serta pembaikan cerun, manakala 65% lagi adalah untuk kerja penyelenggaraan rutin seperti menampal lubang dan pembersihan perabot jalan daripada jumlah keseluruhan peruntukan tahunan yang diterima.

Pemilihan kerja atau penentuan lokasi kerja disenaraikan dan mendapat pengesyoran daripada pihak PBT, manakala pelaksanaan di tapak disesuaikan mengikut peruntukan tahunan yang diagihkan kepada setiap PBT serta mengikut keutamaan atau keperluan di tapak. Pengagihan peruntukan kepada setiap PBT dilaksanakan berdasarkan dua kaedah utama iaitu jumlah aduan yang diterima daripada pihak PBT, yang dinilai dan diberi keutamaan mengikut tahap kerosakan jalan, longkang atau cerun serta panjang jalan yang diselenggara di setiap PBT, contoh seperti di kawasan pentadbiran MPPn, mempunyai panjang jalan sepanjang 392 km yang menjadi penentu utama dalam pengagihan peruntukan.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang diterima adalah mencukupi untuk melaksanakan skop kerja asas penyelenggaraan jalan. Walau bagaimanapun, cabaran seperti peningkatan kos bahan, kerosakan mendadak akibat bencana, pertambahan aduan awam serta penambahan panjang jalan baharu boleh menyebabkan peruntukan sedia ada yang diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan menjadi tidak mencukupi.

Bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa langkah penambahbaikan. Antara usaha utama termasuk memperkukuh pemantauan prestasi konsesi melalui laporan berkala, audit teknikal, dan semakan tapak bersama pihak PBT, memanfaatkan teknologi digital seperti GIS, sistem aduan bersepadu, serta pemantauan secara langsung menggunakan sistem digital bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan aduan dan penyelenggaraan. Kerajaan Negeri juga menyokong pihak konsesi supaya sentiasa mengemas kini teknologi yang digunakan, sejajar dengan amalan terbaik di negara luar, bagi memastikan perkhidmatan penyelenggaraan jalan di Malaysia berada pada tahap setaraf antarabangsa, seiring dengan usaha kerajaan negeri dalam pembangunan bandar pintar (*smart city*) yang cekap, selamat dan berteknologi tinggi.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B50

Apakah bentuk insentif yang ditawarkan oleh kerajaan negeri bagi merancakkan lagi sektor pelancongan? Adakah insentif ini turut memberi fokus kepada pemain industri tempatan khususnya pengusaha kecil dan sederhana di DUN Pekan Nanas?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor telah merangka beberapa inisiatif bagi merancakkan lagi sektor pelancongan menjelang Tahun Melawat Johor 2026.

Antara usaha yang dijalankan termasuklah menyediakan sokongan promosi melalui pengiklanan billboard, penyertaan dalam pameran pelancongan dalam dan luar negara, penyediaan video promosi, kempen media sosial dan pempengaruh tempatan dan antarabangsa, penyediaan risalah pelancongan, peta interaktif (fun map), bunting serta platform digital rasmi Tourism Johor bagi membantu pengusaha memasarkan produk pelancongan.

Usaha ini turut diperkukuh dengan kerjasama strategik bersama agensi pelancongan dan platform digital bagi memastikan produk komuniti diketengahkan dalam pakej rasmi pelancongan Johor.

Khusus di DUN Pekan Nenas, tumpuan turut diberikan kepada pengusaha kecil tempatan termasuk dalam sektor agro-pelancongan dan perusahaan makanan serta produk kraf, di mana tarikan seperti Jerman Pine Cafe akan terus dipromosikan sebagai sebahagian daripada daya tarikan utama, sekaligus memastikan pemain industri tempatan turut menerima limpahan ekonomi daripada Tahun Melawat Johor 2026.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B51

Apakah tahap kesediaan Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai PBT dalam kawasan JS-SEZ, khususnya dari aspek bandar pintar, infrastruktur asas, sistem digitalisasi serta penguatkuasaan bagi menyokong pembangunan pesat?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak MPPn telah membuat persediaan awal dalam beberapa aspek penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan. Antara persediaan tersebut termasuklah penyediaan dokumen dan proses berkaitan permohonan *Johor Superlane*, yang menjadi salah satu elemen strategik dalam menyokong keperluan logistik dan pergerakan di kawasan terbabit.

Di samping itu, belanjawan khusus turut dirancang bagi membiayai perkhidmatan penyeliaan dan penyelenggaraan infrastruktur asas, bagi menjamin kemudahan sedia ada sentiasa berada pada tahap optimum serta mampu menampung keperluan pengguna.

Seterusnya, prosedur operasi standard (SOP) penguatkuasaan juga telah dikenal pasti sebagai aspek kritikal dalam memastikan pematuhan kepada dasar serta polisi yang ditetapkan. SOP ini akan menjadi panduan kepada semua pihak terlibat agar pelaksanaan dapat dilakukan secara bersepadu dan teratur. Selain itu, persediaan turut merangkumi aspek lesen tetap yang akan dikeluarkan, bagi memberikan kepastian undang-undang serta memperkukuhkan kerangka pentadbiran di bawah inisiatif JS-SEZ. Kesemua langkah ini mencerminkan kesediaan MPPn untuk melaksanakan tanggungjawab dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B52

Mohon penjelasan terkini mengenai lokasi dan status kampung baru Cina yang terletak di Jalan Daud dan Parit Bakar.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah terkini Kampung Baru Cina di Negeri Johor yang diperakukan oleh Kerajaan Negeri bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sebanyak 123 kampung, termasuk Kampung Baru Jalan Daud dan Kampung Baru Parit Bakar.

Penambahan sebanyak 16 buah kampung baharu termasuk kedua-dua kampung ini – telah diluluskan dan diperakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 23 September 2015. Jumlah 123 kampung ini kekal diiktiraf sehingga kini, dan menjadi asas kepada penyaluran peruntukan rasmi seperti Elaun Bulanan Ketua Masyarakat Cina (KMC) dan Setiausaha, Elaun Pengendalian Mesyuarat serta Elaun Kehadiran Mesyuarat.

Bagi Kampung Baru Jalan Daud, ia diwujudkan pada tahun 2015 hasil permohonan masyarakat Cina setempat susulan pertambahan penduduk di kawasan berhampiran bandar Muar. Kampung ini terletak di bawah DUN Maharani dengan keluasan kira-kira 23.8 hektar (58.81 ekar).

- Ia meliputi kawasan sekitar Jalan Daud, Jalan Dato' Haji Hassan, Lorong Serkam 1, Lorong Ahmad, Jalan Mohd Said Tahir, Lorong Delima, Lorong Rahmad dan Lorong Lambak.
- Keseluruhan tanah mempunyai hak milik, dengan 172 plot kediaman kekal serta 1 plot Pajakan Negeri berstatus bangunan.
- Kawasan ini didiami masyarakat berbilang kaum, Melayu dan Cina, dengan zon guna tanah ditetapkan sebagai perumahan dan komersial sedia ada di bawah Rancangan Tempatan Maharani.
- Dari segi pentadbiran, kampung ini diwakili oleh seorang Ketua Masyarakat Cina (KMC), Encik Chua Lee Huat, yang berperanan menghubungkan masyarakat dengan pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Manakala Kampung Baru Parit Bakar pula terletak di kawasan Jalan Lamtapuri, Parit Bakar Tengah, di antara Kampung Parit Bakar 2 dan Kampung Parit Bakar 3, dengan keluasan kira-kira 1.53 hektar (3.79 ekar).

- Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian), kawasan ini ditetapkan sebagai zon perumahan sedia ada.
- Status tanah adalah hak milik persendirian kategori pertanian, melibatkan beberapa lot yang dimiliki secara syer bersama. Di atas lot ini telah didirikan rumah kediaman serta sebuah tokong Cina sebagai kemudahan masyarakat setempat.
- Pentadbiran kampung ini bagi penggal 2025–2027 diwakili oleh Ketua Masyarakat Cina (KMC), Encik Soh Hoon Thong, yang berperanan menyelaras hubungan masyarakat dengan pentadbiran negeri dan persekutuan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

- Sama seperti Kampung Baru Jalan Daud, penempatan ini juga mempunyai taburan penduduk Melayu dan Cina.

Secara keseluruhannya, kedua-dua kampung ini telah diiktiraf secara rasmi dan termasuk dalam senarai 123 Kampung Baru Cina di Johor. Kerajaan Negeri memastikan pentadbiran kampung ini berjalan secara teratur, dengan peranan Ketua Masyarakat Cina menjadi penghubung penting antara penduduk setempat dan Kerajaan, agar segala bentuk sokongan dan kebajikan dapat disalurkan secara adil serta inklusif kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B53

Rumah Murah Kerajaan di Parit Unas (Jalan Seri Unas 2/1) yang terbengkalai, sudah dibaik-pulih namun masih belum diduduki. Bagaimana nasib pembeli rumah murah tersebut dan apakah tindakan supaya pemilik dapat menduduki rumah tersebut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Maharani, pihak PKPJ telah membuat semakan bersama pihak pemaju Tetuan Koh Lim Hwa, maklumat daripada pihak pemaju projek perumahan ini telah mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada 2 Mei 2025. Pihak pemaju menyatakan seramai 35 orang telah ditawarkan rumah mampu milik dan hanya 6 orang sahaja yang telah mengambil kunci. Di antara isu pembeli masih belum menduduki rumah adalah masih berhutang dengan pihak pemaju. Pentadbiran ini akan membantu pihak pembeli yang bermasalah mendapatkan pembiayaan dengan mengesyorkan panel bank dan juga pihak Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP).

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B54

Berapa jumlah MyKiosk di daerah Muar, adakah semua MyKiosk ini telah digunakan dan apakah tindakan PBT terhadap MyKiosk yang belum disewakan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Perbandaran Muar (MPM) mempunyai sebanyak 118 unit kiosk keseluruhannya. Daripada jumlah tersebut, 10 unit di Pantai Leka, Parit Jawa dan 10 unit di Lotus, Jalan Bakri masih dalam tindakan penstrukturan semula kedudukan melibatkan kerja-kerja naik taraf tapak.

Sehubungan itu, sewaan akan dibatalkan atau ditarik semula sekiranya penyewa gagal menjalankan perniagaan selama tiga (3) bulan berturut-turut. Unit yang terbatal akan diiklankan semula dan ditawarkan kepada penyewa baharu yang berminat, tertakluk kepada kelulusan berdasarkan pematuhan Syarat-Syarat Am MPM.

Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan kemudahan kiosk dapat dimanfaatkan secara optimum, seterusnya menyokong pembangunan ekonomi tempatan, memberi peluang yang adil kepada peniaga baharu serta memperkukuh ekosistem perniagaan komuniti di kawasan pentadbiran MPM.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B55

Mohon tindakan PBT terhadap rumah kedai lama di Jalan Abdullah, Jalan Maharani dan Jalan Mariam yang makin tidak beroperasi, adakah bangunan tersebut akan diarahkan untuk dibaik pulih atau bakal diturunkan kadar cukainya?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Perbandaran Muar (MPM) mengambil maklum berhubung kewujudan kedai-kedai lama yang terbiar di sekitar Jalan Abdullah, Jalan Maharani dan Jalan Mariam. Sehubungan itu, beberapa tindakan telah dilaksanakan, antaranya:

1. **Penguatkuasaan Undang-Undang**

Mengeluarkan Notis Menghendaki Membaiki dan Membersihkan Bangunan di bawah Seksyen 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) ke atas bangunan yang boleh membahayakan keselamatan orang awam.

2. **Program Mengecat Bangunan**

Melaksanakan program mengecat bangunan dari semasa ke semasa, dengan pelaksanaan terakhir pada tahun 2022. Program ini adalah selaras dengan Seksyen 74 dan 75, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) serta Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030.

Selain itu, MPM turut melaksanakan inisiatif 'meremajakan' kawasan ini melalui projek komuniti dan pengindahan seperti Uptown Maharani, Program Pengindahan Lorong Belakang, serta pembangunan Lorong Autisme, yang sekaligus menjadikan Muar sebagai Bandar Mesra Autisme.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B56

Apakah status permohonan pemberi milikan tanah kerajaan untuk tapak tabika KEMAS di atas lot 27582, Mukim Sungai Segamat yang telah dipohon pada tahun 11 Oktober 2020 dan apakah status terkini tapak tabika KEMAS Bandar Putra?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, KEMAS sentiasa komited dalam memenuhi kehendak dan permintaan yang tinggi ibu bapa bagi menempatkan anak mereka ke TABIKA KEMAS. Bersama-sama ini dikemukakan kronologi permohonan tanah kerajaan bagi cadangan Tabika KEMAS Bandar Putra (Bandar IOI), Segamat, Johor adalah seperti berikut:-

Bil	Tarikh	Tajuk	Kenyataan
1	2.5.2024	Kemuka Permohonan Status Pemberimilikan Tanah Kerajaan terkini ke PTG Johor	Status Terkini Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Bagi Tapak TABIKA KEMAS Di Atas Lot 27582, Mukim Sungai Segamat, Segamat Ke Pejabat Tanah Galian Negeri Johor
2	27.5.2024	KEMAS Johor Kemuka Surat Projek Bina Baru ke Exco Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor	Projek Bina Baru Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Johor yang tidak dapat diteruskan disebabkan pemberimilikan tanah dalam tindakan Pejabat Tanah Galian Johor
3	16.7.2025	Kemuka Permohonan Status terkini melalui PTD Segamat	Status Terkini Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Bagi Tapak TABIKA KEMAS Di Atas Lot 27582, Mukim Sungai Segamat, Segamat Ke Pejabat Tanah Daerah Segamat
4	4.8.2025	Pihak PTG Johor telah menghubungi pihak KEMAS Johor	Terima panggilan dari PTG Johor mohon maklumat berkaitan Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Untuk Tapak Tabika KEMAS Di Atas LOT 27582, Mukim Sungai Segamat, Daerah Segamat Dalam Tindakan Untuk Di Bawa Ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK)
5	4.9.2025	Pihak JKPTG Johor terima maklumat daripada pihak PTG Johor	Pihak KEMAS Johor terima makluman daripada JKPTG Johor bahawa pihak PTG Johor akan membawa Perakuan Permohonan Ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK) dalam masa terdekat ini.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B57

Apakah status permohonan bina baru semula Jambatan Temangau di FELDA Kemelah yang telah musnah akibat banjir 2023 yang lalu?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengaliran & Saliran (JPS) telah membuat permohonan Kerja-Kerja Membina Jambatan Temangau, Sungai Juasseh Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Mukim Sungai Segamat, Segamat, Johor di bawah Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) dengan kos syiling sebanyak RM3 Juta dan syor unjuran bajet bagi 2026 adalah sebanyak RM100 Ribu.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN B58

Apakah status permohonan pembinaan balai raya untuk Kampung Sri Menanti Sengkang dan Taman Warisan Sagil dalam DUN Gambir?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Adalah dimaklumkan, Pentadbiran ini telah membuat permohonan peruntukan kepada Pejabat Menteri Besar Johor pada tahun 2023 dan pihak kami juga telah mengadakan siasatan tapak, mendapati tanah lot no 1830 telah dirizabkan.

Hasil dari semakan Pejabat Tanah mendapati, asal Lot 1830 telah dibuat serahan sebahagian tanah bagi tujuan tapak Bangunan Tabika Kemas seluas 890.448 Meter Persegi yang kini telah menjadi PTD 12433 Mukim Grisek dan telah diluluskan sebagai Rizab dibawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebagai Tapak Tabika Kemas dan diletakan dibawah jagaan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan di selenggara oleh Pegawai Daerah Muar dan pengganti-pengganti dalam jawatan.

Pengarah Jabatan Kemajuan Masayarakat (KEMAS) Negeri Johor juga tiada halangan terhadap pembinaan Balai raya tersebut. Walau bagaimanapun, pihak pentadbiran ini masih belum terima surat kelulusan peruntukan bagi melaksanakan pembinaan, dan isu tersebut juga tidak pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan DUN di daerah Tangkak.

Ulasan Majlis Daerah Tangkak

Permohonan Serentak Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 (Akta 172) Dan Serah Balik Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 197 & 76 KTN (Akta 828) Untuk Tujuan Pembangunan Residensi Bangsa Johor Tangkak, Di Atas PTD 25509, Mukim Tangkak, Daerah Tangkak, Johor Darul Ta'zim Bagi Tetuan KPRJ Jauhar Sdn. Bhd telah diperakukan pada 8.5.2025 no. Pelam 1/2025;

Permohonan pelan bangunan bagi cadangan pemajuan ini telah diluluskan di dalam Mesy. JK OSC Bil. 10/2025 pada 13 Mei 2025 No. Pelan 71/2025 bertarikh 22 Julai 2025; dan Kerja-kerja pembersihan tapak telah dilaksanakan di atas tapak oleh pihak pemaju dan masih belum mengemukakan Notis Mula Kerja (Borang B).

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN B59

Penguasaan pelajar Melayu dalam bahasa/penulisan Jawi sangat membimbangkan sekarang ini, ada di setengah tempat hampir 50 peratus murid dalam 1 kelas darjah 1,2,3 dan 4 tidak boleh membaca dan menulis Jawi, apakah usaha kerajaan negeri dalam masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor menyediakan Kurikulum Standard Sekolah Agama (KSSA) yang dilaksanakan di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dengan mensasarkan semua murid mempelajari mata pelajaran Jawi bermula dari peringkat Tadika Agama Johor, darjah 1 hingga darjah khas.

Bagi menangani isu kelemahan murid dalam penguasaan Jawi di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) pihak jabatan telah mengadakan program khas iaitu Program Intensif Al-Quran dan Jawi (PIQJ) yang diperkenalkan sejak tahun 2023 sehingga kini.

PIQJ merupakan program intensif bagi matapelajaran Al-quran dan Jawi khusus kepada murid-murid darjah 1 bermula pada minggu pertama persekolahan hingga minggu ke 12 (tempoh 3 bulan) pada setiap tahun yang memberikan penekanan dan penguasaan Jawi selama 3 jam seminggu.

Pengukuhan Jawi juga diteruskan dengan guru-guru melaksanakan pembelajaran secara merentas kurikulum dengan menekankan asas 3M iaitu membaca, menulis dan menaakul perkataan jawi yang terdapat di semua mata pelajaran. Selain PIQJ, terdapat juga kelas-kelas pemulihan jawi yang disediakan oleh pihak sekolah.

Modul Jawi untuk program tersebut telah dibina oleh pasukan Munsyi Jawi, Jurulatih utama dan guru pakar diperingkat negeri. Pihak jabatan dalam usaha mewujudkan modul tambahan bagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Selain modul, guru-guru dibekalkan dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan mereka diberikan latihan pengajaran Jawi.

Pendidikan jawi tidak hanya tertumpu di Sekolah Agama Kerajaan Johor sahaja, malah murid-murid juga mendapat pendidikan Jawi di sekolah kebangsaan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan kelas-kelas tambahan yang lain.

Berikut adalah data peratus lulus peperiksaan akhir tahun murid Sekolah Agama kerajaan Johor (SAKJ) bagi matapelajaran jawi dalam tempoh 3 tahun terakhir ini adalah ditunjukkan seperti mana berikut:

BIL	TAHUN	PERATUS LULUS
1	2022	88.49%
2	2023	90.65%
3	2024	90.51%

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN B60

Sepanjang jalan Highway PLUS di antara Senawang hingga ke Bukit Gambir kenapa tidak dipasang lampu jalan terutama di kawasan gelap dan merbahaya?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Lebuhraya PLUS merupakan lebuh raya antara bandar yang menghubungkan Utara ke Selatan Semenanjung Malaysia dan diuruskan oleh Syarikat Konsesi PLUS Malaysia Berhad (PLUS). Pihak Kerajaan telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Syarikat Konsesi dan mengikut keperluan reka bentuk di dalam Perjanjian Konsesi di mana Syarikat Konsesi perlu menyediakan sistem perlampuan jalan di lokasi seperti berikut :

1. Lebuh raya antara bandar (*inter-urban*):
   - Tol Plaza, Persimpangan Bertingkat, Kawasan Rehat dan Rawat dan Hentian Sebelah.

2. Lebuh raya dalam bandar (*urban*):
   - Tol Plaza, Persimpangan Bertingkat, Kawasan Rehat dan Rawat, Hentian Sebelah dan sepanjang lebuh raya.

Pihak Syarikat Konsesi telah melaksanakan obligasi dan tanggungjawab dalam memasang sistem perlampuan jalan sepertimana termaktub di dalam Perjanjian Konsesi. Sebarang kerja tambahan yang diarahkan oleh Kerajaan kepada Syarikat Konsesi merupakan kerja-kerja tambahan yang mana pihak Syarikat Konsesi mempunyai hak untuk menuntut kos tambahan tersebut daripada Kerajaan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B61

Bagi memastikan agenda perubahan iklim terus diangkat secara serius dalam isu perubahan iklim, adakah kerajaan negeri bersedia untuk melaksanakan dasar Penandaan Belanjawan Iklim (*"climate budget tagging"*) dalam merangka peruntukan belanjawan negeri dan dasar alam sekitar negeri akan datang?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Pihak Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar akan menghubungi YB bagi memberikan jawapan secara bertulis.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B62

Minta kerajaan negeri jelaskan tentang langkah kawalan untuk memastikan pihak pemaju lebih bertanggungjawab menyiapkan dan menyelenggara projek infrastruktur dan fasiliti awam yang diamanahkan kepada mereka agar kesejahteraan rakyat Johor terus dilindungi.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Di luar bidang kuasa PKPJ. Hendaklah dirujuk kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kerajaan Tempatan) untuk penjelasan lanjut.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B63

Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat menjelang Tahun Melawat Johor 2026, mohon kerajaan negeri boleh kongsikan peruntukan untuk penambahbaikan infrastruktur pelancongan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti taman rekreasi, jalan raya, pembersihan sungai dan lain-lain yang berkaitan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam merealisasikan setiap hasrat pembangunan negeri, khususnya menjelang penganjuran Tahun Melawat Johor 2026 yang bakal tiba.

Sehubungan itu, menerusi Ucapan Belanjawan 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM47.7 juta bagi melaksanakan 17 inisiatif yang merangkumi penambahbaikan infrastruktur pelancongan serta penyelenggaraan kemudahan awam di seluruh daerah, sebagai persediaan menyambut Tahun Melawat Johor 2026.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B64

Mohon kerajaan negeri memberikan penjelasan mengenai perkembangan status penambahbaikan sistem perparitan di beberapa kawasan dalam DUN Puteri Wangsa seperti di Kampung Paya Kenangan, Kampung Pasir Tebrau, Kampung Kangkar Tebrau dan Kampung Maju Jaya.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor telah merangka dan memohon projek bagi melaksanakan projek mengurangkan risiko banjir di Kampung Paya Kenangan, Kampung Pasir Tebrau, Kampung Kangkar Tebrau dan Kampung Maju Jaya.

Permohonan bagi melaksanakan projek tebatan banjir di Kampung Paya Kenangan, Kampung Pasir Tebrau dan Kampung Maju Jaya telah dibawakan ke dalam Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) tahun 2026.

Kampung Paya Kenangan dan Kampung Pasir Tebrau
Permohonan projek telah dipohon di dalam RJ5T bagi tahun 2026 dengan kos berjumlah RM500,000.00.
Projek ini akan memberikan impak secara langsung kepada 150 orang mangsa banjir.

Kampung Maju Jaya
Permohonan projek telah dimohon di dalam RJ5T dengan kos sebanyak RM1,500,000.00 Manakala keperluan bagi tahun 2026 adalah berjumlah RM500,000.00

Projek ini akan memberikan impak secara langsung kepada 1,100 orang mangsa banjir.

Kampung Kangkar Tebrau
Perlaksanaan projek tebatan banjir di Kampung Kangkar Tebrau akan menggunakan peruntukan Persekutuan.

Pada masa kini projek yang dirangka adalah PROJEK SALIRAN MESRA ALAM TEBRAU DAN PLENTONG, JOHOR BAHRU, JOHOR (PAKEJ 2 – NAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI KAMPUNG KANGKAR TEBRAU DAN NAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI KAMPUNG BUNGA ROS).

Harga indikatif bagi projek ini telah ditetapkan pada RM18,000,000.00. Tawaran iklan bagi perolehan kerja ini telah ditutup pada 13 Mei 2025. Pada masa kini status semasa pelaksanaan projek ini adalah di peringkat penilaian tender.

Projek ini akan memberikan impak secara langsung kepada 1,500 orang mangsa banjir.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B65

Keadaan jalan di FELDA Ulu Tebrau masih lagi tidak memuaskan dan berbahaya bagi penduduk, walaupun peruntukan sebanyak RM9 juta telah digunakan untuk membaiki jalan. Mohon kerajaan negeri menjelaskan apakah langkah kerajaan untuk mengatasi isu ini?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Berdasarkan maklumat daripada FELDA, Kali terakhir FELDA Ulu Tebrau menerima peruntukan pembaikan jalan adalah pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, jalan tersebut adalah jalan penghubung Kulai/Senai – Ulu Tiram dan sering dilalui oleh kenderaan muatan berat menyebabkan jalan tersebut sering berlaku kerosakan.

Dana RMKe12 bagi pembaikan jalan kampung dan sistem perparitan telah disalurkan pada tahun ini dan Surat Setuju Terima (SST) bermula pada 1 September 2025. Walau bagaimanapun, skop kerja yang terlibat hanyalah pembaikan sistem perparitan sahaja kerana keadaan longkang di rancangan adalah lebih kritikal daripada jalan kampung. Bajet yang diperuntukkan tidak dapat menampung kos keseluruhan bagi pembaikan jalan dan longkang.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B66

Apakah terdapat perancangan pihak kerajaan negeri atau kerajaan pusat untuk membina baru Klinik Kesihatan atau baik pulih Klinik Kesihatan dan Klinik Desa dalam DUN Tiram bagi tahun 2025 ini? Jika sudah ada pelaksanaannya, mohon dinyatakan butiran berkaitan.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Di dalam kawasan DUN Tiram terdapat 5 fasiliti kesihatan primer yang menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada masyarakat seperti berikut:

i. Klinik Kesihatan Ulu Tiram
ii. Klinik Kesihatan Cahaya Baru
iii. Klinik Desa Sungai Tiram
iv. Klinik Desa Kampung Pasir Putih
v. Klinik Desa Tanjung Langsat

Bagi memastikan penyampaian penjagaan perkhidmatan kesihatan di tahap optimum, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menaiktaraf infrastruktur klinik bagi keselesaan pelanggan. Bangunan Klinik Kesihatan Cahaya Baru telah dinaiktaraf pada tahun 2024 melalui peruntukan RP4 RMKe-12 naiktaraf bangunan, sistem kejuruteraan dan infra fasiliti KKM. Manakala Klinik Desa Kampung Pasir Putih pula sedang dinaiktaraf melalui peruntukan khas klinik daif tahun 2025.

Pada ketika ini, pembinaan Klinik Kesihatan Taman Cendana pada peringkat akhir dan dijangka beroperasi pada hujung tahun ini. Walaupun kedudukan Klinik Kesihatan Taman Cendana ini terletak dalam kawasan DUN Permas tetapi liputan kawasan operasi klinik ini sebahagian besarnya melibatkan kawasan dalam DUN Tiram.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B67

Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan permohonan baik pulih dan bina baru di DUN Tiram bagi tahun 2025 di bawah MAIJ? Apakah kerajaan mempunyai perancangan lebih baik seperti menambah jumlah peserta bagi program ini pada masa akan datang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Untuk makluman YB, permohonan bantuan baik pulih rumah yang diterima oleh pihak MAINJ bagi kawasan DUN Tiram adalah sebanyak 2 permohonan. 1 permohonan telah diluluskan dan dalam tindakan Pejabat Daerah untuk proses selanjutnya. Manakala 1 lagi permohonan telah dicadangkan oleh pejabat Daerah Johor Bahru ditukarkan kepada bantuan Bina Baru Rumah kerana kos baik pulih lebih besar dan tidak besesuaian. Permohonan tersebut masih dalam tindakan dokumentasi oleh pemohon kerana terdapat penama lain didalam geran yang perlu membuat akuan sumpah kebenaran membina rumah.

Bagi bantuan bina baru rumah permohonan yang diterima oleh pihak MAINJ bagi kawasan DUN Tiram adalah sebanyak 2 permohonan dan terdapat 1 permohonan tambahan disebabkan pertukarkan permohonan dari bantuan baik pulih kepada bina baru rumah dan jumlah keseluruhan yang diterima adalah sebanyak 3 permohonan. Semakan semula dibuat ketiga-tiga permohonan tersebut masih dalam tindakan dokumentasi oleh pemohon kerana terdapat penama lain didalam geran yang perlu membuat akuan sumpah kebenaran membina rumah.

Pada tahun 2026, pihak MAINJ telah memperuntukan sebanyak RM5.6 juta bagi bantuan bina baru rumah yang memberi manfaat kepada 56 buah DUN di Negeri Johor. Manakala bagi bantuan baik pulih rumah pihak MAINJ memperuntukan sebanyak RM4 juta yang memberi manfaat sebanyak 3 permohonan baik pulih rumah setiap DUN di Negeri Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B68

Berapakah peruntukan yang telah disalurkan ke sekolah-sekolah di dalam DUN Tiram pada tahun 2025 berserta butiran lengkap jumlah yang diterima mengikut sekolah?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Kerajaan telah memperuntukkan **RM37,479,000.00 keseluruhan Negeri Johor** menerusi Peruntukan Institusi Pendidikan (PIP) tahun 2025. Peruntukan ini melibatkan kesemua Sekolah Kerajaan (SK). **Bagi DUN Tiram, sebanyak RM770,000.00** telah disalurkan bagi tujuan yang terseebut menerusi JPN Johor dan PPD Pasir Gudang. Kesemua peruntukan ini tidak termasuk peruntukan bagi Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK), Bencana dan kecemasan yang turut disalurkan kepada sekolah- sekolah di bawah DUN Tiram.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data JPN Johor sehingga 31 Ogos 2025, **sekolah- sekolah dalam DUN Tiram** yang telah mendapat peruntukan baik pulih atau naik taraf adalah:

BIL.	NAMA SEKOLAH	PERUNTUKAN LULUS (RM)
1.	SK Nam Heng	50,000.00
2.	SK Kopok	30,000.00
3.	SK Cahaya Baru	-
4.	SK Pasir Putih	30,000.00
5.	SK Kongkong Laut	30,000.00
6.	SK Tanjong Langsat	30,000.00
7.	SK Sungai Tiram	30,000.00
8.	SK Ulu Tiram	30,000.00
9.	SK Desa Cemerlang	30,000.00
10.	SK Taman Desa Jaya	-
11.	SK Perigi Acheh	30,000.00
12.	SK Taman Pasir Puteh	30,000.00
13.	SK Kota Masai	30,000.00
14.	SK Taman Bukit Tiram	30,000.00
15.	SK Tg. Putrri Resort	30,000.00
16.	SK Kota Masai 2	30,000.00
17.	SK Taman Cahaya Masai	30,000.00
18.	SK KOta Masai 3	30,000.00
19.	SJKC Tiram	30,000.00
20.	SJKT Desa Cemerlang	30,000.00
21.	SMK Taman Desa Jaya	-
22.	SMK Desa Cemerlang	30,000.00
23.	SMK Pasir Putih	-
24.	SMK Kota Masai	30,000.00
25.	SMK Tg Puteri Resort	30,000.00
26.	SMK Kota Masai 2	30,000.00
27.	SMK Sungai Tiram	30,000.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

28.	SMK Ulu Tiram	30,000.00
	Jumlah	**770,000.00**

3. Bagi Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah DUN Tiram sebanyak **RM170,000.00** telah disalurkan melibat 3 buah sekolah kategori SBK iaitu:

BIL.	NAMA SEKOLAH	JUMLAH (RM)
1.	SJKT Ladang Nam Heng	50,000.00
2.	SJKT Ladang Ulu Tiram	80,000.00
3.	SJKT Ladang Mados	40,000.00

4. Selain itu juga terdapat beberapa sekolah rendah di DUN Tiram yang telah menerima peruntukan bagi projek penggantian taman permainan prasekolah dan menaik taraf kelas bagi peluasan kelas prasekolah.

5. Berikut disenaraikan sekolah-sekolah di dalam DUN Tiram yang menerima peruntukan seperti dinyatakan:

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA
1	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN KOPOK	**RM7,775.15**
2	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN CAHAYA BARU	**RM6,638.90**
3	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN PASIR PUTEH	**RM167,233.25**
4	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN KONGKONG LAUT	**RM31,398.25**
5	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN TANJONG LANGSAT	**RM892.00**
6	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI TIRAM	**RM9,784.15**
7	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN ULU TIRAM	**RM206,958.25**
8	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN DESA CEMERLANG	**RM3,783.25**
9	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN DESA JAYA	**RM4,866.50**
10	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN PERIGI ACHEH	**RM847.00**
11	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN PASIR PUTIH	**RM6,922.00**
12	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA MASAI	**RM15,398.25**
13	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN BUKIT TIRAM	**RM9,512.75**
15	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN TG	**RM7,145.15**

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

		PUTERI RESORT	
16	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA MASAI 2	**RM12,698.25**
17	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN CAHAYA MASAI	**RM9,777.25**
18	PASIR GUDANG	SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA MASAI 3	**RM9,946.75**
19	KOTA TINGGI	SEKOLAH KEBANGSAAN NAM HENG	**RM756.25**
20	PASIR GUDANG	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) BAN FOO	**RM1,957.50**
21	PASIR GUDANG	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) TIRAM	**RM11,666.25**
22	PASIR GUDANG	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PEI CHIH	**RM9,461.25**
23	PASIR GUDANG	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) DESA CEMERLANG	**RM29.00**
24	PASIR GUDANG	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG ULU TIRAM	**RM29.00**
25	PASIR GUDANG	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG MADOS	**RM11.25**
26	KOTA TINGGI	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG. NAM HENG	**RM260.25**
27	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DESA CEMERLANG	**RM2,137.50**
28	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOTA MASAI	**RM5,707.90**
29	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOTA MASAI 2	**RM6,097.50**
30	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PASIR PUTIH	**RM4,354.21**
31	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SG TIRAM	**RM2,542.50**
32	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN DESA JAYA	**RM2,070.00**
33	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TG PUTERI RESORT	**RM2,846.71**
34	PASIR GUDANG	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ULU TIRAM	**RM4,444.21**
JUMLAH PERUNTUKAN			**RM565,948.38**

6. Kerajaan Johor juga komited bagi mengenal pasti keperluan pembaikan infrastruktur institusi pendidikan yang terjejas akibat kejadian **bencana** seperti ribut, banjir dan sebagainya. Untuk itu, sebanyak RM439,438.20 telah disalurkan kepada 2 buah sekolah dalam DUN Tiram melibatkan Sekolah Kebangsaan Cahaya Baru sebanyak RM40,000.00 bagi pembaikan pam penggalak memandang sekolah ini merupakan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) semasa kejadian banjir dan SK Sungai Tiram sebanyak RM399,498.20 bagi pembaikan bumbung dan pendawaian elektrik yang terjejas akibat kebakaran.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

7. Berdasarkan bantuan-bantuan yang telah diberikan juga adalah seperti yang berikut :

   a. Bantuan Awal Persekolahan = RM 6,0184,50.00
   b. Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin = RM 399,150.00
   c. Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) = RM 3,646,118.70
   d. Biasiswa Kecil Persekutuan = RM 226,710.00

8. Kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM400,000.00 di bawah kategori **kecemasan** bagi pembaikan sistem pendawaian elektrik di Sekolah Tanjung Langsat, DUN Tiram.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B69

Nyatakan perancangan kerajaan negeri dalam memastikan pembinaan HSA2 tidak akan mengakibatkan kesesakan trafik di sekitar Taman Mutiara Rini, Desa Skudai, Jalan Skudai-Pontian dan Jalan J4 memandangkan sistem trafik sedia ada sudah mencapai nilai maksimum?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri mengambil maklum dan telah mengemukakan permohonan di bawah program pembangunan baharu rancangan Malaysia ke -13 RP5, RMKe-13 bertajuk, Menaiktaraf Susur Persimpangan Bertingkat *Flyover* Di Jalan Johor Bahru – Seremban FT0001 Seksyen 15.7 Ke Persimpangan Jalan Gelang Patah – Pendas Di Dalam Johor Bahru, Johor bagi mengatasi kepadatan aliran trafik tinggi yang dijangka sekiranya pembinaan HSA2 dilaksanakan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B70

Beberapa kawasan di Skudai seringkali mengalami masalah gangguan bekalan air. Mohon berikan data dan maklumat anggaran penggunaan air bagi tempoh 20 tahun akan datang di seluruh kawasan *Greater JB* termasuk kewujudan data center dan persediaan kerajaan negeri.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Ranhill SAJ mengurus serta mengoperasikan sebanyak 47 loji rawatan air (LRA) dengan kapasiti rekabentuk keseluruhan berjumlah 2,352 juta liter sehari (JLH). Operasi ini disokong oleh rangkaian infrastruktur meluas, termasuk 737 kolam takungan dan kira-kira 24,300 kilometer paip agihan di seluruh negeri.

Kapasiti sedia ada kini adalah mencukupi untuk menampung permintaan semasa daripada semua sektor, termasuk kediaman, perindustrian, komersial, dan institusi. Margin simpanan bekalan air negeri ketika ini berada pada paras 14.5%. Bagi memastikan tahap simpanan kekal sekurang-kurangnya 15% seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), pembinaan loji rawatan air baharu serta pembangunan sistem Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) adalah amat diperlukan.

The Greater Johor Bahru yang terdiri daripada daerah Johor Bahru (JB) dan Kulai, mempunyai kapasiti rekabentuk bekalan air sebanyak 1274.1 JLH manakala pengeluaran purata tahun 2025 sehingga bulan Julai adalah sebanyak 1129.1 JLH menjadikan margin simpanan JB dan Kulai adalah sebanyak 11.4%.

Analisa Ranhill SAJ menjangkakan daerah JB dan Kulai akan mengalami lonjakan permintaan air yang ketara hasil pertumbuhan industri, perumahan, dan komersial termasuk permintaan dari industri pusat data bagi tahun 2030 dan 2040 masing masing sehingga 1,600 JLH dan 1,800 JLH.

Justeru, beberapa projek yang sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan permintaan bekalan air bersih dapat dipenuhi adalah seperti:

PROJEK	KAPASITI (JLH)	KOS (RM JUTA)	JANGKAAN MULA	JANGKAAN SIAP	STATUS
LRA Pakej Semangar	50	74.95	Jan 2025	Jan 2026	Dalam Pembinaan
LRA Sg. Layang 2 Fasa 2	160	114	Feb 2025	Ogos 2027	Dalam Pembinaan
LRA Semangar 3	200	750	Apr 2027	Mac 2030	Rekabentuk terperinci (Detailed Engineering Design)
LRA Kayu Ara Pasong Fasa 1	90	504	Mac 2028	Dis 2030	Rekabentuk terperinci (Detailed Engineering Design)
LRA Sungai Sedili Besar	600	2,400	Mac 2028	Dis 2031	Penyediaan Kertas Kerja Teknikal

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Bagi menjamin keupayaan negeri menangani cabaran ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bekalan Air dan Tebatan Banjir Negeri Johor pada 31 Julai 2025.

Jawatankuasa ini memantau pelaksanaan projek-projek sumber air mentah dan LRA supaya berjalan mengikut jadual serta memastikan bekalan air yang stabil, mencukupi dan berkualiti kepada rakyat. Antara projek utama ialah pembinaan tiga buah TAPS di Sungai Johor, Sungai Pontian dan Sungai Sedili, dengan nilai keseluruhan melebihi RM1.6 bilion dan dijangka siap menjelang 2030.

Kerajaan negeri juga menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Pusat Data Negeri Johor yang berfungsi menyelaras pembangunan pusat data agar tidak menjejaskan kelestarian sumber air. Jawatankuasa ini memastikan keseimbangan dicapai antara pertumbuhan ekonomi digital dengan pengurusan mampan sumber negeri.

Justeru, segala langkah ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan bekalan air terawat sentiasa stabil, mencukupi dan mampan, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan semasa, tetapi juga bagi menjamin kelangsungan sehingga tahun 2040 dan seterusnya demi kesejahteraan rakyat serta kesinambungan pembangunan ekonomi negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B71

Blok 13 Flat Taman Ungku Tun Aminah didapati mengalami keretakan struktur dan tangga juga mula condong. Perkara ini merisaukan penduduk memandangkan forensik bangunan melibatkan kos yang mahal, adakah PBT bersedia membantu dalam memastikan keselamatan bangunan terjamin?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), menjadi kewajipan Perbadanan Pengurusan (MC) untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan forensik bangunan di blok 13, Rumah Pangsa Taman Ungku Tun Aminah.

Namun disebabkan kekangan kewangan, pihak MC tidak dapat menjalankan kerja-kerja pembaikan. Sehubungan itu, pihak MBIP telah berbesar hati membantu masalah ini dengan mengadakan satu sesi perbincangan pada 29 Ogos 2025 dan telah membuat keputusan untuk membantu menjalankan kajian forensik bangunan dan kerja-kerja pembaikan sementara melalui kaedah "*grouting"* dan skim semula. Kajian ini adalah dijangkakan dapat menyelesaikan masalah ini bagi jangka masa pendek, manakala hasil daripada kajian ini akan diperolehi bagi menyelesaikan perkara ini dalam tempoh masa yang panjang dan tuntas.

Untuk makluman, dokumen berkaitan pelantikan syarikat perunding telah diserahkan ke Bahagian Kontrak Kejuruteraan untuk semakan sebelum dihantar ke Bahagian Perolehan untuk tindakan selanjutnya.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B72

Adakah kerajaan negeri bercadang mewujudkan portal khas aduan buli di sekolah ataupun asrama untuk memudahkan aduan oleh pelajar dan ibu bapa dibuat memandangkan banyak rungutan ibu bapa bahawa pihak sekolah acuh tidak acuh apabila aduan dilakukan?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) mengambil maklum berhubung rungutan ibu bapa bahawa aduan kes buli kadangkala tidak diurus dengan serius di peringkat sekolah. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana setiap aduan membabitkan keselamatan murid perlu diambil tindakan segera dan telus.

2. Sehubungan itu, JPN Johor memperkukuh saluran aduan sedia ada dengan beberapa pendekatan utama:

   i. Pemerkasaan Saluran Aduan Sekolah dan Asrama
   Setiap sekolah dan asrama diwajibkan menyediakan peti aduan fizikal dengan kawalan ketat untuk menjaga kerahsiaan murid.

   Guru Bimbingan Kaunseling, Guru Disiplin dan Warden diberi tanggungjawab khusus untuk menyemak serta mengambil Tindakan segera terhadap aduan yang diterima.

   ii. Penggunaan Saluran Aduan Rasmi KPM
   JPN Johor turut memperkukuh penggunaan saluran rasmi sedia ada iaitu WhatsApp AduBuli KPM yang boleh dihubungi 24 jam (014-800 9325) dan SISPAA AduBuli KPM (www.aduanbuli.moe.gov.my) untuk melaporkan semua kes buli secara langsung kepada Kementerian Pendidikan.

   Melalui mekanisme ini, setiap aduan direkod, dipantau dan dipanjangkan kepada pihak JPN Johor serta PPD untuk tindakan susulan segera.

   iii. Pemantauan dan Tindakan Tegas
   Pemantauan mengejut oleh pihak JPN Johor dan PPD ke sekolah berasrama terus diperkukuh.

   Sekolah yang gagal mengurus aduan dengan sewajarnya boleh dikenakan teguran dan tindakan tatatertib kepada pentadbir, selaras dengan kuasa yang diperuntukkan melalui SPI Bilangan 12 Tahun 2023.

3. JPN Johor menegaskan bahawa aduan kes buli tidak boleh disenyapkan atau dipandang remeh. Dengan adanya saluran rasmi AduBuli KPM yang diperkasa serta tindakan susulan JPN Johor dan PPD, diharapkan setiap suara murid dan ibu bapa dapat didengari, ditindak dengan segera dan seterusnya meningkatkan keyakinan masyarakat bahawa sekolah di Johor selamat untuk anak-anak kita.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B73

Bagaimana kerajaan negeri dapat memastikan jika HSA2 beroperasi, hospital tersebut tidak akan mengalami masalah kekurangan doktor dan kakitangan perubatan seperti yang terjadi pada Hospital Pasir Gudang?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Bagi memastikan Hospital Sultanah Aminah 2 dapat beroperasi tanpa masalah kekurangan doktor dan kakitangan perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah mengemukakan jumlah perjawatan yang diperlukan untuk beroperasi seawal fasa dokumentasi yang mana ianya telah dinyatakan dalam MBOR. Pihak JPA dan KKM telah sedia maklum keperluan sumber manusia untuk mengoperasikan HSA2.

Beberapa perkhidmatan di HSA akan dipindahkan ke HSA2 bersama doktor dan kakitangan yang terlibat. Bagi mengatasi kekurangan sumber manusia, KKM telah mencadangkan kolej-kolej yang melatih anggota sokongan klinikal meningkatkan kuota kemasukan pelatih bermula tahun ini agar apabila HSA2 ini siap dibina ramai graduan yang akan tamat pengajian dan boleh memenuhi kekosongan perjawatan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B74

Minta dinyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMK-13 kepada negeri Johor mengikut sektor dan daerah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMK-13 akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Oktober 2025 melalui pengumuman Belanjawan Negara 2026. Justeru, senarai rasmi projek pembangunan yang diluluskan di bawah RMK-13 hanya akan dimuktamadkan selepas diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Walaupun demikian, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan mengemukakan senarai cadangan projek strategik berimpak tinggi yang menepati keutamaan pembangunan negeri serta selaras dengan dasar pembangunan nasional yang meliputi semua sektor ekonomi dan daerah. Cadangan projek meliputi pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur pengangkutan, utiliti asas, serta peningkatan kemudahan pendidikan dan kesihatan.

Tidak ketinggalan, penyediaan perumahan mampu milik juga menjadi agenda penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana, menikmati taraf hidup yang lebih baik. Kesemua cadangan ini dirangka bagi meningkatkan ekonomi, menjamin kesejahteraan hidup rakyat serta memelihara kestabilan sosial di Negeri Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B75

Minta dinyatakan senarai projek-projek berimpak tinggi di bawah RMK-13 yang dilaksanakan di negeri Johor sebagai projek-projek yang menyokong usaha JS-SEZ.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rolling Plan Pertama (RP1) RMK-13 akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Oktober 2025 melalui pengumuman Belanjawan Negara 2026. Justeru, senarai rasmi projek pembangunan yang diluluskan di bawah RMK-13 hanya akan dimuktamadkan selepas diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui pelbagai jabatan dan agensi telah pun mengemukakan senarai cadangan projek berimpak tinggi yang menyokong Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ). Cadangan ini merangkumi pembangunan infrastruktur, peningkatan utiliti asas serta penyediaan ekosistem pendidikan, kesihatan dan perumahan yang mampu menarik tenaga kerja berkemahiran tinggi ke negeri Johor.

Kerajaan Negeri percaya bahawa pelaksanaan projek-projek strategik tersebut akan menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh kedudukan Johor sebagai pintu masuk pelaburan antarabangsa, selain memastikan manfaat JS-SEZ dapat dirasai secara langsung oleh Bangsa Johor melalui peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan serta kesejahteraan sosial yang lebih baik.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN B76

Senaraikan nama pemaju, bilangan unit yang perlu dibina dan jumlah kutipan sumbangan pemaju yang diterima oleh kerajaan negeri bagi tidak menyediakan rumah mampu milik mengikut tahun sejak tahun 2020 di setiap daerah serta pemaju yang tidak bayar sumbangan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Johor Jaya, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan dasar rumah mampu milik bagi memastikan keperluan perumahan rakyat di semua daerah dapat dipenuhi secara menyeluruh.

Bagi setiap projek pembangunan, pemaju diwajibkan mematuhi syarat kelulusan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, termasuklah penyediaan komponen rumah mampu milik atau sebarang alternatif lain yang dipersetujui melalui mekanisme sedia ada.

Segala kutipan yang diterima daripada pihak pemaju di atas ketidakpatuhan penyediaan rumah mampu milik adalah diselaraskan mengikut tatacara kewangan serta diaudit secara berkala oleh pihak berkaitan. Selain itu, proses pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pentadbiran Tanah juga dapat memastikan pihak pemaju tidak culas mematuhi syarat pembangunan yang telah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa dasar ini bukan sahaja bertujuan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, malah memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian bandar di negeri ini.

Sekiranya terdapat pemaju yang gagal mematuhi syarat atau enggan menunaikan tanggungjawab mereka, Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang dan dasar yang sedang berkuat kuasa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN B77

Nyatakan Statistik bilangan *Scam* yang dilaporkan ke PDRM dan jumlah kerugian dari tahun 2020 ke 2025 mengikut kategori scam serta bilangan kes yang didakwa ke mahkamah dan jumlah wang yang dipulangkan kepada mangsa.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes **jenayah siber di Negeri Johor** terus menunjukkan trend peningkatan sejak tahun 2020 hingga Ogos 2025, dengan melibatkan pelbagai kategori utama seperti telekomunikasi, e-kewangan, penipuan cinta (*love scam*), e-dagang, pinjaman tidak wujud dan pelaburan tidak wujud.

Tahun 2020 merekodkan jumlah kes 3,212 dengan jumlah kerugian dianggarkan RM71 juta, melibatkan kategori:

- Telekomunikasi : 815 kes / RM30.6 juta
- E-Kewangan : 102 kes / RM4.6 juta
- Love Scam : 200 kes / RM6.5 juta
- E-Dagang : 852 kes / RM5 juta
- Pinjaman Tidak Wujud : 961 kes / RM9.4 juta
- Pelaburan Tidak Wujud : 282 kes / RM15 juta

Tahun 2021 merekodkan jumlah kes 2,552 dengan jumlah kerugian dianggarkan RM65 juta, melibatkan kategori:

- Telekomunikasi : 646 kes / RM22.6 juta
- E-Kewangan : 41 kes / RM4 juta
- Love Scam : 122 kes / RM6.5 juta
- E-Dagang : 844 kes / RM9 juta
- Pinjaman Tidak Wujud : 516 kes / RM6.3 juta
- Pelaburan Tidak Wujud : 383 kes / RM16.3 juta

Tahun 2022 merekodkan jumlah kes 2,407 dengan jumlah kerugian dianggarkan RM83 juta, melibatkan kategori:

- Telekomunikasi : 708 kes / RM31.1 juta
- E-Kewangan : 128 kes / RM4.9 juta
- Love Scam : 77 kes / RM7.6 juta
- E-Dagang : 889 kes / RM16.6 juta
- Pinjaman Tidak Wujud : 299 kes / RM3.5 juta
- Pelaburan Tidak Wujud : 306 kes / RM19.5 juta

Tahun 2023 merekodkan jumlah kes 3,735 dengan jumlah kerugian dianggarkan RM129 juta, melibatkan kategori:

- Telekomunikasi : 1,052 kes / RM32.7 juta
- E-Kewangan : 348 kes / RM17.3 juta
- Love Scam : 91 kes / RM3.5 juta
- E-Dagang : 1,117 kes / RM20.7 juta
- Pinjaman Tidak Wujud : 511 kes / RM5.3 juta
- Pelaburan Tidak Wujud : 616 kes / RM49.6 juta

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Tahun 2024 merekodkan jumlah kes 4,131 dengan jumlah kerugian dianggarkan RM139 juta, melibatkan kategori:

- Telekomunikasi : 1,667 kes / RM47.5 juta
- E-Kewangan : 248 kes / RM5.1 juta
- Love Scam : 65 kes / RM2.4 juta
- E-Dagang : 926 kes / RM7.2 juta
- Pinjaman Tidak Wujud : 529 kes / RM5.8 juta
- Pelaburan Tidak Wujud : 696 kes / RM71.3 juta

Tahun 2025 (Jan–Ogos) merekodkan jumlah kes 5,267 dengan jumlah kerugian dianggarkan RM148 juta, melibatkan kategori:

- Telekomunikasi : 2,227 kes / RM37.5 juta
- E-Kewangan : 306 kes / RM3.9 juta
- Love Scam : 76 kes / RM2.3 juta
- E-Dagang : 1,107 kes / RM8.7 juta
- Pinjaman Tidak Wujud : 695 kes / RM4.9 juta
- Pelaburan Tidak Wujud : 856 kes / RM90.4 juta

Secara keseluruhan, dari tahun 2020 hingga Ogos 2025 sebanyak 6,537 kes telah berjaya dituduh di mahkamah seluruh negeri Johor.

Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut :

Tahun 2020 – 1,545 kes
Tahun 2021 – 1,437 kes
Tahun 2022 – 1,442 kes
Tahun 2023 – 1,032 kes
Tahun 2024 – 636 kes
Tahun 2025 (sehingga Ogos 2025) – 445 kes

Bagi kes-kes yang mana mangsa menghubungi National Scam Respon Centre (NSRC) di talian 997 untuk Negeri Johor, jumlah wang yang berjaya dipulangkan semula kepada mangsa kes penipuan secara dalam talian dari tahun 2024 hingga Ogos 2025 sebanyak RM77,496.11 (6.98%) berjaya dipulangkan semula kepada mangsa). Berikut merupakan pecahan mengikut tahun :

Tahun 2024
Jumlah wang disita: RM212,940.70
Jumlah wang dipulangkan: RM9,420.00
Peratus pemulangan: 4.42%

Tahun 2025 (Jan–Ogos)
Jumlah wang disita: RM 897,003.73
Jumlah wang dipulangkan: RM68,076.11
Peratus pemulangan: 7.59%

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN B78

Nyatakan halatuju dan usaha kerajaan negeri dalam menangani isu gangguan seksual di kalangan sekolah dan pelajar.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memandang serius isu gangguan seksual yang berlaku dalam kalangan murid dan warga sekolah. Gejala ini bukan sahaja melanggar disiplin, bahkan boleh memberi kesan psikologi yang mendalam serta menjejaskan masa depan pelajar.

2. Justeru, halatuju JPN Johor adalah jelas iaitu mencegah, melindungi, membimbing dan memulihkan setiap murid yang terkesan melalui pendekatan bersepadu dan berpaksikan undang-undang. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Pemerkasaan Dasar dan Garis Panduan
Pelaksanaan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 13 Tahun 2023 iaitu Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual Di Institusi Pendidikan Bawah KPM sebagai asas tatacara pelaporan, siasatan dan Tindakan.

Setiap sekolah diwajibkan mempunyai mekanisme pelaporan yang telus dan selamat untuk murid serta pengawasan guru bimbingan kaunseling.

ii. Pencegahan dan Pendidikan Kesedaran
Pelaksanaan program kesedaran di sekolah mengenai gangguan seksual, salah laku seksual dan jenayah seksual kanak-kanak, dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan PDRM Johor.

Modul Johor Safe Zone (ARMOR Disiplin) turut diperluas dengan komponen pendidikan emosi, sahsiah, nilai empati dan hormat-menghormati sebagai budaya sekolah.

iii. Latihan dan Kompetensi Warga Sekolah
Guru, Warden dan Guru Bimbingan Kaunseling diberikan latihan khusus berkaitan advokasi undang-undang termasuk Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Kanun Keseksaan, supaya mereka berupaya menangani kes dengan lebih profesional.

Guru Bimbingan Kaunseling dan Warden turut dilatih dengan Mental Health First Aid untuk memberi sokongan awal kepada murid yang terkesan.

iv. Kerjasama Rentas Agensi dan Perlindungan Murid
JPN Johor bekerjasama rapat dengan PDRM Johor melalui Pegawai Perhubungan Sekolah serta Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memastikan kes serius dirujuk segera kepada pihak berkuasa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Mangsa diberi akses kepada kaunseling psikososial, perlindungan kebajikan serta bimbingan kerohanian supaya mereka tidak trauma dan dapat meneruskan pembelajaran dengan selamat.

3. Halatuju JPN Johor adalah untuk memastikan setiap sekolah menjadi zon selamat, bukan sahaja daripada buli tetapi juga daripada gangguan seksual, melalui pendekatan pencegahan yang tegas, saluran pelaporan yang telus, intervensi yang pantas dan pemulihan yang menyeluruh. Dengan pendekatan ini, kita yakin dapat melindungi anak-anak Johor serta menjamin kelangsungan pendidikan yang berkualiti dan beradab.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN B79

Senaraikan laporan buli di kalangan pelajar mengikut kategori dari tahun 2020 hingga 2025 mengikut daerah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memandang serius isu buli yang berlaku dalam kalangan murid dan warga sekolah. Gejala ini bukan sahaja melanggar disiplin, bahkan boleh memberi kesan psikologi yang mendalam serta menjejaskan masa depan pelajar.

2. Untuk makluman, jumlah laporan kes buli dalam kalangan murid di negeri Johor bagi tempoh tahun 2020 hingga September 2025 adalah sebanyak 3,649 kes. Pecahan mengikut daerah dan tahun adalah seperti berikut:

DAERAH / TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Batu Pahat	102	12	145	148	201	41
Johor Bahru	75	7	100	169	194	8
Kluang	48	4	56	137	86	9
Kota Tinggi	49	4	40	101	101	7
Kulai	50	17	83	125	77	14
Mersing	15	3	46	30	17	2
Muar	18	3	17	62	48	9
Pasir Gudang	48	11	135	160	161	31
Pontian	29	8	28	57	63	18
Segamat	23	4	11	45	53	2
Tangkak	28	5	53	105	80	11
JUMLAH KES	**485**	**78**	**714**	**1139**	**1,081**	**152**

3. Data ini menunjukkan peningkatan ketara selepas pandemik COVID-19, khususnya pada tahun 2023 dan 2024. Walaupun terdapat penurunan yang signifikan pada tahun 2025, gejala buli tetap menjadi ancaman serius terhadap keselamatan, emosi dan sahsiah murid.

4. Sehubungan itu, JPN Johor telah melaksanakan beberapa usaha khusus:

   i. Pelaksanaan menyeluruh SPI Bilangan 12 Tahun 2023 bagi memastikan pengurusan kes buli dijalankan secara sistematik dan telus.
   ii. Pemantauan mengejut oleh JPN Johor dan PPD ke sekolah berasrama serta sekolah berisiko tinggi di setiap sekolah.
   iii. Kempen Anti-Buli Negeri Johor dan Johor Safe Zone dilaksanakan secara serentak semua 11 daerah, sebagai gerakan kesedaran besar-besaran.
   iv. Pemerkasaan saluran aduan rasmi, termasuk WhatsApp AduBuli KPM (014-800 9325) dan SISPAA AduBuli KPM, serta peti aduan fizikal di sekolah.
   v. Intervensi pemulihan pelaku melalui kaunseling berfokus (Solution Focused Brief Counseling), Program Rehabilitasi Buli dan latihan Mental Health First Aid untuk guru bimbingan kaunseling serta warden.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

vi. Pembangunan Modul Johor Safe Zone : ARMOR Disiplin, sebagai modul yang komprehensif merangkumi advokasi, pencegahan, intervensi, pemulihan dan pembangunan budaya sekolah selamat.

5. Kesimpulannya, dengan data daerah yang lebih terperinci ini, JPN Johor dapat melaksanakan intervensi yang lebih berfokus dan bersasar. JPN Johor beriltizam untuk terus melindungi anak-anak Johor melalui pendekatan pencegahan yang proaktif, intervensi segera serta pemulihan menyeluruh agar sekolah menjadi zon selamat dan kondusif untuk pembelajaran.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN B80

Nyatakan Statistik laporan gangguan seksual mengikut kategori umur dan jenis gangguan dari tahun 2020 ke 2025.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 2020 sehingga 31 Ogos 2025, sebanyak **947 kes rogol, 12 kes cabul**, **69 kes liwat** dan **980 kes di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017** telah disiasat.

Jenayah rogol menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2024 dan sedikit menurun pada tahun 2025 (sehingga 31 Ogos 2025). Peningkatan ini didorong oleh kesedaran orang ramai untuk melaporkan kepada pihak polis mengenai jenayah yang berlaku. Program-program advokasi seperti ceramah di institusi pendidikan, forum-forum dan kolaborasi bersama NGO dilihat sebagai satu platform yang mampu memberi pendedahan, pengetahuan dan kesedaran kepada orang ramai terhadap jenayah ini dan tampil membuat laporan polis.

Kes di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 menunjukkan peningkatan yang signifikan pada tahun 2025. Faktor penyumbang kepada peningkatan ini antaranya penggunaan media sosial, akses kepada internet tanpa pemantauan ibu bapa / penjaga, ibu bapa kurang cakna mengenai teknologi semasa dan kurang penyeliaan oleh ibu bapa / penjaga terhadap pergerakan / pergaulan kanak-kanak.

Melalui pemerkasaan fungsi Unit Malaysian Internet Crime Against Children (MICAC), D11, Jabatan Siasatan Jenayah yang berkolaborasi dengan agensi antarabangsa seperti Federal Bureau of Investigation FBI (FBI) dan Australian Federal Police (AFP) mampu mengesan aktiviti melibatkan Child Sexual Abuse Material (CSAM*)* yang dilayari / diakses / dimuat turun / dimuatnaik oleh pengguna internet seterusnya membongkar jenayah pedofilia walaupun tidak dilaporkan oleh orang awam.

PDRM mengadakan kolaborasi bersama agensi sahabat seperti SKMM bagi pemantauan berterusan dan sekatan kandungan media sosial / laman sesawang yang bersifat seksual selain memperbanyak program advokasi di peringkat institusi Pendidikan / kawasan penempatan.

PDRM juga sentiasa mengadakan latihan berterusan bagi melahirkan pegawai D11 yang mahir teknologi, komunikasi, risikan, siasatan dan lain-lain yang bersangkutan dengan fungsi tugas D11, Jabatan Siasatan Jenayah.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Polis DiRaja Malaysia Kontinjen Johor

TAHUN	KATEGORI KESALAHAN	PECAHAN UMUR KANAK-KANAK				JUMLAH
		0 HINGGA 5 TAHUN	6 HINGGA 12 TAHUN	13 HINGGA 16 TAHUN	17 HINGGA 18 TAHUN	
2020	ROGOL	0	23	103	10	136
	CABUL	0	0	2		2
	LIWAT	0	13	6		19
	AKTA KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	9	48	43		100
2021	ROGOL	0	14	98	9	121
	CABUL	0	0	3		3
	LIWAT	0	2	9		11
	AKTA KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	9	56	48		113
2022	ROGOL	0	20	105	9	134
	CABUL	0	0	1		1
	LIWAT	0	4	2		6
	AKTA KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	18	49	50		117
2023	ROGOL	0	29	145	10	184
	CABUL	0	0	2		2
	LIWAT	0	2	7		9
	AKTA KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	19	64	97		180
2024	ROGOL	0	28	188	8	224
	CABUL	0	0	1		1
	LIWAT	0	8	11		19
	AKTA KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	13	102	140		255
2025 (SEHINGGA 31 OGOS)	ROGOL	0	16	115	17	148
	CABUL	0	0	3		3
	LIWAT	0	2	10		12
	AKTA KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	0	96	119		215

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B81

Mohon nyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat (SPNB) yang telah dibina di DUN Johor Lama dan berapakah jumlah yang masih menunggu kelulusan pembinaannya?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan pelaksanaan program RMR di seluruh negara adalah terhad sehingga peringkat Parlimen sahaja. Maka, bagi DUN Johor Lama yang terletak dalam Parlimen Kota Tinggi berikut adalah pecahan pelaksanaan program RMR di Parlimen Kota Tinggi sehingga 31 Ogos 2025.

i. Jumlah permohonan yang telah diluluskan dan dilaksanakan di parlimen Kota Tinggi adalah sebanyak 401 unit rumah. Kesemua unit tersebut telah siap dibina dan diserahkan kepada pemohon.
ii. Jumlah permohonan yang telah dinilai layak dan sedang menunggu giliran adalah seramai 346 pemohon.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Program RMR adalah menjadi antara keutamaan KPKT. Justeru itu, KPKT dan SPNB merancang untuk meningkatkan lagi sasaran pembinaan Program RMR dalam RMKe-13 serta menambah baik mekanisma pelaksanaan dari semasa ke semasa agar lebih banyak RMR dapat dibina dan diserahkan kepada pemohon yang layak dari golongan B40 setiap tahun. SPNB juga sedang dalam perancangan untuk melaksanakan kaedah kolaborasi dalam pelaksanaan Program RMR di antara SPNB bersama agensi dan syarikat kerajaan atau swasta bagi memperkasakan lagi mandat Kerajaan kepada SPNB dalam pelaksanaan Program RMR.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B82

Umum mengetahui kos sara hidup kian semakin meningkat, apakah inisiatif tambahan Kerajaan Negeri Johor untuk mengurangkan kos beban sara hidup rakyat selain daripada Program Jualan Rahmah dan Jualan Kasih Johor?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor komited dalam menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Kos Sara Hidup Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 07 Ogos 2025, mesyuarat telah membincangkan pelbagai cadangan inisiatif meliputi semua portfolio dan pelbagai kumpulan sasar.

Di bawah Portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani & Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, cadangan juga meliputi pemberian bantuan kepada rakyat tunai *one-off* yang melibatkan golongan petani agromakan, penternak dan di negeri Johor.

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor bagi membantu golongan petani agromakanan, penternak dan nelayan dalam kalangan B40 dan M40 melalui pemberian bantuan tunai *one-off* kepada setiap penerima. Bantuan ini boleh dimanfaatkan oleh penerima untuk membeli barangan keperluan harian dan kegunaan lain yang bersesuaian.

Kerajaan negeri juga bersetuju untuk memperluasakan dan meningkatkan lagi kekerapan bagi pelaksanaan Jualan Kasih Johor pada tahun 2025 (Edisi Khas) dalam menawarkan pelbagai produk makanan asas seperti ayam, telur, ikan, minyak masak dan sayur dengan harga yang sangat Istimewa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B83

Sebahagian kawasan DUN Johor Lama berada di luar kawasan bandar, ramai penjaja serta peniaga kecil yang aktif bagi menampung kehidupan harian mereka. Apakah hala tuju Kerajaan Negeri Johor dalam memperkukuhkan ekonomi di kawasan luar bandar melalui inisiatif perusahaan kecil?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman, PUJB sememangnya memainkan peranan penting sebagai agensi pelaksana dan penyedia program keusahawanan negeri Johor. Berkenaan persoalan yang dikemukan, halatuju kerajaan negeri dalam memperkukuhkan ekonomi luar bandar melalui penawaran latihan kepada usahawan yang dikelolakan oleh PUJB dilaksanakan secara berkala dan mengikut keperluan dan kehendak para usahawan.

Selain itu, menerusi sistem Pusat Data Usahawan Johor (PADU). Dalam sidang DUN sebelum ini, saya telah memaklumkan bahawa para usahawan di Johor perlu mendaftar di PADU kelolaan sebagai salah satu mekanisme untuk mengumpulkan data usahawan di Johor. Ia sangat penting kerana data tersebut menjadi rujukan dan pelaporan kepada kerajaan negeri berkenaan bentuk bantuan dan jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada para usahawan. Malahan, saya juga mencadangkan agar PADU ini diwajibkan kepada semua agensi keusahawanan di Johor menerusi Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ) agar para usahawan mendaftar dan ia perlu segera dilaksanakan.

MARA turut memberikan sokongan kepada usahawan PURE melalui penyediaan kemudahan latihan peningkatan kompetensi keusahawanan, sokongan promosi melalui geran pendigitalan perniagaan, pembiayaan perniagaan serta penyertaan dalam ekspo promosi pelancongan.

Sebagai tambahan, Dalam melaksanakan pembangunan luar bandar di wilayah KEJORA ,aktiviti-aktiviti berteraskan pembangunan ekonomi dan usahawan menjadi teras dan fokus pengurusan KEJORA sama ada melalui program pembangunan fizikal (premis, kilang iks, kilang inkubator) dan bukan fizikal (kursus dan latihan, geran bantuan, promosi).

Selain itu, KEJORA juga sedang mengendalikan 285 unit premis perniagaan dan beberapa tapak perniagaan di dalam wilayahnya bagi membantu para usahawan yang memerlukan premis perniagaan. Premis-premis perniagaan ini ditawarkan secara sewaan kepada para usahawan dan peniaga dalam Wilayah KEJORA.

Sehubungan itu, bagi merancakkan lagi pembangunan ekonomi luar bandar di masa akan datang, KEJORA memerlukan kerjasama daripada pihak JPKK,Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan Galian bagi mengenalpasti lokasi di luar bandar yang boleh dibangunkan premis perniagaan. Semoga dengan pembangunan kemudahan premis ini dapat membantu para usahawan berniaga di premis yang selesa dan lebih strategik serta melahirkan usahawan yang mampu menghasilkan mutu produk untuk tujuan pemasaran ke peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B84

Kerajaan negeri setiap tahun telah membelanjakan sejumlah peruntukan pembangunan kepada kampung-kampung di dalam negeri Johor. Berapakah jumlah peruntukan pembangunan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri bagi kampung di bawah kawasan DUN Johor Lama. Mohon disenaraikan jumlah peruntukan bagi setiap kampung.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan kampung di Johor termasuk di Dun Johor Lama melibatkan sumber peruntukan dan pelaksanaan dari pelbagai pihak. Antaranya, Pejabat Daerah, KEJORA, Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) dan sebagainya.

Sebagai contoh, bagi tahun 2024 peruntukan berjumlah RM400,000.00 bagi Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) melalui pejabat KKDW Negeri Johor dalam menyokong pembangunan infrastruktur jalan di Dun Johor Lama. Bagi tahun 2024 juga, 45 unit Lampu Jalan Kampung Jenis LED telah dipasang di kampung-kampung sekitar DUN Johor Lama.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B85

Masalah tanah runtuh sering kali berlaku di dalam kawasan FELDA. Kerja-kerja baik pulih kawasan runtuhan mengambil masa sehingga bertahun-tahun untuk diselesaikan. Apakah usaha serta tindakan Kerajaan Negeri Johor melalui agensi yang berkaitan bagi mengatasi serta mempercepatkan penyelesaian masalah tersebut?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Pihak FELDA menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta pada setiap tahun bagi pembaikan bencana alam dan infrastruktur awam. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut adalah terhad kerana melibatkan keseluruhan rancangan di Malaysia. Segala permohonan daripada rancangan perlu melalui Jawatankuasa Infrastruktur FELDA di Ibu Pejabat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN B86

Keperluan rumah PPR sangat mendesak di Kota Iskandar kepada penduduk tempatan dan luar dikalangan B40 akibat dari tawaran kerja yang banyak. Adakah kerajaan negeri ada perancangan untuk membina rumah PPR di Kota Iskandar bagi menampung keperluan semasa dan akan datang?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Projek Perumahan Rakyat (PPR), atau dikenali kini sebagai Projek Residensi Rakyat (PRR), merupakan inisiatif penyediaan rumah sewa pada kadar rendah yang disasarkan kepada keluarga berpendapatan isi rumah rendah (B40). Projek ini adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Untuk makluman YB Kota Iskandar, Kerajaan Negeri juga menawarkan produk yang hampir sama konsepnya iaitu Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) bagi memenuhi keperluan rumah sewa / transit yang kian mendesak khususnya di kawasan bandar. Program RTBJ ini dikategorikan sebagai projek perumahan sosial yang tidak berasaskan keuntungan dan boleh dijadikan nilai tambah kepada pelbagai program perumahan lain yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan.

Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) ini disasarkan kepada golongan muda yang telah berkahwin dengan konsep menyewa sambil menyimpan dengan kadar sewaan 30% lebih rendah dari harga sewaan semasa. Daripada 5 projek RTBJ yang telah diperuntukkan dengan nilai RM22.8 juta, 2 projek RTBJ yang berada di dalam DUN Kota Iskandar ialah RTBJ Taman Laman Indah sebanyak 100 unit dan RTBJ Taman Mutiara Rini berjumlah 38 unit.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN B87

Isu penempatan setinggan yang berada di dalam kawasan Kota Iskandar. Adakah kerajaan negeri akan mengambil tindakan segera bagi mengelakkan pertambahan bilangan dan menawarkan hak milik kepada yang bersesuaian?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa komited menangani isu penempatan setinggan di seluruh Johor, termasuk di kawasan Kota Iskandar. Pendekatan yang diambil adalah bersepadu dan berhemah, dengan matlamat memastikan kebajikan rakyat terbela, pada masa yang sama mengekalkan pembangunan tersusun dan teratur.

Antara tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

1. Mengiktiraf penempatan lama – Bagi kawasan setinggan yang telah diduduki sekian lama, tidak terdedah kepada risiko bencana dan sesuai dari segi kedudukan tanah, Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk dikurniakan dan dijadikan sebagai Kampung Kurnia Bangsa Johor.
2. Penyediaan penempatan sementara – Penduduk berpendapatan rendah akan ditempatkan di rumah-rumah PPR atau kediaman sementara lain sebagai langkah awal sebelum pengalihan dilaksanakan.
3. Penguatkuasaan berperingkat – Notis pengosongan dikeluarkan lebih awal sebagai peringatan, sebelum sebarang tindakan perobohan dibuat.
4. Pengawalan kawasan – Rumah-rumah kosong yang tidak lagi didiami akan dirobohkan bagi mengelakkan pertambahan penempatan setinggan baharu di kawasan sedia ada.

Kerajaan Negeri menekankan bahawa semua langkah ini dilaksanakan secara tersusun, adil dan melibatkan kerjasama pelbagai jabatan serta agensi. Tujuannya adalah untuk mencari penyelesaian yang seimbang dalam menjaga kepentingan penduduk setempat yang layak, di samping memastikan pembangunan Negeri Johor berjalan secara teratur dan mampan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN B88

JKR memaklumkan bahawa jalan J7 ulang alik Gelang Patah-Ulu Choh pihak pemaju akan membinanya pada tahun 2028. Pada masa ini keadaan kesesakan semakin kritikal. Adakah kerajaan ada perancangan selain bergantung kepada pemaju?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, JKR telah mengemukakan permohonan **Projek Menaiktaraf Jalan Ulu Choh – Gelang Patah, Johor – Jalan Ulu Pulai Dari Persimpangan Pontian FT005 Pekan Nenas Sehingga Ke Persimpangan Jalan Ulu Choh – Tanjung Kupang (J7) – 7.5 KM** telah dikemukakan bersama permohonan program Rancangan 5 Tahun Johor bertajuk Kerja-Kerja Menaiktaraf Persimpangan Tiga Di Jalan Gelang Patah - Ulu Choh J7B Menghala Pontian Di Dalam Daerah Johor Bahru bagi mengatasi kepadatan aliran trafik tinggi yang dijangka meningkat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui JKR Negeri Johor ada mengangkat permohonan bagi menaiktraf jalan Gelang Patah-Ulu Choh J7 ini pada bajet 2026 di bawah tajuk Kajian Awalan Bagi Projek Menaiktaraf Jalan Ulu Choh – Gelang Patah (J7), Bermula Dari Simpang Setia Eco Garden Ke Simpang Pontian Highway (E3), Johor Bahru, Johor bagi skop sehingga rekabentuk dengan kos sebanyak RM3.8 juta. Namun iainya tertakluk kepada kemampuan dan perancangan kerjaaan negeri bagi meluluskan projek ini.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN B89

Sejauh manakah keberkesanan projek saliran mesra alam yang telah dilaksanakan di Apartment Lily dan Jasmine, Tampoi Indah dalam mengatasi masalah banjir yang masih berlaku walaupun tembok telah dibina? Sila nyatakan langkah mitigasi tambahan untuk memastikan masalah ini tidak berulang.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor telah melaksanakan PROJEK SALIRAN MESRA ALAM DI APARTMENT LILY & JASMINE di Tampoi Indah.

Berikut adalah maklumat berkaitan pelaksanaan projek tersebut:

Nama Projek	PROJEK SALIRAN MESRA ALAM DI APARTMENT LILY & JASMINE, MUKIM PULAI, JOHOR BAHRU, JOHOR
Kontraktor	Presint Bina
Kos Projek	RM1,487,100.00
Tarikh mula	1 Januari 2024
Tarikh siap	30 Jun 2025
Status semasa	Siap 100%

Sehingga kini, tiada kejadian banjir yang dilaporkan akibat limpahan air Sungai Skudai di sekitar tapak projek ini, iaitu di Apartment Lily & Jasmine.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor sentiasa memantau keadaan dan situasi semasa terutamanya ketika hujan lebat dan air pasang bagi memastikan keberkesanan projek ini.

Bagi meningkatkan keupayaan dan mengurangkan lagi risiko banjir di kawasan ini, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi meningkatkan kapasiti saliran dalaman dan perparitan di kawasan berkenaan.

Peningkatan keupayaan saliran dalaman ini akan menyokong lagi kepada projek sedia ada dalam mengurangkan risiko banjir di Apartment Lily & Jasmine serta kawasan sekitarnya.

Projek Saliran Mesra Alam Di Apartment Lily & Jasmine ini telah memberikan manfaat kepada hampir 500 orang penduduk di sekitar apartment daripada ancaman banjir akibat limpahan air Sungai Skudai.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN B90

Bagaimana kerajaan negeri akan memastikan semua kemudahan rekreasi seperti taman awam dan gelanggang sukan di kawasan DUN Perling dilengkapi dengan ciri mesra OKU dan warga emas, termasuk laluan khas, dan peralatan sukan adaptif?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah menetapkan bahawa setiap pembangunan taman rekreasi hendaklah dilengkapi dengan kemudahan yang mesra pengguna serta inklusif kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini termasuk penyediaan kemudahan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) atau individu yang mempunyai keterbatasan fizikal, sensori dan kognitif supaya mereka juga dapat bersukan dan beriadah dengan selamat serta berkesan.

Antara syarat utama yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) sebagai contoh, adalah penyediaan laluan pejalan kaki yang dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU seperti pemasangan *braille tile*, *ramp*, dan *bollard* yang mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Selain itu, pembangunan kemudahan rekreasi seperti gimnasium luar (*outdoor gym*) tidak hanya ditumpukan kepada golongan muda semata-mata, malah turut memberi peluang kepada warga emas untuk menikmati kemudahan tersebut dengan lebih selesa ketika beriadah.

Langkah-langkah ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan taman rekreasi yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi standard keselamatan dan keselesaan, tetapi juga bersifat inklusif serta mampu dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat di negeri Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN B91

Apakah tahap kesiapsiagaan kerajaan negeri dalam menangani gangguan bekalan air tidak berjadual, khususnya di kawasan berisiko tinggi akibat pembangunan pesat seperti DUN Perling dan kawasan Iskandar Puteri?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan negeri amat prihatin terhadap insiden gangguan bekalan air, sama ada terancang atau tidak terancang, yang berlaku di beberapa daerah termasuk kawasan berisiko tinggi seperti DUN Perling dan Iskandar Puteri. Perlu difahami terdapat dua jenis gangguan bekalan air yang berlaku iaitu gangguan berjadual dan gangguan tidak berjadual.

Dalam kategori pertama, ia dilakukan bagi membolehkan kerja-kerja pemeriksaan, penyeliaan, baik pulih serta naik taraf dilakukan di loji rawatan air serta aset-aset berkaitan.

Kategori kedua adalah gangguan air tidak berjadual yang melibatkan insiden gangguan yang tidak dirancang dan berlaku tiba-tiba. Ia berlaku disebabkan kejadian paip pecah, musibah alam sekitar dan kecurian pada aset atau sistem penagihan bekalan air.

Pihak Ranhill SAJ berpengalaman luas dalam mengendali krisis gangguan air dan bersiapsiaga dengan pelan kontingensi yang proaktif. Ini bagi meminimakan kesan kepada para pengguna khususnya dalam berdepan dengan kedua-dua kategori gangguan bekalan air tersebut.

Antara strategi yang digunapakai adalah perancangan kerja-kerja awalan sebelum sesuatu kerja pemeriksaan, penyeliaan, baik pulih serta naik taraf dilakukan di loji rawatan air serta aset-aset dilakukan.

Bagi tindakan segera:

i. Gangguan berjadual lazimnya disebabkan penyelenggaraan loji rawatan air (LRA), tangki air, stesen pengepaman, penggantian paip serta kerja naik taraf agihan yang berkaitan.
ii. Prosedur operasi Ranhill SAJ menetapkan pemberitahuan awal 24 hingga 48 jam melalui SMS, aplikasi MySAJ2.0, media sosial dan laman web rasmi. Bagi meminimumkan kesan, lori tangki air dan tangki statik digerakkan ke kawasan terjejas.
iii. Bagi gangguan tidak berjadual, ia berpunca daripada pelbagai aktor seperti bencana alam, pencemaran sumber air mentah, paip pecah, gangguan elektrik, kegagalan sistem mekanikal & elektrikal dan lain-lain.

Ranhill SAJ telah meningkatkan kesiapsiagaan teknikal dan pasukan tindak balas pantas bagi mempercepatkan kerja-kerja pemulihan. Sebagai pelan jangka sederhana dan panjang:

i. Pembinaan LRA baharu serta kerja-kerja pengurangan NRW bagi memastikan margin simpanan yang baik dapat sentiasa diperolehi.
ii. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih kerap dan efisiein bagi memastikan aset bekalan air sentiasa berada dalam kondisi yang optimum.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

iii. Penggantian paip-paip lama dilaksanakan bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan air akibat paip pecah.
iv. Menaik taraf sistem perpaipan dan pembinaan stesen pengepaman agar tekanan yang stabil dan baik dapat dibekalkan kepada pengguna mengikut keperluan semasa.
v. Membina tangki-tangki baharu bagi menyediakan sistem sistem simpanan luaran yang mencukupi.
vi. Melaksanakan penyambungan sistem bekalan air antara satu LRA dengan LRA yang lain bagi mengurangkan impak pengguna yang akan terjejas jika kejadian luar jangka berlaku.

Saya ingin tegaskan bahawa selaras dengan usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuhkan sistem pembekalan air untuk rakyat, kerja-kerja naiktaraf loji rawatan air akan diteruskan bagi memastikan kemampanan aset-aset air kita.

Kita juga akur dengan cabaran yang dihadapi. Namun segalanya itu ditanggapi dengan sistematik serta penuh bertanggungjawab dalam memastikan keterjaminan bekalan air bersih, selamat dan mampan kepada lebih 4.2 juta rakyat Johor pada setiap masa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN B92

Nyatakan bentuk pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah terbiar, terutamanya di kawasan perumahan, tidak menjadi kawasan aktiviti jenayah, pembuangan sampah haram, pembiakan nyamuk aedes, serta tidak dimasuki ular dan binatang buas.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Johor sentiasa komited dalam memastikan pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan bagi menangani isu tanah terbiar, rumah kosong serta pembuangan sampah haram yang berpotensi menjadi punca kacau ganggu awam, pembiakan nyamuk Aedes, dan risiko keselamatan lain.

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bekerjasama erat dengan agensi kerajaan seperti Pejabat Tanah dan Galian, SWCorp, serta agensi berkaitan lain melalui pemantauan dan penguatkuasaan pembuangan sampah haram serta kawalan nyamuk Aedes. Notis dikeluarkan mengikut Akta Kerajaan Tempatan bagi memastikan pemilik tanah terbiar menjalankan pembersihan. Sekiranya pemilik gagal mematuhi, MBJB akan melantik kontraktor untuk menjalankan kerja pembersihan dan menuntut kos pembersihan daripada pemilik.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) melalui Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Landskap, dan SWCorp melaksanakan pemantauan komprehensif dalam 24 zon pentadbirannya. Setiap zon dipantau bersama 24 Ahli Majlis yang bertindak sebagai peranti maklumat utama. Notis Kacau Ganggu Dihapuskan (NKG) dikeluarkan di bawah Seksyen 86, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) kepada pemilik/pemaju bagi memastikan pembersihan dilaksanakan dalam tempoh munasabah. Tindakan penguatkuasaan tegas akan diambil terhadap pemilik yang ingkar.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sentiasa melaksanakan pemantauan tapak dan mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik kawasan bersemak atau tidak terurus dalam tempoh 7 hingga 21 hari bekerja. Sekiranya tidak dipatuhi, MBPG akan menjalankan pembersihan dan menuntut kos tersebut daripada pemilik. Kes yang melibatkan unsur jenayah pula akan diserahkan kepada Jabatan Penguatkuasa dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kesemua Pihak Berkuasa Tempatan turut melaksanakan kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perhilitan, dan Jabatan Alam Sekitar bagi menangani isu keselamatan dan pencemaran alam sekitar secara menyeluruh.

Kesimpulannya, langkah-langkah penguatkuasaan yang tegas, pemantauan berterusan, dan kesedaran komuniti sentiasa digerakkan secara bersepadu demi menjaga kesejahteraan, keselamatan serta kebersihan alam sekitar Negeri Johor.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN B93

Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan kontingensi, termasuk notifikasi awal kepada pengguna, penyediaan lori tangki air, dan usaha menaik taraf loji rawatan air bagi menjamin bekalan air yang stabil kepada penduduk?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan negeri amat prihatin terhadap insiden gangguan bekalan air, sama ada terancang atau tidak terancang, yang berlaku di beberapa daerah termasuk kawasan berisiko tinggi seperti DUN Perling dan Iskandar Puteri. Perlu difahami terdapat dua jenis gangguan bekalan air yang berlaku iaitu gangguan berjadual dan gangguan tidak berjadual.

Dalam kategori pertama, ia dilakukan bagi membolehkan kerja-kerja pemeriksaan, penyeliaan, baik pulih serta naik taraf dilakukan di loji rawatan air serta aset-aset berkaitan.

Kategori kedua adalah gangguan air tidak berjadual yang melibatkan insiden gangguan yang tidak dirancang dan berlaku tiba-tiba. Ia berlaku disebabkan kejadian paip pecah, musibah alam sekitar dan kecurian pada aset atau sistem penagihan bekalan air.

Pihak Ranhill SAJ berpengalaman luas dalam mengendali krisis gangguan air dan bersiapsiaga dengan pelan kontingensi yang proaktif. Ini bagi meminimakan kesan kepada para pengguna khususnya dalam berdepan dengan kedua-dua kategori gangguan bekalan air tersebut.

Antara strategi yang digunapakai adalah perancangan kerja-kerja awalan sebelum sesuatu kerja pemeriksaan, penyeliaan, baik pulih serta naik taraf dilakukan di loji rawatan air serta aset-aset dilakukan.

Bagi tindakan segera:

i. Gangguan berjadual lazimnya disebabkan penyelenggaraan loji rawatan air (LRA), tangki air, stesen pengepaman, penggantian paip serta kerja naik taraf agihan yang berkaitan.
ii. Prosedur operasi Ranhill SAJ menetapkan pemberitahuan awal 24 hingga 48 jam melalui SMS, aplikasi MySAJ2.0, media sosial dan laman web rasmi. Bagi meminimumkan kesan, lori tangki air dan tangki statik digerakkan ke kawasan terjejas.
iii. Bagi gangguan tidak berjadual, ia berpunca daripada pelbagai aktor seperti bencana alam, pencemaran sumber air mentah, paip pecah, gangguan elektrik, kegagalan sistem mekanikal & elektrikal dan lain-lain.

Ranhill SAJ telah meningkatkan kesiapsiagaan teknikal dan pasukan tindak balas pantas bagi mempercepatkan kerja-kerja pemulihan. Sebagai pelan jangka sederhana dan panjang:

i. Pembinaan LRA baharu serta kerja-kerja pengurangan NRW bagi memastikan margin simpanan yang baik dapat sentiasa diperolehi.
ii. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih kerap dan efisiein bagi memastikan aset bekalan air sentiasa berada dalam kondisi yang optimum.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

iii. Penggantian paip-paip lama dilaksanakan bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan air akibat paip pecah.
iv. Menaik taraf sistem perpaipan dan pembinaan stesen pengepaman agar tekanan yang stabil dan baik dapat dibekalkan kepada pengguna mengikut keperluan semasa.
v. Membina tangki-tangki baharu bagi menyediakan sistem sistem simpanan luaran yang mencukupi.
vi. Melaksanakan penyambungan sistem bekalan air antara satu LRA dengan LRA yang lain bagi mengurangkan impak pengguna yang akan terjejas jika kejadian luar jangka berlaku.

Saya ingin tegaskan bahawa selaras dengan usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuhkan sistem pembekalan air untuk rakyat, kerja-kerja naiktaraf loji rawatan air akan diteruskan bagi memastikan kemampanan aset-aset air kita.

Kita juga akur dengan cabaran yang dihadapi. Namun segalanya itu ditanggapi dengan sistematik serta penuh bertanggungjawab dalam memastikan keterjaminan bekalan air bersih, selamat dan mampan kepada lebih 4.2 juta rakyat Johor pada setiap masa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B94

Apakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan program pemberian laptop percuma kepada bakal siswa anak Johor? Jika ya; apakah bilangan tersebut akan ditambah dari semasa ke semasa agar lebih ramai anak-anak siswa Johor dapat menikmati inisiatif ini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) akan meneruskan pelaksanaan program pemberian komputer riba percuma kepada bakal siswa Anak Johor sebagai sebahagian daripada agenda memperkukuh akses pendidikan tinggi serta menyokong usaha pendigitalan pendidikan di negeri ini. Inisiatif ini digerakkan dengan tujuan meringankan beban kewangan keluarga, khususnya daripada kalangan **B40**, di samping memastikan para pelajar mempunyai kemudahan asas yang mencukupi untuk mengikuti proses pembelajaran di peringkat lebih tinggi.

Bermula bulan **September 2025**, sebanyak **3,188 unit komputer riba tambahan** telah diperuntukkan untuk diagihkan kepada pelajar yang akan melanjutkan pengajian buat kali pertama di peringkat **Ijazah Sarjana Muda dan Diploma**. Melalui agihan ini, dianggarkan seramai **3,188 orang pelajar Anak Johor** akan menerima manfaat secara langsung. Penekanan utama diberikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah agar mereka tidak tercicir dalam mendapatkan kemudahan digital yang kini menjadi keperluan asas dalam ekosistem pendidikan moden.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui YPJ turut merangka pelan pelaksanaan berfasa bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan inklusif. Jumlah penerima manfaat akan ditambah dari semasa ke semasa bergantung kepada **keperluan semasa, permintaan pelajar, serta kelulusan peruntukan kewangan** yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Pendekatan ini diambil bagi memastikan lebih ramai pelajar Anak Johor berpeluang menikmati kemudahan ini, sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.

Inisiatif ini juga memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri dalam mendukung aspirasi **Johor Digital Economy** dan agenda pendigitalan pendidikan negara. Melalui pemberian komputer riba percuma ini, Kerajaan Negeri yakin pelajar dapat menyesuaikan diri dengan keperluan pembelajaran digital, mengakses bahan akademik secara dalam talian, serta meningkatkan tahap literasi teknologi yang akan menjadi asas penting dalam kerjaya masa hadapan mereka.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B95

Johor terus mencatat pelaburan tertinggi negara bernilai RM56 bilion bagi suku pertama 2025. Justeru apakah kerajaan bercadang memberi insentif khas kepada rakyat berupa kredit yang dimasukkan ke kad pengenalan warga Johor sebagaimana pelaksanaan inisiatif MyKasih oleh kerajaan pusat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Johor terus membuktikan keupayaan sebagai pemacu utama ekonomi negara apabila mencatat pelaburan diluluskan tertinggi di Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2025, dengan nilai RM56 bilion. Pencapaian konsisten ini menunjukkan Johor berada di landasan kukuh untuk mencapai sasaran pelaburan tahun ini, sekaligus menyerlahkan potensi Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ) sebagai hab ekonomi serantau berfokuskan pelaburan berkualiti, teknologi maju dan industri masa depan.

Kejayaan ini bukan sekadar angka, tetapi manifestasi kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap pelaburan membawa manfaat langsung kepada rakyat Johor melalui penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi, pemindahan teknologi, serta limpahan ekonomi kepada komuniti tempatan. Atas dasar itu, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa inisiatif baharu dalam Belanjawan Johor 2025, berlandaskan peningkatan hasil negeri daripada RM2.005 bilion kepada RM2.5 bilion.

Antara inisiatif utama yang sedang dan akan dilaksanakan ialah:

1. Pengurangan kos sara hidup – Peruntukan tambahan bagi Jualan Kasih Johor dan Program Agihan Bakul Makanan untuk menurunkan harga komoditi terpilih kepada golongan sasar.
2. Bantuan tunai one-off – Disalurkan kepada anak yatim, nelayan, petani agromakanan, penternak, warga emas, mahasiswa, penghuni PPR/RSK serta keluarga berpendapatan rendah.
3. Bantuan khas tambahan – Melibatkan penerima seperti veteran ATM, pesara polis, pekerja am kebersihan, pemandu teksi, e-hailing dan p-hailing berdaftar.
4. Pendidikan – Bantuan makanan percuma untuk calon SPM, bantuan tunai one-off kepada pelajar Tingkatan Enam, Asasi dan mahasiswa universiti, serta peruntukan tambahan untuk Laptop Siswa Johor.
5. Pemerkasaan ekonomi rakyat – Penambahan peruntukan Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP) serta insentif khusus kepada usahawan mikro.
6. Kesihatan dan kesejahteraan – Bantuan sokongan kepada hospital serta pembangunan fasiliti di Klinik Kesihatan Ibu & Anak

Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan menggunakan hasil negeri yang diurus secara berhemat dan telus, dengan prinsip utama iaitu mengutamakan rakyat. Hasil daripada kejayaan pelaburan dikembalikan dalam bentuk kebajikan, pendidikan, kesihatan dan pemerkasaan ekonomi, bagi meringankan beban kos sara hidup serta memperkukuh kesejahteraan rakyat Johor secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B96

Kebanjiran warga asing di DUN Sungai Balang khasnya di kawasan industri mendatangkan keresahan kepada penduduk tempatan. Mohon kerajaan dapat melakukan pemantauan dan penguatkuasaan kepada warga asing yang tidak sah memasuki dan tinggal secara haram di negeri ini.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memandang serius isu kebanjiran warga asing tanpa izin khususnya di kawasan industri yang menimbulkan keresahan penduduk tempatan.

Pada 1 Januari 2025 Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Muar, Johor telah melaksanakan Ops Minyak di kawasan Sg. Balang Besar Darat, Muar. Hasil operasi ini, seramai 3 orang warganegara Indonesia yang bekerja secara tidak sah telah berjaya ditangkap.

Kesemua mereka telah didakwa di bawah Seksyen 6(1)(C) dan Seksyen 15(1)(C), Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].Ini jelas membuktikan bahawa tindakan penguatkuasaan sentiasa dijalankan secara berterusan oleh pihak berkuasa.

Kerajaan Negeri akan terus memastikan kerjasama rapat bersama Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia serta agensi keselamatan lain diperkukuh bagi membanteras kemasukan dan penempatan warga asing tanpa izin. Langkah ini termasuk operasi bersepadu secara berkala, pemantauan di kawasan industri, serta tindakan undang-undang tegas terhadap mana-mana majikan yang didapati menggaji pekerja tanpa dokumen sah.

Pada masa yang sama, rakyat digalakkan untuk turut menyalurkan maklumat atau aduan kepada pihak berkuasa. Saluran rasmi aduan boleh dibuat melalui portal JIM di https://imi.spab.gov.my atau hadir terus ke Pejabat Imigresen Muar.

Kerajaan Negeri Johor tegas bahawa isu ini tidak boleh dipandang ringan. Setiap tindakan yang diambil adalah demi keselamatan, ketenteraman awam serta kesejahteraan Bangsa Johor. Johor mesti kekal sebagai negeri yang teratur, selamat dan berdaulat daripada sebarang ancaman akibat kebanjiran warga asing tanpa izin.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B97

Apakah kerajaan bercadang memasukkan syarat baharu dalam rancangan pembinaan taman perumahan di mana pihak pemaju perlu menyediakan tangki air sendiri bagi kegunaan kawasan taman tersebut, supaya tidak mengganggu kemampuan pembekalan air pihak Ranhill-SAJ untuk disalurkan ke tempat-tempat lain?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Keperluan penyediaan utiliti dan infrastruktur seperti tangki air akan ditentukan oleh Ranhill SAJ berdasarkan anggaran keperluan bekalan air bagi pembangunan yang dicadangkan oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang. Sekiranya terdapat keperluan penyediaan tangki air, lokasi serta kapasiti tangki air tersebut perlu ditandakan dalam pelan susunatur sebelum diluluskan oleh PBT.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B98

Apakah kerajaan negeri bercadang untuk menukarkan kenderaan rasmi kerajaan kepada kenderaan EV bagi menyahut seruan penggunaan teknologi hijau dan mesra alam bagi mengurangkan kadar penghasilan karbon?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor sentiasa menyokong inisiatif teknologi hijau dan mesra alam sebagai usaha mengurangkan kadar penghasilan karbon serta menyahut seruan penggunaan kenderaan elektrik (EV). Seperti yang kita maklum, kenderaan EV bukan sahaja mengurangkan pencemaran udara, bahkan ia menjadi langkah penting dalam agenda negeri ke arah pembangunan yang lebih lestari.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Permodalan Darul Ta'zim (PDT) telah melaksanakan program rintis penggunaan kenderaan EV bagi kegunaan rasmi. Sejumlah 17 unit kenderaan EV telah digunakan di bawah program ini dengan objektif:

1. Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan EV sebagai langkah pengurangan gas rumah hijau.
2. Mengurangkan jejak karbon melalui pengurangan pergantungan kepada bahan api fosil.
3. Mewujudkan budaya hijau dalam pentadbiran kerajaan sebagai contoh teladan kepada masyarakat.

Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Johor turut menggunakan 9 unit kenderaan EV bagi kegunaan jabatan masing-masing. Untuk menyokong ekosistem EV ini, sebanyak 582 unit kemudahan pengecas (charging port) telah disediakan di seluruh negeri, sama ada di bawah seliaan PBT mahupun pihak swasta.

Badan berkanun negeri juga telah mula menggunakan EV sebagai kenderaan jabatan, termasuklah Permodalan Darul Ta'zim (PDT) yang menambah unit EV untuk kegunaan operasi.

Langkah ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memacu agenda hijau dan mesra alam, seiring dengan komitmen nasional dan global dalam menangani perubahan iklim. Penggunaan EV oleh jabatan kerajaan bukan sahaja membawa manfaat dari segi alam sekitar, tetapi juga berfungsi sebagai catalyst untuk memperluaskan penerimaan EV dalam kalangan rakyat Johor.

Kerajaan Negeri akan terus menilai keberkesanan program rintis ini sebelum meluaskan penggunaannya secara berfasa, agar Johor bukan sahaja menjadi negeri maju dari sudut ekonomi, tetapi juga negeri perintis dalam amalan kelestarian dan teknologi hijau.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B99

Apakah punca kuasa kepada Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) dalam dendaan menutup dua buah premis kedai selama 30 hari ke atas berikutan pemasangan jalur gemilang dan bendera negeri terbalik dan apakah prosedur siasatan dalam kes ini?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Arahan tindakan penutupan premis yang dikeluarkan adalah selari sebagaimana peruntukan yang dinyatakan di dalam UUK 49(2), Kuasa Menutup Premis, setelah pengesahan terhadap pelanggaran peruntukan yang dilakukan oleh premis berkenaan. Ia kekal sebagaimana UUK 45(1), Pengibaran Bendera, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDP) 2019. Ini bermakna tindakan berkenaan mempunyai asas undang-undang yang kukuh dan bukan keputusan sewenang-wenangnya. Sebagai maklumat tambahan, punca kuasa ini telah pun digunapakai di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor dan dimuktamadkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Prosedur yang digunakan bagi pelanggaran dibawah mana-mana Undang-Undang Kecil ini adalah prosedur lazim yang digunakan kepada mana-mana premis yang didapati melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang telah ditetapkan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B100

Mengapakah Ketua Masyarakat Sengkang Kulai baharu tidak berjaya dilantik pada Jun tahun ini dan apakah status terkini berkaitan pelantikan semula?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Ketua Masyarakat bagi Kampung Baru Sengkang, Kulai yang dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Jun 2025 telah pun dilaksanakan. Namun demikian, individu yang dilantik, iaitu Puan Tong Nget Min, telah menolak jawatan tersebut melalui surat rasmi bertarikh 5 Jun 2025 kepada Pejabat Daerah Kulai. Penolakan ini dibuat kerana permohonan asal beliau adalah bagi jawatan Ketua Masyarakat di Kampung Baru Kulai, dan bukannya di Kampung Baru Sengkang.

Bagi memastikan jawatan ini tidak dibiarkan kosong terlalu lama, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan), melalui surat maklum balas bertarikh 3 September 2025 daripada Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengarahkan Pejabat Daerah Kulai untuk melaksanakan pengiklanan semula kekosongan jawatan tersebut. Langkah ini penting bagi membolehkan proses pemilihan dan pelantikan baharu dapat dijalankan dengan telus dan teratur.

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan setiap jawatan Ketua Masyarakat di seluruh negeri, termasuk di Kampung Baru Sengkang, diisi segera oleh individu yang layak, berkredibiliti, serta benar-benar mampu menjalankan peranan sebagai penghubung antara rakyat dan pentadbiran kerajaan. Tanggungjawab ini amat penting kerana Ketua Masyarakat adalah wakil rasmi komuniti dalam menyampaikan aspirasi rakyat serta memastikan kebajikan penduduk setempat terjamin.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B101

Kemalangan maut telah berulang berlaku di Jalan Persekutuan FT001 Senai berhampiran dengan persimpangan masuk UTM hingga ke Taman Aman. Apakah rancangan kerajaan untuk menambah ciri-ciri keselamatan jalan di kawasan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri mengambil maklum ke atas aduan tersebut dan beberapa lokasi penambahanbaik perabot jalan meliputi papan tanda *chevron, transvers bars* dan *speed breaker* telah dilaksanakan di tapak terutamanya di dalam daerah Johor Bahru.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B102

Sila nyatakan inisiatif kerajaan dalam meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Johor khasnya dalam bidang berteknologi tinggi.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Jabatan Pembangunan Wanita melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor telah melaksanakan beberapa inisiatif utama bagi meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita di negeri Johor. Di bawah Domain Program Wanita dan Ekonomi, sebanyak 31 program telah dilaksanakan sehingga kini dalam tahun 2025.

Penubuhan Laman Wanita (LaWa) yang terletak di Parit Keroma, Muar adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Pelan Strategik KPWKM di bawah Teras 2 : Memperkasa Wanita iaitu dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan bilangan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh di samping menjana pendapatan keluarga dan negara. Selari dengan usaha tersebut, LaWa menyediakan tempat bagi melaksanakan program-program yang mendokong usaha memperkasa wanita dalam mengurangkan jurang gender terutama dari segi pembangunan kapasiti dan kesejahteraan wanita.

Selainnya, pelaksanaan program juga turut dilaksanakan secara kolaborasi dengan agensi Kerajaan dan swasta seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Maxis dan Canon dan sebagainya sebagai usaha untuk menyokong wanita dalam sektor gig dan keusahawanan digital termasuk memberi latihan, sokongan teknikal, peluang menjana pendapatan sendiri serta peluasan kepada lebih banyak platform dan rangkaian perniagaan.

Inisiatif-inisiatif ini adalah selari dengan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030 yang menyasarkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh meningkat kepada 60% menjelang 2030.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B103

Berdasarkan kes Haris Samsudin, pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan pelajar dari IPT di negeri ini yang menyertai PALAPES berada dalam keadaan selamat serta mendapat perlindungan sewajarnya semasa mengikuti latihan ketenteraan?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) amat berdukacita atas insiden kematian Allahyarham Syamsul Haris bin Shamsudin, Pegawai Kadet PALAPES UTM. Bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terus terpelihara, saya telah berbincang bersama pihak UTM untuk meneliti langkah-langkah penambahbaikan yang wajar dilaksanakan, khususnya melibatkan penyertaan pelajar dalam badan beruniform.

Menyedari bahawa pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) terdedah kepada latihan fizikal berintensiti tinggi serta pelbagai risiko yang bersifat luar jangka, maka terdapat beberapa saranan strategik yang akan dipertimbangkan bagi memperkukuh ekosistem sokongan sedia ada iaitu:

1. Penyediaan Dana Kecemasan Negeri untuk Pelajar Badan Beruniform
Walaupun pelajar PALAPES dilindungi di bawah skim insurans pusat seperti Skim Perlindungan Pelajar dan insurans ATM, Kerajaan Negeri Johor disarankan menubuhkan satu Tabung Bantuan Kecemasan Negeri bagi menampung keperluan luar jangka seperti kos pengurusan jenazah, sokongan kepada waris, perjalanan kecemasan, serta bantuan rawatan atau pemulihan.

2. Penempatan Pegawai Perhubungan Negeri bagi IPT dan Aktiviti Ketenteraan
Kerajaan Negeri Johor akan mempertimbangkan pelantikan Pegawai Perhubungan Negeri bagi IPT & Ketenteraan yang berperanan sebagai penghubung tetap antara pihak universiti, kem tentera, serta jabatan kerajaan negeri. Peranan ini penting bagi menyelaras komunikasi kecemasan, memudahkan hubungan dengan waris, serta menyalurkan sokongan negeri dengan lebih cekap.

3. Kolaborasi Pemantauan Latihan dan Audit Keselamatan Negeri-IPT
Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan universiti dan pihak tentera/ badan beruniform untuk melaksanakan lawatan bersama, pemantauan berkala, atau audit keselamatan tapak latihan yang dijalankan dalam negeri Johor khususnya di lokasi berisiko tinggi seperti PULADA. Usaha ini dapat memantapkan sistem pemantauan latihan dan memberi keyakinan kepada masyarakat.

4. Pembangunan Modul Persediaan Emosi dan Psikososial
Kerajaan Negeri melalui agensi seperti Jabatan Kesihatan Negeri, Yayasan Johor atau Bahagian Psikologi Negeri akan bekerjasama dengan pusat kaunseling IPT bagi membangunkan modul persediaan mental dan pengurusan tekanan latihan ketenteraan, termasuk intervensi awal bagi pelatih yang mengalami tekanan emosi, keletihan melampau atau trauma selepas latihan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

5. Penganjuran Forum Negeri Mahasiswa Beruniform

Kerajaan Negeri Johor juga akan tampil sebagai rakan penganjur dalam Forum Negeri Mahasiswa Beruniform Johor, melibatkan PALAPES, SUKSIS, SISPA, pengurusan IPT dan agensi pertahanan. Forum ini boleh dijadikan platform perkongsian dasar, sesi libat urus, pemantauan keselamatan, serta membina naratif keseimbangan antara disiplin ketenteraan dan kebajikan mahasiswa.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah strategik seperti yang dicadangkan ini, adalah diyakini bahawa kerajaan negeri bersama universiti-universiti di Johor akan dapat mewujudkan ekosistem latihan yang lebih selamat dan progresif, selari dengan aspirasi Johor sebagai sebuah negeri berwibawa, maju dan peduli.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B104

Senaraikan program pembangunan belia dan latihan kemahiran (TVET) yang dilaksanakan di Parit Yaani sepanjang 2024 dan jumlah penyertaan belia tempatan.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui pelbagai agensi dan rakan strategik telah melaksanakan pelbagai program pembangunan belia berteraskan latihan kemahiran serta TVET sepanjang tahun 2024 tidak hanya tertumpu kepada Parit Yaani sahaja tetapi merangkumi keseluruhan Negeri Johor. Antara inisiatif utama ialah program **Pro-Mahir** juga telah giat dilaksanakan bagi menyediakan latihan teknikal bersijil kepada golongan belia. Kursus yang ditawarkan meliputi CSWIP 3.0 (kimpalan), Elektrik Fasa 3, Solar PV dan Sistem Penyaman Udara. Daripada tahun 2018 hingga 2025, program Pro-Mahir telah dilaksanakan melalui **53 pusat latihan** di seluruh Johor dengan menawarkan sebanyak **115 kursus** yang melibatkan **3,318 peserta belia tempatan**.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM16.9 juta** bagi menjayakan pelaksanaan program ini, menjadikannya antara inisiatif latihan kemahiran terbesar di peringkat negeri. Usaha ini secara langsung membuktikan komitmen Johor dalam memastikan golongan belia mendapat akses kepada latihan teknikal berkualiti serta berdaya saing di pasaran kerja.

Selain itu, pengenalan program ***Skills4Johor***, iaitu program berfokus kepada upskilling dan reskilling belia dalam bidang strategik seperti tenaga solar, pusat data, sistem penyejukan, automotif, logistik, halal dan hospitaliti telah diperkenalkan pada awal tahun 2025 bagi meluaskan lagi program pembangunan kemahiran yang boleh dimanfaatkan oleh Bangsa Johor. Latihan ini bukan sahaja meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka, malah memberi peluang kepada peserta untuk memperoleh pekerjaan dengan gaji yang lebih kompetitif.

Pada masa sama, institusi pendidikan tinggi dan TVET seperti **UTM, UTHM, Politeknik, Kolej Komuniti serta GIATMARA Johor** turut memperluas capaian latihan teknikal. Bidang yang ditawarkan merangkumi kejuruteraan pembuatan, teknologi digital, keselamatan siber, hospitaliti, halal serta pertanian moden, yang melibatkan penyertaan belia di seluruh negeri. Latihan kemahiran ini turut diperkukuh melalui pelbagai kursus pendek anjuran GIATMARA dan Kolej Komuniti di setiap daerah. Antara kursus yang mendapat sambutan tinggi ialah asas automotif, jahitan, bakeri dan elektrik, yang berjaya menarik penyertaan ratusan belia di setiap lokasi sepanjang tahun 2024.

Keseluruhannya, Kerajaan Negeri Johor telah memperkenalkan pelbagai inisaitif dan juga program latihan kemahiran sepanjang tahun 2024 dengan Kerjasama kerajaan Persekutuan dan juga pelbagai agensi. Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuh kompetensi teknikal anak muda Johor, malah memastikan negeri ini lebih bersedia untuk memenuhi permintaan industri berteknologi tinggi serta keperluan tenaga kerja berkemahiran di peringkat serantau.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B105

Berapa institusi tahfiz, sekolah pondok dan madrasah swasta di kawasan DUN Parit Yaani yang telah berdaftar secara rasmi dengan JAINJ dan apakah tindakan pemantauan terhadap institusi yang belum berdaftar?

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Terdapat 4 buah sekolah swasta di DUN Parit Yaani, Batu Pahat dan kesemuanya telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) iaitu:

Bil.	Nama Sekolah	Alamat	Jumlah Murid	Jumlah Guru
1.	Madrasah Tarbiyah Addarunnafis	No. 15 Jalan Suria Taman Suria 83000 Batu Pahat Johor	318	23
2.	Tahfiz Darul Qura Lil Banin	Pos 5. Parit Hitam Khamis, Mk 6 Parit Yaani, 83710 Yong Peng, Johor	15	1
3.	Maahad Integrasi Tahfiz Al-Fathi	No 282A Jln Putera Indah 3/1, Taman Putera Indah, 83010 Tongkang Pechah Batu Pahat	139	11
4.	Maahad Darul Huffaz Al-Imtiyaz	Nombor 91 Kampung Baru Mukim 7 Parit Yaani, 83710 Yong Peng Johor	35	5

Bagi institusi yang belum berdaftar, pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAINJ akan menyantuni dengan menziarahi pihak pengusaha dan mengeluarkan surat arahan pendaftaran. Pihak institusi akan dibantu bagi melengkapkan dokumen yang diperlukan termasuk dari pihak keselamatan dan kesihatan.

Di samping itu, pihak JAINJ sedang dalam usaha memperkasa Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam (Johor) 1991 dan dijangka selesai pada akhir tahun ini. Beberapa pindaan telah dicadang dan dibincangkan bersama Pejabat Penasihat Undang-undang negeri Johor. Antara pindaan yang dicadangkan ialah memasukkan klausa tugas-tugas Pendaftar iaitu : *(b) menutup sekolah agama yang tidak mematuhi enakmen dan kaedah-kaedah ini".*

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B106

Berapa program keusahawanan dan latihan kemahiran yang telah dilaksanakan khusus untuk belia luar bandar di Parit Yaani sejak tahun 2023?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman,

Terdapat dua (2) program keusahawanan yang telah dijalankan khusus untuk belia luar bandar di Parit Yaani seperti berikut:

BIL	TAHUN	SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN	GERAN YANG DIPEROLEHI	JUMLAH (RM)
1.	2025	SZ Food Gourmet	Produk Makanan	Digitalbiz (POS System)	RM3,000.00
2.	2024	Engs Legacy Sdn Bhd	Produk Makanan	BEST Persijilan *Hazard Analytical Critical Control Point* - HACCP)	RM16,000.00

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B107

Berapa jumlah kes penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga yang direkodkan di Batu Pahat serta pecahan dan apakah langkah pencegahan yang dijalankan?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Jumlah kes penderaan kanak-kanak di daerah Batu Pahat yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sehingga Ogos tahun 2025 adalah sebanyak 182 kes. Daripada jumlah itu 79 kes melibatkan kanak-kanak lelaki manakala 103 kes melibatkan kanak-kanak perempuan.

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil pelbagai inisiatif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak di negeri Johor. Antara inisiatif jabatan adalah:

1. Memperkasakan tanggungjawab komuniti untuk terlibat secara aktif membina persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak
a) Program Latihan *Child Support Team Johor* Menggunakan Modul Lindungi Permata Johor
Bagi menyediakan persekitaran yang selamat kepada kanak-kanak, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Modul Lindungi Permata Johor sebagai satu latihan untuk memperkasakan komuniti dan masyarakat bagi membantu melindungi kanak-kanak. Pelaksanaan Program Latihan kepada *Child Support Team Johor* menggunakan Modul Lindungi Permata Johor telah dilaksanakan sejak tahun 2023 hingga tahun 2025 dan telah melatih 657 orang sukarelawan CSTJ

Selain itu, JKM Negeri Johor juga telah memperkasakan peranan *Child Support Team* yang telah dilatih di peringkat daerah dengan mengadakan persidangan kes (conference case) bersama dengan pihak Jabatan serta agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Polis DiRaja Malaysia, pihak hospital, kaunselor sekolah dan lain-lain.

b) Meningkatkan peranan ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak.
Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) ditubuhkan di negeri dan daerah berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Di antara aktiviti yang dikendalikan oleh PPKK ialah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat. Antara program dan aktiviti yang dijalankan ialah mengadakan pusat jagaan, kelas tuisyen, khidmat kaunseling, kelas komputer dan kursus pengasuhan dan perkembangan kanak-kanak. Usaha ini dilakukan untuk membantu mencegah kes-kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, ponteng sekolah, kerosakan akhlak dan lain-lain masalah sosial. Di Negeri Johor terdapat 10 Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan 10 Pusat Aktviti Kanak-kanak.

c) Pelantikan Pembantu Pelindung
Melantik pembantu pelindung seperti peruntukan Seksyen 8A, Akta Kanak-kanak 2001 untuk membantu jabatan dalam kes perlindungan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

2. Melaksanakan program-program Perlindungan Kanak-kanak.

a) **Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian terhadap kanak-kanak** Peringkat Negeri Johor dan Program Celik Keselamatan Siber Kanak-kanak negeri Johor. Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak manfaat penggunaan internet dan gajet dan program ini juga memberi kesedaran kanak-kanak ancaman yang boleh didapati apabila menggunakan internet. Program ini disebar luas kepada lebih ramai pelajar sekolah dengan kerjasama pelbagai agensi dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak.

b) **Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak:** Kasih Kanak-kanak merupakan salah satu inisiatif dalam memberi pendedahan dan advokasi kepada kanak-kanak serta komuniti setempat berkaitan penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Program ini dirancang untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kanak-kanak berkaitan tindakan yang boleh diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dengan penderaan kanak-kanakProgram ini merupakan program kolaborasi agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Polis Diraja Malaysia, Suruhanya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

3. Program Kolaborasi Inter-Agensi

a) Mengadakan sesi perbincangan kes bagi pengurusan kes kanak-kanak yang melibatkan agensi seperti PDRM, Hospital, Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama Islam, Pihak Kedutaan, Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan.
b) Mengadakan Jerayawara Perkhidmatan Perlindungan Kanak-kanak bersama Mahkamah, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi berkaitan.
c) Membangunkan Modul/ Program bersama pihak Universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan kes kanak-kanak.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut memberikan perkhidmatan bagi kes keganasan rumahtangga yang memerlukan bantuan berdasarkan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521). Antara perkhidmatan yang disediakan bagi kes kes keganasan rumah tangga adalah:

i. Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) Seksyen 3A (Akta 521) yang dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diwartakan
ii. Membantu permohonan Perintah Perlindungan Interim (IPO) di Mahkamah Majistret Seksyen 4 (Akta 521) kepada mangsa
iii. Membantu menguruskan permohonan Perintah Perlindungan (PO) Seksyen 5 (Akta 521) di Mahkamah Majistestret kepada mengsa
iv. Menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa jika memerlukan.,
v. Menyediakan khidmat kaunseling dan sistem sokongan sosial yang lain jika mangsa memerlukan.

Dimaklumkan, jumlah kes keganasan rumah tangga yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor bagi tahun 2025 di Batu Pahat adalah sebanyak satu kes sahaja.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Jabatan Kebajikan Masyarakat turut melaksanakan pelbagai program pencegahan bagi mengatasi kes keganasan rumah tangga. Antara langkah pencegahan yang dilaksanakan adalah:

i. Program Advokasi Keganasan Rumah Tangga kepada masyarakat
ii. Kempen anti Keganasan Rumah Tangga melalui media sosial rasmi jabatan.
iii. Penerangan mengenai hak-hak dan perkhidmatan yang boleh dibari kepada mangsa keganasan rumah tangga melaui media sosial rasmi jabatan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor menggalakan orang ramai dan komuniti bersama-sama memastikan isu penderaan dan keganasan rumah tangga tidak berlaku dengan melaporkan aduan atau kes kepada mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan. Talian hot line iaitu **"Talian Kasih 15999"** yang beroperasi 24 jam juga disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memudahkan orang awam melaporkan kejadian penderaan. Program kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang kesan negatif penderaan dan keganasan juga giat dijalankan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan membantu masyarakat menjadi lebih peka dalam mencegah berlakunya kes penderaan disekeliling mereka.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B108

Nyatakan jumlah pelajar dari keluarga B40 di Batu Pahat yang menerima bantuan pendidikan seperti biasiswa yayasan negeri, kelas tuisyen dan peranti digital sejak tahun 2023 hingga kini.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Sejak tahun **2023 hingga kini**, seramai **574 orang pelajar daripada keluarga B40 di daerah Batu Pahat** telah menerima pelbagai bentuk bantuan pendidikan melalui program-program yang dilaksanakan oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan agensi berkaitan. Bantuan tersebut merangkumi:

1. **Biasiswa dan Pinjaman Pendidikan Yayasan Negeri**
   - Seramai **188 orang pelajar** telah menerima tajaan berbentuk biasiswa negeri dan pinjaman pendidikan bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma serta Ijazah Sarjana Muda.

2. **Program Kelas Tuisyen**
   - Seramai **250 orang pelajar sekolah menengah** telah mengikuti kelas tuisyen yang dibiayai YPJ (Johor GEMS) sebagai persediaan menghadapi peperiksaan utama seperti SPM. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar bagi meningkatkan pencapaian akademik mereka.

3. **Agihan Peranti Digital**
   - Seramai **136 orang pelajar (tahun 2025 sesi 1, manakalai sesi 2 sedang dalam permohonan)** telah menerima kemudahan komputer riba atau tablet di bawah inisiatif peranti digital percuma (laptop siswa Johor) untuk memastikan pelajar daripada keluarga B40 mempunyai akses yang setara kepada pendidikan digital.

Secara keseluruhannya, sehingga kini dianggarkan seramai **574 pelajar B40** di Batu Pahat telah menerima manfaat daripada program-program bantuan pendidikan tersebut. Inisiatif ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan anak-anak Johor, khususnya daripada keluarga B40, tidak tercicir dalam mengejar peluang pendidikan tinggi dan berdaya saing dalam arus pembangunan negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B109

Kita telah dikejutkan dengan kejadian kes buli di sekolah. Berapakah jumlah kes buli di sekolah negeri Johor yang telah dilaporkan oleh pihak selain mangsa atau ibu bapa kepada mangsa? Sebagai contoh; pihak sekolah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memandang serius isu buli yang berlaku dalam kalangan murid dan warga sekolah. Gejala ini bukan sahaja melanggar disiplin, bahkan boleh memberi kesan psikologi yang mendalam serta menjejaskan masa depan pelajar.

2. Berdasarkan rekod Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dan Pengurusan Sahsiah MOEIS KPM, sebanyak 152 kes buli direkodkan di sekolah-sekolah negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar aduan tidak hanya datang daripada mangsa atau ibu bapa, tetapi juga melalui laporan pihak sekolah sendiri. Hal ini selaras dengan tanggungjawab pihak sekolah di bawah Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023 : Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Di Institusi Pendidikan Bawah KPM, yang mewajibkan setiap insiden disiasat dan dilaporkan sama ada ia berpunca daripada aduan murid, ibu bapa atau pemerhatian guru dan pentadbir sekolah.

3. Pihak sekolah berperanan penting sebagai barisan hadapan dalam mengesan, merekod dan melaporkan kes buli ke dalam sistem yang telah disediakan oleh KPM. Mekanisme ini membolehkan data kes direkod dengan lebih tepat, termasuk kes yang dikesan oleh guru, warden atau rakan sebaya.

4. Selari dengan itu, JPN Johor telah memperkukuh beberapa langkah:

   i. Pemantauan mengejut oleh JPN Johor dan PPD ke sekolah berasrama dan sekolah berisiko tinggi untuk memastikan pihak sekolah menjalankan peranan pelaporan dengan tegas dan telus.
   ii. Pemerkasaan saluran aduan rasmi termasuk WhatsApp AduBuli KPM (014-800 9325), SISPAA AduBuli KPM, serta peti aduan fizikal di sekolah, supaya pelbagai sumber aduan dapat dikumpulkan dan tidak hanya bergantung kepada mangsa.
   iii. Latihan kepada pentadbir dan guru penyiasat supaya lebih cekap dalam mengurus siasatan, dokumentasi dan pelaporan kes, agar setiap kejadian direkodkan tanpa kompromi.

5. Kesimpulannya, jumlah 152 kes yang direkodkan pada tahun 2025 membuktikan bahawa selain aduan daripada mangsa atau ibu bapa, pihak sekolah juga memainkan peranan aktif dalam membuat pelaporan. JPN Johor akan terus memastikan pelaksanaan, pencegahan, pelaporan telus, intervensi segera dan pemulihan menyeluruh dijalankan demi menjadikan semua sekolah sebagai zon selamat untuk anak-anak Johor.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B110

Adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan pemantauan berjadual atau peruntukan alternatif untuk projek-projek tertunda bagi mengelakkan kelewatan yang sama berulang lagi?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri sentiasa memikirkan kaedah-kaedah tertentu bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Terdapat projek-projek yang telah diluluskan dibawah peruntukan negeri, dimohon kepada pihak persekutuan bagi melaksanakannya. Hal ini akan dilihat dari masa ke semasa mengikut keutamaan kerajaan negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B111

JS-SEZ dijangka membawakan 50 projek dan 20,000 pekerjaan mahir dalam tempoh lima tahun. Walaupun potensi besar, adakah kerajaan negeri dapat menjelaskan mekanisme penyelarasan di kalangan enam Majlis Tempatan untuk memudahkan permohonan perniagaan dan lesen?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek di bawah Johor–Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan mekanisme penyelarasan yang seragam dalam urusan pelesenan. Bermula tahun 2023, semua PBT di Johor telah mengguna pakai Garis Panduan Permohonan Lesen yang selaras, melibatkan tatacara serta penggunaan borang permohonan yang sama. Melalui garis panduan ini, sebanyak 437 hingga 455 jenis aktiviti telah dikategorikan sebagai Tidak Berisiko Tinggi (TBT), di mana lesen perniagaan boleh diluluskan terus di kaunter setempat sekiranya dokumen lengkap dikemukakan. Langkah ini secara langsung mempercepatkan proses kelulusan lesen serta merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Bagi kategori aktiviti tidak berisiko, contohnya di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), lesen boleh diluluskan dalam tempoh satu (1) hari sahaja, manakala bagi kategori aktiviti berisiko, tempoh kelulusan adalah sekitar 30 hari kerana memerlukan penelitian dan ulasan agensi teknikal berkaitan. Sebanyak 77 jenis aktiviti telah disenaraikan sebagai berisiko yang tertakluk kepada proses ini. Pendekatan ini memastikan keseimbangan antara kelajuan proses kelulusan dan keperluan kawalan selaras dengan undang-undang.

Sementara itu, bagi aktiviti perniagaan berisiko tinggi (BT) yang lebih sensitif seperti pusat hiburan dan perkhidmatan kesihatan, PBT seperti Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menubuhkan mekanisme dua lapisan Jawatankuasa, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelesenan & Penguatkuasaan bagi menilai permohonan awal, serta Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar untuk mempertimbang permohonan sensitif dan rayuan. Proses ini memberikan ketelitian dalam penilaian tanpa menjejaskan kelancaran pelaburan dan operasi di peringkat tempatan.

Selain itu, Iskandar Regional Development Authority (IRDA) telah menganjurkan beberapa siri bengkel dan perbincangan bersama enam PBT yang terlibat untuk menyelaras prosedur permohonan lesen perniagaan di kawasan JS-SEZ. Hasil daripada usaha ini, satu garis panduan bersama telah diwujudkan bagi memastikan semua permohonan dapat diproses secara seragam, mesra pelabur dan efisien di seluruh PBT yang terlibat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B112

Apakah pelan kerajaan negeri dalam menangani isu jalan negeri yang rosak teruk khususnya di kawasan luar bandar yang kerap menerima aduan rakyat, serta berapa jumlah peruntukan khusus tahun 2025 bagi penyelenggaraan jalan negeri?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri mengambil maklum dan memandang serius berkaitan isu jalan raya yang rosak teruk khususnya di kawasan luar bandar. Pembaikan dan penyelenggaraan jalan di bawah seliaan JKR dilaksanakan secara berkala dan juga rutin dibuat mengikut keutamaan dan juga menitik beratkan faktor keselamatan dan keselesaan jalan tersebut. Pemantauan secara berjadual sentiasa dibuat bagi mengekalkan kualiti kerja di tapak.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B113

Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan pelaburan asing yang masuk ke Johor turut menjamin gaji dan kebajikan pekerja tempatan, selaras dengan kos sara hidup yang semakin meningkat?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor sentiasa menekankan bahawa kemasukan pelaburan asing bukan sahaja dinilai daripada jumlah modal yang dibawa masuk, tetapi juga daripada manfaat langsung yang dapat dirasai oleh rakyat tempatan. Justeru, seiring dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, kerajaan negeri telah menetapkan hala tuju agar setiap pelaburan baharu, khususnya dalam sektor berkaitan teknologi seperti pusat data, mampu menjana peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal dan kebajikan pekerja yang terjamin. Melalui Johor Talent Development Council (JTDC), sasaran gaji premium antara RM3,000.00 hingga RM4,000.00 bagi setiap peringkat pendidikan mahupun graduan telah diperkenalkan sebagai penanda aras dalam rundingan bersama pelabur asing, sekali gus memastikan rakyat Johor tidak hanya menerima pekerjaan, tetapi juga pendapatan yang munasabah untuk menyara kehidupan.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri bekerjasama rapat dengan agensi persekutuan seperti Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp bagi memastikan pelabur asing mematuhi undang-undang buruh negara, termasuk Akta Kerja 1955, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta caruman perlindungan sosial seperti PERKESO dan KWSP. Program peningkatan kemahiran seperti Skills4Johor dan Pro-Mahir juga giat dilaksanakan supaya tenaga kerja tempatan dapat ditingkatkan kemahirannya dan layak mengisi jawatan berkemahiran tinggi yang ditawarkan oleh pelabur asing.

Melalui platform dialog industri seperti *Industry Working Group* (IWG), kerajaan negeri turut menekankan kepentingan kebajikan pekerja, prospek kenaikan pangkat, dan kelestarian bakat tempatan. Dengan pendekatan menyeluruh ini, kerajaan negeri yakin bahawa setiap pelaburan asing yang masuk ke Johor akan menjadi pemangkin bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi negeri, malah kepada kesejahteraan rakyat Johor secara keseluruhannya.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B114

Boleh kerajaan negeri jelaskan apakah perancangan untuk memperkukuhkan fasiliti rawatan kesihatan mental di Johor, memandangkan kes kemurungan dan cubaan bunuh diri semakin meningkat dalam kalangan anak muda yang bekerja dan juga mahasiswa dan mahasiswi?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Bahagian Kesihatan Awam memaklumkan isu berkaitan kesihatan mental merupakan cabaran yang kian semakin meningkat di dalam komuniti. Lebih merisaukan apabila isu melibatkan kesihatan mental ini turut dialami oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan latar belakang kehidupan. Di pihak Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor usaha memperkukuh perkhidmatan kesihatan mental sentiasa dilakukan. Antara usaha yang telah dilakukan adalah termasuklah:

i. Saringan kesihatan mental yang dilakukan di semua Klinik Kesihatan. Saringan ini boleh dilakukan oleh semua pesakit yang hadir, waris pesakit mahupun pelawat di Klinik Kesihatan. Bagi saringan yang tidak normal akan dirujuk bagi tujuan intervensi.

ii. Saringan MyMinda melalui applikasi MySejahtera kepada komuniti. Saringan ini boleh dilakukan melalui platform MySejahtera oleh semua pihak. Mekanisma rujukan pesakit turut dilakukan bagi saringan yang tidak normal.

iii. Saringan-saringan kesihatan yang dilakukan di komuniti melalui sukarelawan, NGO mahupun aktiviti kesihatan.

iv. Program-program kesedaran dan promosi kesihatan di pelbagai lokaliti, institusi, agensi kerajaan dan swasta serta komuniti sama ada dalam bentuk ceramah, forum mahupun pameran kesihatan mental. Selain itu, program Kospen-Wow, Kospen-Plus serta inisiatif Penjawat Awam Sihat Sejahtera turut dilaksanakan bagi mewujudkan budaya kerja sihat termasuk kesihatan mental.

v. Kerjasama pihak kesihatan dan institusi pengajian dan pendidikan dalam pelbagai aktiviti kesihatan mental melalui program seperi HePiLI, Prosis dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

vi. Memperkukuhkan program Perkhidmatan Klinik Mesra Remaja di Klinik Kesihatan bagi menangani isu-isu berkaitan remaja.

vii. Memperkukuh dan melatih anggota kesihatan dalam melaksanakan intervensi kesihatan mental di Klinik Kesihatan mahupun semasa bencana di komuniti.

Selain itu, pihak Kementarian Kesihatan Malaysia turut telah melaksanakan Program Kmindset bagi melatih ketua-ketua masyarakat sebagai individu awal dalam intervensi pengurusan krisis kesihatan mental di komuniti yang akan dipergiatkan lagi dalam halatuju 2026. Bukan itu sahaja, sejumlah peruntukan turut telah diberikan kepada fasiliti-fasiliti kesihatan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran mental termasuk program pencegahan bunuh diri (*MySave*).

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Bagi pelaksanaan intervensi kesihatan mental pula, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik Pegawai Psikologi secara kontrak bagi memastikan intervensi awal dapat dilakukan di Klinik Kesihatan.

Bahagian Perubatan memaklumkan Kementerian Kesihatan Malaysia prihatin dan mengambil berat tentang peningkatan kes kemurungan dan kes cubaan bunuh diri yang semakin meningkat di kalangan anak muda dan mahasiswa/siswi.

Kolaborasi pelbagai agensi antara institusi mental dan kesihatan Awam, Jabatan Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, badan kerajaan dan bukan kerajaan termasuk syarikat swasta dijalankan. Saringan kemurungan boleh di lakukan melalui soalan depresi, *anxiety* dan *stress* (DASS) melalui QR kod yang dipaparkan di setiap PKD dan Klinik Kesihatan. Talian *helpline* Kementerian Kesihatan Malaysia 15555 sedia membantu mereka yang memerlukan bantuan kaunseling secara atas talian. Talian mental *health* psikososial Kementerian Kesihatan Malaysia (MHPSS) boleh dilayari di laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada bulan Oktober merupakan sambutan bulan kesihatan mental dijalankan pada setiap tahun. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi kesihatan awam dan hospital mengadakan sambutan ini melaluii forum dan ceramah umum.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B115

Senaraikan jumlah peruntukan pembangunan yang telah disalur mengikut daerah dari tahun 2024 hingga 2025.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor melalui kerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan yang menyeluruh di setiap daerah. Peruntukan pembangunan yang disalurkan bagi tempoh tahun 2024 hingga 2025 adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH PERUNTUKAN (RM) 2024	JUMLAH PERUNTUKAN (RM) 2025
1	BATU PAHAT	11,158,000.00	14,946,400
2	JOHOR BAHRU	122,437,955.00	86,397,860
3	KLUANG	11,119,596.79	32,918,000
4	KOTA TINGGI	12,399,136.00	17,567,000
5	KULAI	8,033,043.21	5,080,136
6	MERSING	13,530,000.00	12,975,000
7	MUAR	11,992,000.00	13,850,000
8	TANGKAK	13,320,000.00	19,848,000
9	PONTIAN	12,120,000.00	11,900,000
10	SEGAMAT	13,099,360.00	15,230,000
11	PELBAGAI	446,177,909.00	497,287,604
JUMLAH		675,387,000.00	728,000,000

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan pembangunan yang telah disalurkan bagi tempoh 2024 hingga 2025 adalah sebanyak RM1.403 bilion. Angka ini membuktikan komitmen berterusan untuk memperkukuh infrastruktur, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan pembangunan negeri diagihkan secara seimbang di semua daerah.

Namun, perlu difahami bahawa peruntukan pembangunan adalah dinamik, bergantung kepada kelulusan di bawah Pelan Rancangan Malaysia (contohnya RMKe-11 dan RMKe-12). Banyak projek merupakan projek sambungan (rolling plan)daripada tahun sebelumnya. Justeru, angka peruntukan bagi sesuatu tahun bukanlah pengukuran tunggal, sebaliknya sebahagian daripada pelan pembangunan bersepadu yang berterusan.

Kerajaan Negeri Johor akan terus memastikan setiap peruntukan ini dimanfaatkan sebaik mungkin, dengan tumpuan kepada projek berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat, mengurangkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar, serta melonjakkan daya saing Johor sebagai pemacu utama ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B116

Senaraikan jumlah dan lokasi rumah mampu milik yang telah dan akan dibina di DUN Tangkak dari sekarang hingga 2027.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Tangkak, bagi menjawab soalan berhubung jumlah dan lokasi Rumah Mampu Milik di kawasan Tangkak untuk golongan B40 dan M40, sukacita dimaklumkan bahawa berjumlah 256 unit telah berjaya disiapkan dari tahun 2022 sehingga 2024. Butiran projek Rumah Mampu Milik adalah sebagaimana berikut:

i. Sze Yen Enterprise (M) Sdn Bhd (Taman Sialang 3) : PKJ A 10 unit dan PKJ B 4 unit
ii. Megamas Development (Taman Mega Ria 2 (Fasa B)) : PKJ A 38 unit, PKJ B 28 unit dan RMMJ 17 unit
iii. Bukit Gambir Company (Taman Melor Jaya – Fasa 1) : PKJ A 40 unit dan PKJ B 60 unit
iv. Budi Saja Sdn. Bhd. (Taman Bukit Gambir Perdana) : RMMJ 45 unit dan
v. Ho Seng Lee Developments (Taman Pelangi, Segamat) : RMMJ 14 unit

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga komited dalam usaha memudahkan golongan B40 dan M40 memiliki rumah melalui pelbagai inisiatif yang menyeluruh. Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2025 Kerajaan Negeri telah mensasarkan 71 unit Rumah Mampu Milik yang akan siap di daerah Tangkak melibatkan pembangunan:

i. Megamas Development Sdn Bhd (Taman Mega Ria 2, Tangkak) : RMMJ B 28 unit dan RMMJ C 17 unit dan
ii. KSL Development Sdn. Bhd. (Taman Cemerlang, Mukim Serom, Tangkak) : RMMJ B 14 unit dan RMMJ C 12 unit

Seterusnya, bagi tahun 2026, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat satu projek perumahan telah diluluskan melalui Kebenaran Merancang oleh Majlis Daerah Tangkak melibatkan pembinaan oleh KT Lee Properties Sdn Bhd di Taman Serom Perdana iaitu RMMJ A 184 unit dan RMMJ B 48 unit.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B117

Sila nyatakan jumlah kes pengangguran belia di Johor bagi tahun 2022–2024 mengikut daerah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Untuk makluman Yang Berhormat, data kadar pengangguran ini adalah berdasarkan laporan rasmi yang diterbitkan oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** melalui Survei Tenaga Buruh. Perlu dijelaskan bahawa statistik ini merangkumi **keseluruhan peringkat umur tenaga buruh di Johor** dan tidak hanya tertumpu kepada kategori belia semata-mata.

Bagi tempoh **tahun 2022 hingga 2024**, kadar pengangguran Johor direkodkan seperti berikut:

Tahun	Suku	Kadar Pengangguran (%)
2022	1H	3.2
	2H	2.9
	3H	2.5
	4H	2.4
2023	1H	2.6
	2H	2.4
	3H	2.5
	4H	2.3
2024	1H	2.4
	2H	2.5
	3H	2.3
	4H	2.2

Daripada angka ini, jelas menunjukkan bahawa pasaran buruh negeri Johor terus berada dalam keadaan baik dengan kadar pengangguran yang menurun serta stabil. Hal ini seiring dengan pelbagai usaha Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuhkan peluang pekerjaan, melaksanakan inisiatif peningkatan kemahiran (*upskilling* dan *reskilling*), serta memastikan rakyat Johor bersedia mengisi peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan hasil daripada pelaburan domestik dan asing.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B118

Apakah jumlah peruntukan tahunan yang diberi kerajaan negeri untuk penyelenggaraan jalan negeri di Tangkak? Sila senaraikan mengikut projek, kos dan tarikh siap.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Peruntukan Jurutera Daerah (2025)
   -RM 150,000.00 (4 Kerja)
   -Baki Peruntukan : RM 2,679.93

2. Peruntukan Konsesi (Tiya Bina Sdn Bhd)
   Fasa 1 & Khas : RM 3,510,000.00
   -3 Kerja Berkala Pavemen
   -4 Kerja Bukan Berkala Pavemen

   Khas & Kecemasan : RM 1,8000,000.00
   -1 Kerja Berkala Bukan Pavemen

   Fasa Undi : RM 560,000.00
   -4 Kerja Berkala Bukan Pavemen

3. Projek Negeri
   -Tajuk : Menaiktaraf dan lebarkan jalan & Jambatan Sungai Mati (Sawah ring) di Jalan J33 Tangkak Johor.
   -Kos : RM 10,029.980.94
   -Tarikh Mula : 20.02.2023
   -Tarikh Milik Tapak : 06.03.2025
   -Tarikh Siap Asal : 05.03.2025

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B119

Apakah jumlah dana yang diperuntukkan untuk pembangunan belia dan sukan di Johor bagi tahun 2025, dan berapa yang diperuntukkan untuk Tangkak?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Dana aktiviti Belia yang melibatkan daerah Tangkak adalah sebagaimana berikut:

1. Program Tautan Kasih Dan Jelajah Identiti Belia Bangsa Johor – **RM 15,000.00**
2. Program Team Building Glow Up OMJ (Orang Muda Johor) – **RM 50,000.00**
3. Program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor Zon Utara (Segamat, Tangkak dan Muar) – **RM 200,000.00**

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B120

Pengecualian tunggakan dan pengurangan cukai tanah (RM10) diberikan kepada sekolah menengah persendirian cina (SMPC) di Muar. Bolehkah kerajaan memberikan pengecualian cukai tanah dan cukai pintu untuk 10 buah SMPC di Johor kerana mereka menanggung kos pengurusan dan mengalami defisit?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Mengikut JPU 49 bertarikh 5 Disember 2019, kadar cukai tanah bagi sekolah swasta atau Institut Pengajian Tinggi / Bukan Komersil telah ditetapkan pada kadar RM70.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya. Untuk makluman Dewan yang mulia, hanya Sekolah Bantuan Modal yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor atau Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja yang layak menikmati kadar khas cukai tanah sebanyak RM10.00 bagi setiap hak milik, sebagaimana diperuntukkan di bawah JPU tersebut yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2020.

Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan pengurangan kepada kadar RM10.00, pihak sekolah boleh mengemukakan permohonan atau rayuan dengan disertakan justifikasi kewangan serta pengesahan daripada Jabatan Pendidikan Negeri bahawa sekolah berkenaan telah berdaftar sebagai Sekolah Bantuan Modal dan mempunyai nombor pendaftaran rasmi. Permohonan atau rayuan tersebut seterusnya akan dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B121

Apakah permit PBT diperlukan bagi pemilik tapak tersendirian untuk melaksanakan program? Sekiranya ya, apakah permit yang berkaitan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Setiap program yang dianjurkan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang (MPK) hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak MPK terlebih dahulu. Permit-permit yang berkaitan adalah Permit Kanopi, Permit Tutup Jalan dan Permit Sementara Perniagaan sekiranya program berkenaan melibatkan aktiviti jualan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B122

Hukuman penutupan 30 hari bagi isu bendera terbalik di Pontian adalah keterlaluan kerana hukuman dijalankan sebelum dan tanpa perbicaraan, ini bertentangan dengan prinsip keadilan asasi. Bagaimana untuk mengelakkan hukuman sebelum perbicaraan oleh PBT daripada berulang?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Tindakan Majlis Perbandaran Pontian mengeluarkan notis penutupan premis selama 30 hari adalah tindakan yang mengikut undang-undang dan juga amaran agar semua pihak supaya tidak cuai atau mengambil sikap sambil lewa apabila menyentuh isu berhubung kait kedaulatan dan maruah negeri dan negara.

Selepas 68 tahun Malaysia merdeka, alasan kecuaian yang sama tidak seharusnya berulang kerana kesilapan ini bukan perkara kecil, malah merupakan tamparan terhadap kedaulatan negara.

Menghormati dan tanggungjawab memastikan kedudukan dan pengurusan pengibaran Jalur Gemilang dan Bendera Negeri Johor adalah satu kewajipan. Setiap rakyat mempunyai tanggungjawab moral dan undang-undang untuk memelihara lambang ini, manakala alasan kecuaian pekerja adalah tidak wajar kerana majikan warganegara wajib bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesalahan dan kesilapan yang berlaku di premis masing-masing.

Tindakan arahan penutupan premis yang dikeluarkan adalah selari sebagaimana peruntukkan yang dinyatakan di dalam UUK 49(2), Kuasa Menutup Premis, setelah pengesahan terhadap pelanggaran peruntukkan yang dilakukan oleh premis berkenaan. UUK 45(1), Pengibaran Bendera, Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDP) 2019. Ini bermakna tindakan berkenaan mempunyai asas kukuh.

Kerajaan Negeri menegaskan bahawa sekiranya insiden seperti ini berulang, tindakan yang lebih tegas dan tanpa kompromi akan diambil.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B123

Mohon statistik kes buli dan gangguan seksual yang dilaporkan di pusat jagaan dan sekolah-sekolah di negeri Johor dalam 5 tahun kebelakangan ini mengikut kategori pusat jagaan dan sekolah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memandang serius isu buli dan gangguan seksual yang berlaku dalam kalangan murid dan warga sekolah. Gejala ini bukan sahaja melanggar disiplin, bahkan boleh memberi kesan psikologi yang mendalam serta menjejaskan masa depan pelajar.

2. Untuk makluman, jumlah laporan kes buli dan gangguan seksual yang direkodkan di sekolah-sekolah negeri Johor bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2020 sehingga September 2025 adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah Kes
Buli	436	2,372	2,808
Gangguan Seksual	212	2,675	2,887
Jumlah Keseluruhan	648	5,047	5,695

3. Bagi kesalahan gangguan seksual, kategori yang dilaporkan adalah merangkumi:

   i. Bercumbuan
   ii. Menggunakan kata-kata atau perbuatan lucah
   iii. Melukis atau menulis kata-kata lucah
   iv. Mengintai
   v. Perlakuan memeluk murid lain yang berlawanan jantina
   vi. Perbuatan berdua-dua sehingga menimbulkan syak
   v. Berkhalwat

4. JPN Johor telah mengambil langkah memperkukuh pelaksanaan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023 (Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli) dan SPI Bilangan 13 Tahun 2023 (Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual) bagi memastikan semua kes diurus dengan prosedur yang jelas, telus dan tegas. Selain itu, JPN Johor melaksanakan inisiatif pencegahan dan pemulihan termasuk Kempen Anti-Buli Negeri Johor, program Johor Safe Zone : ARMOR Disiplin, latihan Mental Health First Aid kepada guru bimbingan kaunseling serta warden, dan pemantauan mengejut oleh JPN Johor dan PPD ke sekolah dan asrama.

5. Kesimpulannya, JPN Johor beriltizam untuk menangani isu buli dan gangguan seksual dengan pendekatan pencegahan, intervensi, pemulihan dan advokasi undang-undang, agar sekolah di Johor menjadi zon yang selamat, beradab dan kondusif untuk anak-anak Johor.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B124

Mesyuarat Penyelarasan Projek Jalan Sambung VBC Mengkibol pada 7 Ogos menunjukkan kebolehlaksanaan dengan penyelesaian isu-isu teknikal, ia projek infrastruktur kos rendah impak besar, selari dengan teras utama Belanjawan Johor 2025. Apakah status terkini projek ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Jabatan Kerja Raya Daerah Kluang menerusi surat maklumbalas kepada Pejabat Daerah Kluang bertarikh 07 Ogos 2025, mengambil maklum mengenai cadangan projek penyambungan jalan untuk lintasan Vehicle Box Culvert (VBC) Jalan Mengkibol, Kluang sebagaimana yang dihasratkan oleh YB DUN Mengkibol. Hasil semakan terhadap pelan lokasi cadangan yang dikemukakan bersama-sama surat Pejabat Daerah Kluang, beberapa isu berkaitan teknikal perlu diambil perhatian dan dipatuhi sebelum perancangan dan pelaksanaan projek dilaksana mengikut Amalan Kejuruteraan Terbaik yang menjamin keselamatan pengguna jalanraya serta tidak memberi Kesan Impak Sosial kepada penduduk setempat. Berikut adalah kriteria teknikal ulasan Jabatan Kerja Raya Daerah Kluang :

i. **Keperluan Pembinaan Struktur Jambatan dan Pembentukan Aras Jalan (*Embankment*) Di Dalam Rizab Dataran Banjir / Tebatan Banjir;**

Pembinaan struktur jambatan dan jalan di dalam rizab dataran banjir / tebatan banjir adalah bukan pilihan amalan kejuruteraan terbaik di mana limpahan dan kederasan halaju air akan memberi impak runtuhan dan hanyut kepada apa-apa struktur jambatan dan jalan yang akan dibina.

Pada masa kini, Negeri Johor sedang mengalami perubahan iklim yang mendadak. Justeru itu, pastinya kadar kuantiti limpahan air perlu dinilai secara maksimum bagi memastikan dataran banjir sediada mampu menampung kapasiti diperlukan serta jangka masa panjang. Pembinaan apa-apa struktur jambatan dan jalan di kawasan ini pastinya akan menyempitkan keluasan ruang dataran banjir sedia ada ini dan ia akan menyebabkan kesan limpahan air banjir yang lebih besar ke kawasan rendah di sekitarnya.

ii. **Selekoh Tajam Yang Berbahaya dan Tidak Merujuk Arahan Teknik Jalan JKR ATJ 8/86 (*A Guide on Geomatic Design of Road*);**

Berdasarkan cadangan pelan lokasi, didapati terdapat tiga (3) selekoh tajam yang berbahaya dan tidak merujuk pematuhan Arahan Teknik Jalan JKR. Pembinaan selekoh berbahaya dan tidak menepati aspek teknikal kejuruteraan ini pastinya akan memberi risiko kemalangan kepada pengguna jalanraya terutama pada waktu puncak yang melibatkan isipadu jumlah kenderaan yang tinggi.

iii. **Lintasan *Vehicle Box Culvert (VBC);***

Berdasarkan cadangan jajaran dan keadaan VBC di tapak, satu medium kawalan trafik diperlukan di tapak bagi menghalang kenderaan berat memasuki persimpangan laluan ini dan mengelakkan risiko perlanggaran terhadap struktur VBC atau pengguna lain yang menggunakan laluan ini. Selain itu, laluan ini juga memerlukan pencahayaan sepenuhnya dalam memastikan struktur VBC dan jambatan dapat dilihat pada waktu gelap dan tidak dilanggar oleh kenderaan. Berdasarkan pemakluman semasa lawatan tapak bersama pihak

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

RAC, pembinaan VBC adalah dikhaskan bagi tujuan penyelenggaraaan sekiranya terdapat isu *breakdown* / kerosakan pada komponen keretapi / lintasan keretapi berkenaan.

iv. Pembinaan Lorong Susur Masuk/Keluar *Acceleration/Deceleration (ACDC)* Jalan Mengkibol (J25);

Berdasarkan pelan ukur, cadangan jajaran jalan ini akan berhubung dengan jalan JKR J25 (Jalan Kluang – Renggam – Layang-Layang). Merujuk Arahan Teknik Jalan JKR ATJ 8/86 (*A Guide on Geomatic Design of Road*), laluan susur masuk dan keluar perlu disediakan bagi membolehkan kenderaan memasuki dan keluar ke cadangan jalan ini dalam keadaan selamat. Berdasarkan keadaan di tapak, rizab jalan sediad aa adalah tidak mencukupi dan memerlukan Proses Pengambilan Balik Tanah (PBT) di Lot-Lot Komersil iaitu PTB 7453, PTB 3727, PTB 10530 dan PTB 8602 serta melibatkan pengalihan utiliti SAJ, GAS Malaysia, Telco dan TNB. Kos Pengambilan Balik Tanah (PBT) bagi lot-lot komersil ini akan ditaksir oleh JPPH manakala kos pengalihan utiliti secara kaedah HDD melibatkan anggaran kos RM1.5 juta yang juga melibatkan paip Gas Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya Daerah Kluang telah menyediakan satu (1) cadangan jalan baru berimpak tinggi yang merupakan Jalan Pintasan Kluang (*Kluang Bypass*) dari Jalan Mengkibol (J25) di Persimpangan Lampu Isyarat Taman Muhibbah ke Jalan Kota Tinggi (FT91) sepanjang 2.1km dengan anggaran RM66,000,000.00 di bawah Program RP5 Pembangunan Baharu Rancangan Malaysia (RMK) Ke-13 RP2. Objektif projek ini adalah bagi memenuhi Pelan Pembangunan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Daerah Kluang di mana satu (1) penyuraian trafik diperlukan dari arah Kluang Barat (Jalan Stadium / Tasik Indah / Taman Delima) merentas ke arah Timur iaitu Jalan Kota Tinggi serta Jalan Mersing. Laluan baru ini akan melengkapkan rantaian lingkaran jalan-jalan PBT, Negeri dan Persekutuan di daerah Kluang dan akan mengurangkan sejumlah 70% kesesakan di mana pengguna tidak perlu melalui pusat bandar Kluang untuk ke arah Mersing, Air Hitam, Segamat atau Simpang Renggam.

Jabatan Kerja Raya **TIDAK BERSETUJU** terhadap Cadangan Jajaran Terbaru bagi Projek Penyambungan Jalan Untuk Lintasan *Vehicle Box Culvert (VBC)* Jalan Mengkibol, Kluang kerana perancangan dan pelaksanaan projek tersebut akan memberi impak sosial kepada penduduk setempat.

Jabatan Kerja Raya Daerah Kluang telah mengemukakan Cadangan Projek Baharu di bawah Cadangan Jalan Luar Bandar (JALB) bagi Projek / Program Pembangunan di bawah *Rolling Plan (RP2)* Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) iaitu:

i. Latar belakang projek
   a) Cadangan jalan ini akan melengkapkan projek penyediaan jalan lingkaran tengah Bandar Kluang yang dirancang bagi menyuraikan trafik dari Jalan Kluang - Batu Pahat (FT050) ke Jalan Kluang - Kota Tinggi (FT91) tanpa melalui pusat bandar.
   b) Projek ini akan mewujudkan laluan alternatif bagi menghubungkan Jalan Kluang – Renggam (J25) ke Jalan Kluang - Kota Tinggi (FT91).
   c) 3 laluan utama sedia ada yang merentasi laluan keretapi dan Sungai Mengkibol semakin tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang bertambah khususnya di waktu puncak.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

d) Projek ini juga akan memberi impak pembangunan yang lebih pesat di sepanjang laluan di samping akan menjadi laluan utama ke hospital baru bagi penduduk DUN Mengkibol dan DUN Mahkota
e) Dua laluan utama iaitu di lintasan keretapi Jalan Batu Pahat - Mersing (FT050) dan di Jambatan Jalan Besar (FT173) begitu sesak sebagai laluan ulang-alik ke sekolah oleh pelajar-pelajar di 8 buah sekolah sekitar Taman Idaman dan 4 buah sekolah sekitar Yap Tau Sah. Oleh itu, laluan baru ini akan memberi pilihan kepada pengguna yang menuju ke jalan Mersing atau ke Jalan Kota Tinggi.

ii. Justifikasi terperinci
a) Menaiktaraf jalan utama bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di Bandar Kluang lantas dengan kepesatan ekonomi yang meningkat di Daerah Kluang.
b) Untuk mengurangkan kadar kesesakan di bandar Kluang yang semakin tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang bertambah.
c) Menurunkan kadar risiko kemalangan di laluan utama sedia ada.
d) Memberi kemudahan kepada orang awam untuk pergi ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom.

iii. Kaedah/ Cadangan penyelesaian (sekiranya isu)
Bagi menyediakan jalan raya yang dapat mengurangkan kadar kesesakan sediada serta menyediakan hubungan jalan raya yang selesa dan selamat & menjimatkan masa perjalanan

iv. Senarai projek (jangka mula dan siap)
Jangka Panjang : MEMBINA JALAN PINTAS DARI KLUANG-RENGGAM-LAYANG-LAYANG J25 DI TAMAN MUHIBBAH KE JALAN KOTA TINGGI, FT091 DAERAH KLUANG, JOHOR. (3 Tahun : 2026-2028)

v. *Output* dan *outcome* projek
a) Meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan
b) Pengurangan masa perjalanan.
c) Peningkatan kapasiti dan tahap perkhidmatan LOS jalan.
d) Meningkatkan pembangunan ekonomi melalui penambahbaikan infrastruktur.
e) Meningkatkan pembangunan ekonomi dengan pertambahan kawasan sekitar yang semakin dipenuhi dengan taman-taman perumahan.

Bagi tindakan jangka masa pendek, JKR (D) Kluang dalam pelaksanaan Naiktaraf Jalan Mengkibol J25, di persimpangan Rumah Pegawai Daerah bagi penyuraian trafik ke arah Bulatan Mahkota melalui konsesi Tiya Bina Sdn Bhd dengan kos RM750,000.00. Pelaksanaan dijangka siap pada akhir Oktober 2025, dalam proses pengalihan utiliti TNB & TM.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B125

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk membaik pulih sebahagian struktur bangunan Sekolah Kebangsaan Parit Raja yang telah sekian lama tidak dibaik pulih dengan kos yang semakin meningkat serta memberi risiko keselamatan kepada seluruh warga sekolah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja awalan iaitu Kerja Penyiasatan Tanah, Kerja Pemetaan Pengesanan Utiliti (Utility Detection Mapping) dan Kerja Pemetaan Topografi telah selesai dilaksanakan sebelum ini dan telah diambil perhatian oleh pihak JKR Bahagian Geoteknik yang melibatkan cadangan skop pembaikan berikut:

   1.1 Roboh dan bina baru *link bridge* 3 tingkat antara Blok C dan Blok D.
   1.2 Pembaikan struktur laluan berbumbung tiang dan rasuk ke Dewan Sri Permata, Kantin, Blok C dan Blok D.
   1.3 Pembaikan apron.
   1.4 Pembaikan papak di koridor Blok A dan Blok B

2. JPNJ mengambil langkah proaktif bersama pihak PPD Batu Pahat dan mengadakan Lawatan Tapak ke SK Parit Raja pada 15 Julai 2025 (Selasa) dan hasil perbincangan bersama pihak sekolah, satu Sesi Libat Urus (SLU) akan diadakan pada minggu ke-4 bulan September 2025 bagi menentukan hala tuju baharu cadangan baik pulih bangunan sekolah tersebut serta permohonan peruntukan yang akan turut melibatkan pihak JKR Negeri. Langkah ini perlu diambil memandang faktor peningkatan kos pada tahun semasa dan tahun berikutnya berbanding tahun sebelummya sebanyak RM1,992,732.02 untuk kerja-kerja membina baru apron dan laluan berbumbung . Bagi butiran kerja-kerja perobohan laluan bertingkat, apron bangunan dan pejalan kaki berbumbung termasuk kos jentera berkaitan, pihak JKR pada tahun sebelumnya hanya menganggarkan kos sebanyak RM108,634.75 sahaja.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B126

Mohon dinyatakan usaha pihak kerajaan terhadap usaha pembinaan baharu Masjid An Nur Ladang Sri Gading, Mukim V, Simpang Kanan Sri Gading yang sangat berkeperluan tinggi kepada seluruh warga penduduk terlibat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

STATUS TERKINI MASJID ANNUR LADANG SRI GADING, BATU PAHAT

Kerajaan Maju Johor komited dalam memastikan segala kemudahan infrastruktur untuk kebajikan rakyat terus tersedia dan terpelihara khususnya berkaitan masjid dan surau yang merupakan syiar Islam dalam negeri Johor.

Bagi pembinaan Masjid An Nur Ladang Seri Gading Batu Pahat, dana yang tersedia adalah sebanyak RM6.3 juta berkapasiti 700 orang jemaah. Untuk makluman, keluasan tapak masjid telah berlaku pindaan dengan keluasan terkini adalah seluas 12,158.041 meter persegi (3.004 ekar) di atas No Daftar PTD 72353. Keluasan tapak ini jauh berbeza dengan tapak asal iaitu 8,030 meter persegi sahaja.

Terkini JKR sebagai agensi pelaksana sedang mengumpulkan lukisan tender dan terperinci dari pasukan rekabentuk selanjutnya dalam tindakan penyediaan Laporan Cadangan Pembinaan (LCP) yang akan dibentang pada minggu ketiga dalam bulan september 2025. Dalam masa yang sama JKR sedang menyediakan anggaran kos berdasarkan kepada lukisan lengkap (arkitek, struktur, infra, water plumbing system) dari pasukan rekabentuk. JKR juga akan menyelaraskan Mesyuarat pemurnian dan memuktamadkan anggaran kos selepas keputusan dan ulasan jawatankuasa Rundingan 20A diperolehi dari Plan Malaysia (sekiranya terdapat ulasan tambahan/pindaan).

Kesimpulannya, jika segalanya berjalan sebagaimana dirancang meliputi pembukaan tender yang dijangka pada bulan Oktober 2025 dan Mesyuarat Lembaga Perolehan yang dijangka pada Disember 2025, maka SST Kepada kontraktor akan dikeluarkan pada Januari 2026. Marilah sama - sama kita berdoa agar segala gerak kerja yang dirancang dapat direalisasikan demi kebajikan ummat sejagat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B127

Mohon dinyatakan usaha pihak kerajaan terhadap status Laporan Keselamatan Struktur Bangunan Masjid Nurul Huda Kampung Parit Lapis Sri Dalam, Mukim X Kampung Bahru yang sangat berkeperluan tinggi kepada seluruh warga penduduk terlibat serta usaha cadangan dari pihak kerajaan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, JKR (D) Batu Pahat telah mengemukakan Laporan Pemeriksaan Forensik daripada HODT Geoteknik dan anggaran Harga berjumlah RM800,000.00 kepada Pejabat Kadi Daerah No Ruj Surat: (41)JKRJ.BP.020/229/1/JLD 5 bertarikh 20 Jun 2025 untuk penyelarasan dan permohonan peruntukan daripada Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B128

Minta dinyatakan usaha dan langkah pihak kerajaan susulan berlakunya kejadian gempa bumi lemah di beberapa kawasan di negeri Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa siri gempa bumi lemah yang berlaku di Segamat dan Batu Pahat. Bermula pada 24 Ogos 2025 dengan magnitud 4.1, kemudian disusuli tujuh gegaran susulan antara 27 Ogos hingga 3 September, dengan magnitud antara 2.5 hinggalah 3.4.

Situasi ini memberi isyarat bahawa Johor, walaupun bukan negeri berisiko tinggi, tetap berhadapan dengan cabaran geologi yang wajar diurus secara strategik dan bersepadu.

Kerajaan Negeri tidak pernah berpeluk tubuh dalam menghadapi insiden ini. Justeru, Kerajaan Negeri Johor melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah juga telah melaksanakan intervensi secara berfasa yang merangkumi langkah jangka pendek, sederhana dan panjang.

Bagi JANGKA PENDEK, tumpuan diberikan kepada:

- Pertama: Mengaktifkan bilik gerakan bencana yang beroperasi 24 jam dengan penyertaan APM, BOMBA, PDRM, PBT serta kerjasama agensi teknikal lain.
- Kedua: Hebahan kesedaran melalui media rasmi kerajaan bagi memberi panduan keselamatan dan mengelakkan panik.
- Ketiga: Membangunkan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Gempa Bumi bagi menyelaras peranan semua agensi;
- Keempat: Melaksanakan Program *Community-Based Disaster Risk Management (CBDRM)* dan diperluas ke sekolah dan orang awam menjelang akhir Oktober.

Sebagai persediaan JANGKA SEDERHANA,

- Pertama: Pengukuhan sistem pemantauan dan analisis saintifik oleh NADMA, MET Malaysia dan JMG terhadap kawasan berisiko gempa;
- Kedua: JMG Johor menjalankan siasatan tanah dan bangunan sedia ada di kawasan pusat gempa untuk menentukan tahap risiko dengan lebih tepat;
- Ketiga: Naiktaraf enam stesen seismologi sedia ada di Johor;
- Keempat: Membina dua stesen tambahan (weak motion) untuk pengesanan awal gegaran. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, atas kelulusan peruntukan RM3 juta ini.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Akhir sekali, bagi memperkukuh sistem pemantauan serta kesiapsiagaan JANGKA PANJANG:

- Pertama: Kajian berterusan mengenai garisan sesar dan impak gempa oleh JMG, MET Malaysia dan universiti awam, seterusnya dapatan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.
- Kedua: Semua pembangunan baharu perlu mengambil kira piawaian Malaysia National Annex to Eurocode 8 untuk struktur bangunan tahan gempa.
- Ketiga: Melaksanakan penilaian kerentanan (vulnerability assessment) terhadap infrastruktur kritikal sedia ada seperti hospital, empangan, pusat data dan kemudahan strategik.
- Keempat: Membangunkan garis panduan khusus untuk keselamatan bangunan dan infrastruktur strategik di kawasan berisiko.
- Kelima: Mengemaskini pemetaan risiko seismik secara berterusan dengan cerapan pergerakan sesar dan integrasi teknologi moden termasuk kecerdasan buatan (AI).

Dengan langkah-langkah ini, Johor akan lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan gegaran bumi di masa hadapan, sekali gus melindungi keselamatan rakyat serta menjamin kelangsungan operasi infrastruktur kritikal negara.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B129

Apakah faktor utama berlakunya kelewatan atau ketidakselarasan jadual masa perlawanan dalam Sukan Bangsa Johor dan sejauh mana pengurusan masa perlawanan mempengaruhi tahap kepuasan atlet, jurulatih, dan penonton?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Sukan Bangsa Johor ini adalah sukan yang dianjurkan setiap tahun oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan) dengan dibantu oleh Majlis Sukan Negeri Johor. Oleh itu, dari segi persiapan, secara keseluruhannya berjalan lancar mengikut *timeline* yang telah disusun atur.

Sukan yang menggunakan kiraan mata. 56 DUN bermain dalam peringkat *Round-Robin* dan perlu dihabiskan dalam tempoh 1 hari setengah (1 1/2 hari) adalah merupakan perlaksanaan yang luar biasa. Sukan yang perlu ditamatkan melalui kiraan mata sebagai contoh sepak takraw sudah tentu akan mengambil masa yang lebih lama. Oleh itu, masa perlawanan yang dijadualkan akan lari sedikit daripada jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

Faktor *venue* pertandingan yang tidak mencukupi juga munyumbang kepada ketidakselarasan masa pertandingan. Sebagai contoh, setiap sukan memerlukan sekurang-kurangnya 8 gelanggang bagi menjalankan perlawanan sebanyak 56 pasukan (*16 Group*). Manakala, *venue* yang disediakan oleh pihak penganjur hanya ada 4 gelanggang sahaja yang sesuai (mengikut spesifikasi sukan-sukan yang dipertandingkan). Penganjur sudah meneliti secara terperinci *venue-venue* yang ada dan telah menyesuaikan mengikut situasi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Sukan Bangsa Johor ini dianjurkan secara konsep karnival. Memang diakui terdapat kesukaran dari segi penyediaan *venue-venue* yang perlu mengikut spesifikasi teknikal sukan di daerah-daerah. Sukan Sepak Takraw adalah sukan yang dilaksanakan secara kiraan mata, dan bukan kiraan masa sepertimana sukan futsal, bola jaring dan bola keranjang. Oleh itu, agak sukar untuk menetapkan tempoh masa perlawanan akan tamat.

Dalam Karnival Sukan Bangsa Johor 2025 baru-baru ini yang diadakan di daerah Muar, Sukan Sepak Takraw adalah satu-satunya sukan yang berlangsung hingga lewat malam. Ini pastinya memberi kesukaran kepada pengurusan pasukan-pasukan yang bertanding untuk menentukan pasukan yang layak ke pusingan seterusnya pada esok hari sama ada perlu menyediakan penginapan kepada pasukan masing-masing atau tidak. Disebabkan perkara ini, sudah pasti ianya sedikit sebanyak memberi kesan moral kepada atlet dan jurulatih yang ingin memberikan 110% persembahan dan komitmen yang terbaik di dalam gelanggang akan tergugat. Ia juga tidak terkecuali kepada para penonton yang ingin memberikan sokongan terhadap pasukan mereka.

Justeru itu, kita telah pun mengadakan mesyuarat post-moterm dan perkara ini telah pun dibangkitkan untuk penambahbaikan dalam penganjuran Sukan Bangsa Johor 2026 akan datang. Kita juga akan melihat keupayaan daerah yang menganjur pada tahun hadapan untuk menambah bilangan gelanggang bagi memastikan perkara ini tidak berulang serta dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Sekian.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B130

Sejauh mana keberkesanan Mesyuarat Tindakan DUN dalam menyelaras agensi kerajaan negeri dan persekutuan dan adakah kekangan bajet atau birokrasi mengurangkan keberkesanan mesyuarat ini dalam membantu wakil rakyat menyelesaikan masalah rakyat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Tindakan DUN (MTD) kekal sebagai platform strategik dan signifikan dalam menyelaras kerjasama antara agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ia bukan sahaja menjadi medan perbincangan isu semasa, malah berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian masalah rakyat secara holistik, menyeluruh dan seimbang.

Bagi memastikan mesyuarat ini benar-benar memberi impak, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khas berjumlah RM13 juta di bawah Pejabat YAB Menteri Besar untuk projek-projek yang dibangkitkan melalui MTD di seluruh daerah. Peruntukan ini melibatkan 177 projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2025, dengan pelantikan kontraktor dibuat terus oleh Pegawai Daerah agar proses lebih cepat dan telus.

Pecahan projek mengikut agensi adalah seperti berikut:

- Jabatan Kerja Raya (JKR): 29 projek (RM1.45 juta)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS): 31 projek (RM1.45 juta)
- Pejabat Daerah: 117 projek (RM10.79 juta)

Ini menunjukkan bahawa MTD bukan sekadar forum perbincangan, tetapi telah menghasilkan tindakan nyata yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Benar, terdapat cabaran dari segi kekangan bajet dan prosedur birokrasi. Namun, ia tidak melemahkan keberkesanan MTD kerana pendekatan whole-of-government telah dilaksanakan – agensi digerakkan untuk mengoptimumkan sumber sedia ada, berkongsi maklumat, memperkukuh kerjasama rentas jabatan, serta memberi keutamaan kepada projek yang memberi kesan segera kepada rakyat.

Sebagai contoh, beberapa isu yang dibangkitkan melalui MTD DUN Senggarang telah pun diselesaikan:

- Pembinaan Dewan Terbuka di Kampung Parit Lapis Mahang dengan kos RM395,000 melalui peruntukan Kampung Angkat Madani – Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.
- Projek Jalan Perhubungan Desa dari Parit Kemang ke Parit Botak Darat siap sepenuhnya dengan kos RM100,000 melalui peruntukan KKDW.
- Kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit sepanjang 6 km di Parit Mahang dengan kos RM30,000 oleh JPS.

Ini adalah bukti bahawa walaupun ada cabaran, MTD telah membuahkan hasil nyata untuk rakyat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Kerajaan Negeri sentiasa menegaskan bahawa MTD tidak boleh menjadi sekadar formaliti. Setiap isu yang memerlukan tindakan di peringkat negeri atau persekutuan akan dilaporkan terus ke Pejabat YAB Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor untuk tindakan susulan. Pemantauan berkala turut dijalankan agar mesyuarat ini benar-benar menjadi mekanisme penyelesaian masalah rakyat, bukan sekadar catatan minit mesyuarat.

Dengan langkah ini, walaupun berdepan keterbatasan bajet dan cabaran birokrasi, MTD terbukti kekal relevan, berkesan dan penting sebagai jambatan antara wakil rakyat, rakyat, serta jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B131

Semasa perbahasan dalam sesi Sidang DUN yang lalu, YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri ada mengumumkan peruntukan RM30 juta bagi pembangunan Maahad Tahfiz Negeri Johor. Sehingga kini apakah status pembangunan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI FARED BIN HAJI MOHD KHALID

1. Pembangunan Maahad Tahfiz Negeri Johor (MTNJ) adalah merujuk kepada pembinaan Maahad Tahfiz Sains Antarabangsa Negeri Johor yang dicadang untuk dibangunkan di tapak wakaf di Seelong, Johor Bahru.

2. Pihak JKR Johor sebagai pihak yang dilantik oleh pihak MAINJ bagi merekabentuk dan membina sekolah ini telah mengemukakan Skop dan Anggaran Kos Awalan (AKA) bagi projek ini. Antara ulasan yang diberikan adalah sebagaimana berikut:

Bagi merealisasikan projek ini. Ulasan yang diberikan daripada jabatan utitili dan teknikal sepertimana dinyatakan di bawah perlu diambil kira dan diselesaikan terlebih dahulu yang mana akan melibatkan kos bagi projek ini:

a) Sebagaimana dimaklumkan oleh wakil Majlis Perbandaran Johor Bahru, tapak projek ini adalah Zon Perumahan yang mana perlu diharmonikan menjadi Zon Sekolah melalui Pelan Malaysia dan Jawatankuasa Perancangan Negeri.

b) Laluan masuk ke tapak projek dari Laluan Utama kebiasaannya berukuran kelebaran 66 kaki namun kelebaran Jalan Rambutan tidak memenuhi syarat tersebut. Keadaan sedia ada tepi Jalan Rambutan tersebut juga terdapat rumah kediaman penduduk. Pihak tuan perlu membuat Pengambilan Balik Tanah (PBT) dari Jalan Utama ke tapak projek dan perlu diselesaikan terlebih dahulu.

c) Pihak JPS tidak membenarkan menggunakan jambatan sedia ada yang mana jambatan tersebut hanya mampu menampung beban 5 tan sahaja. Sekiranya projek ini kekal untuk dilaksanakan, laluan sementara dan jambatan sementara sepanjang tempoh projek perlu dibina dan kos tersebut perlu diambil kira.

d) Longkang keluar ke saliran JPS berdekatan dari tapak projek juga perlu ditambah baik (*upgrade*) memandangkan wujud pembangunan baru di kawasan tersebut.

e) Justeru, pejabat ini berpandangan semakan semula cadangan lokasi tapak projek perlu dilaksanakan memandangkan banyak ulasan teknikal yang perlu dipatuhi Pihak tuan juga dicadangkan untuk membuat semakan sekiranya terdapat laluan alternatif lain yang bersesuaian ke tapak projek yang boleh dilaksanakan Pengambilan Balik Tanah (PBT).

3. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Wakaf Negeri Johor yang berlangsung pada 11 Ogos 2025, wakil daripada pihak JKR memaklumkan beberapa perkara sebagaimana berikut:

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

a) Bahawa pembinaan sekolah di atas tapak ini adalah tidak sesuai. Walau bagaimanapun ianya boleh dilaksanakan dengan pematuhan dari Jabatan Utiliti yang mana akan meningkatkan kos yang tinggi kerana perlu menyelesaikan isu-isu yang telah dinyatakan.

b) Selain itu, keluasan tanah yang terhada dan bentuk muka bumi di kawasan tersebut turut mempengaruhi bentuk bangunan yang akan didirikan.

c) Justeru, cadangan pembinaan bangunan 14 tingkat akan mengakibatkan kos yang besar kerana melibatkan primary and secondary infrastructure bagi kerja-kerja pembangunan tanah.

d) Ia turut melibatkan cadangan untuk membuat pengambilan balik tanah di kawasan berhampiran untuk dijadikan laluan.

e) Selain itu, JKR Johor juga perlu mendapatkan ulasan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam bagi ketinggian pembinaan bangunan di kawasan laluan kapal terbang.

4. Setelah pembentangan dan perbincangan, Jawatankuasa bersetuju untuk meneruskan projek ini namun keutamaan pembinaan diberikan kepada pembinaan Maahad Johor Lil Banat di tapak wakaf Tunku Ampuan Mariam, Johor Bahru.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B132

Apakah inisiatif kerajaan di dalam membantu pengusaha Industri Kecil Sederhana (IKS) di dalam memperkenal dan menambah hasil produk untuk dipromosikan sempena Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Bagi membantu memperkasakan PMKS, Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP) melalui SME Corp. Malaysia yang merupakan salah satu ahli di dalam Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ) ada menyediakan program dan bantuan kewangan seperti berikut:

Program Pembiayaan Perniagaan Mikro 2025

- Program ini menawarkan bantuan pembiayaan bagi memperkasa perusahaan mikro di Malaysia pada kadar keuntungan 2% setahun dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 5 tahun serta tempoh tangguh bayaran sehingga 6 bulan bagi menampung kos modal kerja tetap seperti utiliti, sewa dan kos lain termasuk pembelian stok dan bahan mentah.

Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME)

Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) yang memberikan bantuan peringkat awal kepada perusahaan mikro melalui kemahiran kompetitif dan sokongan teknikal bagi meningkatkan produktiviti serta menjalankan perniagaan dengan lebih cekap. Antara latihan dan bantuan yang diberikan adalah berkenaan perakaunan, pendigital sistem pengurusan, kesihatan dan bakeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B133

Apakah pendirian kerajaan dan garis panduan terhadap pengusaha rumah inap dan tapak perkhemahan persendirian di dalam mereka mengambil bahagian di dalam industri pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengusaha inap desa dan tapak perkhemahan persendirian merupakan komponen penting dalam ekosistem pelancongan, khususnya dalam menyediakan pilihan penginapan berasaskan komuniti dan alam semula jadi.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menggalakkan pengusaha ini untuk berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan termasuk aspek keselamatan, kebersihan, kemudahan asas serta pematuhan undang-undang kecil pelancongan.

Tourism Johor pula akan memberi sokongan promosi dan bimbingan agar produk rumah inap dan tapak perkhemahan persendirian dapat dipasarkan dengan lebih berkesan dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa selaras dengan usaha Kerajaan Negeri memastikan Tahun Melawat Johor 2026 memberi manfaat secara menyeluruh kepada semua pemain industri pelancongan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B134

Sempena Tahun Melawat Johor 2026, apakah rancangan kerajaan terhadap kelancaran sistem pengangkutan awam bagi kemudahan pelancong ke destinasi pelancongan di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sempena Tahun Melawat Johor 2026, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh sistem pengangkutan awam supaya lebih lancar, selamat dan mesra pelancong. Antara langkah utama termasuklah memperluas laluan perkhidmatan Bas Muafakat Johor dengan 65 rangkaian laluan serta perkhidmatan BAS.MY yang merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan di bawah program SBST dengan 21 rangkaian laluan. Laluan sedia ada ditambah baik bagi memastikan sambungan terus ke kawasan pelancongan seperti Bangunan Sultan Ibrahim, Zoo Johor, Laman Mahkota, Pantai Lido, Galeri Glulam, serta pusat komersial seperti Mid Valley Southkey dan Puteri Harbour. Penyesuaian turut dibuat agar perkhidmatan lebih kerap, cekap dan mesra pengguna.

Bagi menyokong pembangunan ke arah bandar pintar, Kerajaan Negeri membangunkan aplikasi MyJT (*My Johor Transport*) sebagai platform merancang perjalanan dan paparan maklumat masa sebenar pengangkutan awam serta pendigitalan terminal utama daerah melalui pemasangan *Passenger Information Display System* (PIDS) serta kemudahan mesra pengguna lain.

Selain itu, bagi mempertingkat integrasi antara perkhidmatan bas dan teksi dengan mewujudkan zon integrasi pelancongan yang menggabungkan pelbagai mod pengangkutan di lokasi strategik seperti JB Sentral sebagai hab utama bandar raya yang menghubungkan bas henti-henti, teksi dan RTS yang akan bermula Januari 2027. Di samping itu, Larkin Sentral dan Terminal Senai Airport juga dijadikan sebagai zon integrasi pelancongan yang mempunyai sambungan bas dan teksi ke kawasan sekitar Negeri Johor.

Kerajaan Negeri melalui PAJ merancang beberapa inisiatif khusus untuk meningkatkan keselesaan dan pengalaman pelawat sempena *Visit Johor Year 2026* seperti perkhidmatan Bas Ulang-alik (*Shuttle*) pelancongan akan diperluaskan selepas kejayaan perkhidmatan *shuttle* ke Zoo Johor. Antara perkhidmatan baharu yang akan diperkenalkan ialah *Shuttle* Taman Botani Diraja Johor & Bangunan Sultan Ibrahim yang menghubungkan dua ikon bersejarah dan eko pelancongan negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B135

Apakah rekod kehadiran pengunjung ke Taman Botani Johor dan adakah ia masih menjadi tempat tumpuan pelancongan negeri sempena Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Taman Botani DiRaja Johor pada awalnya akan dibuka kepada orang awam sebagai salah satu kawasan pelancongan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui kenyataan media oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan pada 28 Ogos 2025 memaklumkan bahawa pembukaan Taman Botani DiRaja Johor ditangguhkan sehingga tarikh baharu yang akan dimaklumkan kelak.

Keputusan tersebut diambil dengan justifikasi bahawa beberapa perkara teknikal memerlukan penambahbaikan, khususnya berkaitan keselamatan pengunjung dan kelancaran sistem taman. Penangguhan ini penting untuk memastikan setiap kemudahan, landskap, dan sistem sokongan di taman ini benar-benar bersedia dan berada pada tahap piawaian tertinggi.

Pasukan teknikal kini sedang meneliti semua aspek dan juga menjalankan ujian keselamatan, serta memastikan pengalaman terbaik dapat dinikmati oleh pengunjung apabila taman ini dibuka kelak.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B136

Apakah fokus utama PUNJ dalam merangka bantuan kepada usahawan Johor bagi tahun 2026 dan adakah Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUNJ) akan memperkenalkan skim khas untuk membantu usahawan muda, wanita, dan belia Johor?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman Yang Berhormat, Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) berperanan penting dalam memudahcara dan menyokong pembangunan usahawan di negeri ini melalui latihan, akses pasaran, sokongan pembiayaan, pendigitalan perniagaan dan pembangunan ekosistem keusahawanan yang inklusif.

Inisiatif pemerkasaan dan pemberdayaan golongan Perusahaan Mikro, Kecil dan sederhana (PMKS) menjadi agenda Kerajaan Negeri dalam membentuk usahawan yang berdaya maju sekali gus bersedia menghadapi cabaran serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bagi merealisasikan Johor sebagai negeri maju menjelang tahun 2030. Ia termasuk merancang bantuan keusahawanan bagi sesi Belanjawan Johor 2026.

Selain itu, Objektif pelantikan PUJB sebagai penyedia program keusahawanan adalah sebagaimana berikut:

1. Menyelaras inisiatif, aktiviti dan program keusahawanan bagi meningkatkan bilangan usahawan dalam Negeri Johor;

2. Menyelaras inisiatif, aktiviti dan program keusahawanan bagi pembangunan usahawan dalam Negeri Johor;

3. Menyelaras inisiatif, aktiviti dan program keusahawanan bagi peningkatan pendapatan usahawan dalam Negeri Johor;

4. Memainkan peranan sebagai Pusat Sehenti Usahawan (*One-stop Centre*) yang menjadi sumber rujukan kepada usahawan berkenaan inisiatif jabatan/agensi lain; dan,

5. Memainkan peranan sebagai Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ).

Antara bantuan yang khusus kepada golongan yang baru memulakan perniagaan termasuk Wanita dan belia Adalah menerusi konsep mentor-mentee. Untuk makluman, Program Mentor-mentee bertujuan untuk membimbing usahawan belia yang baru memulakan perniagaan menerusi konsep *"mentor-mentee"*. Mentor akan dipilih daripada usahawan Johor yang terbukti berjaya dalam kelangsungan perniagaan serta mampu berkongsi pengalaman dan membimbing usahawan muda untuk berjaya.

Program ini akan dilaksanakan selama sehingga 3 bulan dengan fokus tertumpu kepada dengan mengenalkan usahawan baru kepada usahawan Johor yang berjaya supaya dapat belajar melalui pengalaman. Di akhir program ini seramai 25 usahawan belia menerima manfaat menerusi tawaran geran permulaan perniagaan sehingga RM10,000/orang.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

Program ini telah dilaksanakan sejak 2024 dan sehingga kini seramai 60 usahawan belia menerima manfaat. Bagi tahun 2026, ia telah dicadangkan untuk diteruskan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Antara Syarikat mentor yang terlibat pada tahun ini terdiri daripada Lazy Monday, Hous EK?, Cer Cabin, HIT Barber, Doana Frozen Food, AZ Motor Sport, Hijrah Water, Lazizon, Otak-Otak Mr Noh dan Run Cloud.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN B137

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan tanah-tanah di bawah seliaan kerajaan tidak diceroboh sewenang-wenangnya untuk dijadikan tapak pelupusan sampah, seperti mana yang berlaku di Jalan Masjid berdekatan Masjid Al-Muflihun?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, pencerobohan tanah kerajaan adalah merupakan satu kesalahan undang-undang di bawah Seksyen 425 Akta Kanun Tanah Negara [Akta 828} yang mana pendudukan tidak sah ini boleh berlaku dengan pelbagai cara antaranya:

1. menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan.
2. membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian darinya.
3. memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan dendan yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun.

Pihak kerajaan juga komited dalam membendung masalah pendudukan tanah kerajaan yang tidak sah. Antara langkah yang telah diambil adalah:

1. Melakukan pemantauan dan rondaan berkala di kawasan yang telah dikenal pasti.
2. Mengeluarkan notis pengosongan ke atas tanah yang telah dicerobohi dalam tempoh yang tertentu sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.
3. Mengemaskini rekod tanah kerajaan secara berkala untuk mengelak kekeliruan status tanah
4. Mewartakan tanah-tanah kerajaan kepada jabatan/agensi yang bertanggungjawab untuk menjaga rizab tanah yang berkenaan.
5. Menyediakan papan tanda menandakan bahawa tanah yang terlibat adalah milik kerajaan

Pihak kerajaan juga menyeru supaya masyarakat mengambil maklum dan cakna dengan keadaan sekeliling dan segera melaporkan kepada pihak pentadbiran tanah yang terdekat jika mendapati bahawa terdapat pencerobohan ke atas tanah kerajaan yang berlaku di kawasan sekitar.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN B138

Sejauh manakah kerajaan negeri meneliti cadangan pelaksanaan 'Peak Hour Heavy Vehicle Ban' di kawasan Johor Bahru, dengan mengambil contoh pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebagai langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Cadangan pelaksanaan *'Peak Hour Heavy Vehicle Ban'* di kawasan Johor Bahru akan diteliti melalui kajian penyuraian trafik yang sedang dilaksanakan oleh Perunding Arup, iaitu perunding yang telah dilantik oleh Pengangkutan Awam Johor (PAJ). Kajian ini akan dijalankan dalam tempoh setahun bermula Ogos 2025 hingga Julai 2026, meliputi kawasan Greater Johor Bahru yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu). Tumpuan diberikan kepada pemetaan aliran trafik semasa, termasuk mengenal pasti punca utama kesesakan dan impak pergerakan kenderaan berat di kawasan terbabit.

Skop kajian ini merangkumi penyediaan cadangan serta langkah-langkah penyelesaian yang komprehensif bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Greater Johor Bahru. Antara aspek yang akan dipertimbangkan termasuk kesesuaian masa larangan kenderaan berat ketika waktu puncak, penyediaan laluan alternatif, serta impak terhadap aktiviti logistik dan perniagaan. Hasil kajian ini dijangka dapat memberi gambaran jelas kepada pihak berkuasa dalam merangka strategi terbaik untuk menyeimbangkan kelancaran aliran trafik dengan keperluan ekonomi setempat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 PADA HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN B139

Apakah kerajaan Johor berhasrat menambah bilangan bas Maju Johor di kawasan tertentu bagi memudahkan pergerakan murid-murid sekolah, khususnya pada waktu pagi?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebutan nama bas yang lebih tepat bagi menggambarkan perkhidmatan bas percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah Bas Muafakat Johor (BMJ).

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap keperluan murid-murid sekolah khususnya pada waktu pagi yang menggunakan perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) sebagai medium utama pengangkutan untuk ke sekolah. Pada masa sekarang, sebanyak 12 laluan daripada 65 laluan Bas Muafakat Johor telah digunakan secara Hibrid bagi membantu pelajar-pelajar pergi ke sekolah dan pulang ke rumah selepas tamat sesi persekolahan.

Sebagai contoh, laluan P403 yang menghubungkan Felda Inas ke Bandar Tenggara merupakan laluan pelajar sekolah terbaharu perkhidmatan Bas Muafakat Johor yang telah diubah menjadi laluan Hibrid bermula pada 4 Ogos yang lalu melibatkan seramai 50 orang pelajar dari Felda Inas yang bersekolah di Bandar Tenggara.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan sentiasa menilai keberkesanan laluan sedia ada disamping mengenal pasti kawasan tumpuan yang memerlukan perkhidmatan bas khususnya di kawasan yang mempunyai pelajar sekolah. Langkah ini bertujuan memastikan pelajar-pelajar dapat bergerak ke sekolah dengan lebih selesa, selamat dan beroperasi mengikut masa ditetapkan.